

HARI RABU

6 DISEMBER 1989



LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETUJUH**

SEVENTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

**PENGGAL YANG KEEMPAT
FOURTH SESSION**

**MESYUARAT YANG KETIGA
THIRD MEETING**

HARI RABU

6 DISEMBER 1989



LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETUJUH**

SEVENTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

**PENGGAL YANG KEEMPAT
FOURTH SESSION**

**MESYUARAT YANG KETIGA
THIRD MEETING**

Kandungan

Mukasurat

Perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan (1990) 1989 (samb.)	3
Usul Y.A.B. Ketua Menteri mengenai Anggaran Pembangunan	48
Perbahasan atas Usul Anggaran Pembangunan	54

**LAPORAN PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN
NEGERI PULAU PINANG YANG KETUJUH
MESYUARAT YANG KETIGA BAGI PENGGAL KEEMPAT**

HARI RABU 6 DISEMBER, 1989

HADIR:

Yang Berhormat Tuan Speaker (Datuk Ooi Ean Kwong)

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu)

Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri (Encik Hashim bin Dato' Haji Yusoff)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, D.M.P.N., D.J.N.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang (Datuk Khoo Kay Por, D.M.P.N., J.M.N., J.P.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar, P.P.T.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar, P.J.K., P.J.M.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang, P.J.M., J.P.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Ara Rendang (Tuan Haji Zakaria bin Bakar)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad, P.P.N., P.J.K., P.J.M., J.P.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli, P.J.K.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Acheh (Puan Hajjah Ragayah binti Ariff, K.M.N., A.M.N., P.P.N., D.J.N., P.J.K.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti (Encik Yahaya bin Jamaluddin, P.J.K.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen, P.J.K.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Encik Yahaya bin Abdul Hamid, P.K.T., J.P.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat, J.P.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Penaga (Encik Abdul Razak bin Ismail, P.J.K.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Bakap (Dr. Lim Boon Sho, A.M.N., P.J.K.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjong Bungah (Encik Khoo Boo Yeang, P.J.K.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Encik Abd. Roni bin A. Hasan)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubok (Encik Goik Hock Lai, J.P.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Lanchang (Encik Tan Loo Jit)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng)

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Kebun Bunga (Encik Peter Huang)

TURUT HADIR:

Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Cik Tan Lee Lee)

Dewan disambung semula pada jam 9.40 pagi.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula. Dipersilakan Ahli Kawasan Ara Rendang.

Ahli Kawasan Ara Rendang (Tuan Haji Zakaria bin Bakar):

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya bangun mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1990 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada dua hari yang lalu. Di samping itu juga saya ingin menyatakan bahawa saya ingin mengambil bahagian untuk menjawab beberapa persoalan yang telah ditimbulkan, khususnya yang ada kaitan dengan jawatankuasa-jawatankuasa yang saya pengerusikan.

Tuan Speaker, dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan yang berlangsung, banyak perkara yang telah dibangkitkan. Namun begitu perkara-perkara yang ada kaitan, khususnya dengan jawatankuasa yang saya pengerusikan tidak banyak disentuh. Mungkin rasanya perbekalan-perbekalan yang diperuntukkan dan juga perkara-perkara yang ada kaitan dengan jawatankuasa saya itu dirasakan agak memuaskan. Walau bagaimanapun Tuan Speaker, dalam membahaskan Rang Undang-undang kelmarin ada pihak-pihak menyatakan bahawa perkara-perkara yang kita cakapkan, perkara-perkara yang telah dibentangkan adalah perkara yang sama, dan sudah tentulah Tuan Speaker kerana yang sedang kita percakapkan sekarang ini adalah mengenai Rang Undang-undang Perbekalan. Sudah tentulah perkara-perkara yang kita bincangkan adalah perkara-perkara yang ada di bawah maksud-maksud

atau kepala-kepala yang bermula daripada B1 hingga B15 dan kepala-kepala ini sudah tentu, perkara yang sama. Jadi ada tidaknya perubahan hanyalah dari segi jumlah-jumlah peruntukan dan ini juga diakui dalam perbahasan kelmarin.

Tuan Speaker, ada beberapa perkara yang telah dibangkitkan. Yang pertamanya ialah mengenai bantuan kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan dan ingin saya menjelaskan di sini bahawa perkara ini juga telah dibahaskan di dalam Dewan ini dan kita telah mengambil pendirian kerana ini telah dibangkitkan dalam persidangan yang lepas dalam perkara-perkara berhubung dengan penggubalan dan pelaksanaan dasar mengenai pendidikan adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Persekutuan dan keputusannya telahpun kita buat. Jadi saya tidak bercadanglah untuk menghuraikan dengan lebih mendalam.

Selain daripada itu Dewan ini juga telah mendengar beberapa perkara yang ada kaitan, khususnya dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pertamanya Yang Berhormat dari Pematang Pasir, ada menyentuh mengenai peruntukan tambahan untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah membangkitkan kekurangan peruntukan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sukacita saya menjelaskan bahawa keadaan telah berubah. Perubahan ini Tuan Speaker, dapat kita lihat kerana sejak tahun 1988, Kerajaan Persekutuan telah membiayai sebanyak 50% daripada belanjawan tahunan negeri selain daripada peruntukan tiap-tiap tahun untuk mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan Jabatan Kebajikan Masyarakat Persekutuan yang ada di Negeri Pulau Pinang. Umpamanya peruntukan 1988 daripada negeri, kita dapat \$1,663,000.00 di mana 50% dibiayai

oleh Persekutuan dan yang bakinya oleh negeri. Untuk tahun 1989, perbelanjaan sebanyak \$1,681,610.00 di mana 50% dibiayai oleh Persekutuan dan yang lainnya oleh Kerajaan Negeri. Mengenai kadar bantuan telahpun kita naikan iaitu daripada yang dahulunya bantuan minima sebanyak \$20.00 sebulan telah dinaikkan kepada \$30.00 sebulan dan kalau dahulunya bantuan maksima yang diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada *client-client*nya ialah sebanyak \$90.00 sebulan maka sekarang ini kadar maksima telahpun dinaikkan menjadi \$115.00 sebulan bagi satu-satu kes. Di samping itu ingin juga saya menjelaskan tentang beberapa prinsip memberi bantuan. Antara prinsipnya ialah untuk memulihkan kedudukan sosial ekonomi keluarga pada keseluruhannya, dengan izin *family centre case work*.

Tuan Speaker, kita jalankan perkara ini kerana kita merasakan bahawa kita tidak ingin membawa Negeri Pulau Pinang menjadikan sebuah negeri *Welfare State* sebab itu kita berusaha sedaya mungkin untuk menolong orang-orang yang kurang bernasib baik setakat yang perlu dan kita masih menggalakkan ahli-ahli keluarga, jiran-jiran dan orang-orang yang lebih berada untuk menolong dan memberi sokongan dan meringankan bebanan-bebanan ini.

Menyentuh mengenai prinsip tadi, punca-punca pendapatan keluarga termiskin ini ditambah dengan cara berikut:-

- (i) Kita dapati usaha telah dijalankan untuk menempatkan ahli-ahli yang boleh bekerja dalam pekerjaan-pekerjaan yang sesuai.
- (ii) Kita berusaha untuk memberi peluang kepada orang-orang muda dalam keluarga itu untuk memperolehi kemahiran-kemahiran tertentu

melalui sekim belajar sambil bekerja dan Kerajaan juga menyediakan keluarga yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dan pengalaman dalam perusahaan-perusahaan kecil dengan bantuan pelancaran. Maksima yang kita berikan ialah sebanyak \$2,000.00. Kita harap akhirnya orang-orang yang memerlukan bantuan ini akan berupaya berdiri di atas kaki sendiri.

Perkara yang dibangkitkan mengenai Pusat Latihan ataupun Pusat Pemulihan Bagi Orang-orang Cacat – Ingin dinyatakan di sini bahawa bidangkuasa untuk menubuhkan Pusat-pusat Pemulihan setakat ini adalah di dalam bidangkuasa Kerajaan Persekutuan. Ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa untuk melatih golongan yang cacat penglihatan, dan cacat pendengaran, sekolah-sekolah khas ataupun kelas-kelas khas diadakan dan ini adalah di bawah bidangkuasa Kementerian Pendidikan. Untuk menolong golongan cacat anggota spastik, terencat akal dan berbagai lagi juga dikendalikan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat. Dari masa ke semasa kemudahan dan bilangan tempat ini ditambahkan bagi memenuhi keperluan. Selain daripada itu Badan-badan Sukarela juga memainkan peranan penting dalam menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut. Sukacita saya memaklumkan bahawa Badan Sukarela di Negeri Pulau Pinang ini memainkan peranan yang amat baik dan ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih. Saya berharap kes-kes yang memerlukan perkhidmatan ini akan mengadakan perhubungan rapat dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat sama ada di peringkat daerah ataupun peringkat negeri supaya ban-

tuan dapat diberikan dengan segera.

Mengenai pekerjaan bagi orang-orang cacat, Kerajaan telah mengamalkan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu untuk membolehkan orang-orang cacat terlatih bekerja. Umpamanya masa sekarang seramai 208 orang sedang bekerja dan mempunyai pendapatan di antara \$100.00 sehingga \$300.00 sebulan. Jabatan Kebajikan Masyarakat pula memberi elaun bulanan sebanyak \$50.00 seorang sebagai insentif untuk golongan pekerja ini. Seramai 9 orang lagi mempunyai pendapatan melebihi \$300.00 sebulan, maka mereka ini tidak diberi elaun. Selain daripada itu, perusahaan tangan di rumah digalakkan dengan bantuan khas. Oleh kerana langkah ini langkah permulaan, maka setakat ini kita dapat sejumlah 7 orang sedang menjalani usaha-usaha ini. Usaha telahpun dimulakan untuk mengkhususkan 1% daripada jawatan-jawatan Kerajaan Negeri ataupun Persekutuan supaya diperuntukkan kepada golongan orang-orang yang cacat dan yang mempunyai kelayakan untuk mengisi jawatan ini. Kita berharap bukan sahaja pihak Kerajaan tetapi pihak swasta juga akan bersedia untuk menerima golongan-golongan cacat ini sebagai pekerja. Dari itu Kerajaan memang sedar dan sentiasa mengambil berat tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan-golongan yang kurang bernasib baik. Saya yakin dan percaya majikan-majikan dalam sektor perindustrian akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan pada masa akan datang.

Tuan Speaker, mengenai peruntukan untuk Sekolah Agama Rakyat, saya sedar Kerajaan Negeri telahpun menyediakan peruntukan bagi membayar elaun-elaun guru-guru agama rakyat serta juga bayaran pengurusan Sekolah-sekolah Agama Islam di Negeri Pulau Pinang ini. Baru-

baru ini Dewan telah meluluskan Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam 1989. Maka Kerajaan Negeri akan memberi perhatian sewajarnya mengenai cadangan bagi menambahkan peruntukan bagi Sekolah-sekolah Agama di negeri ini.

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1990 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dua hari sudah.

Tuan Speaker, saya sebenarnya bangun dan merasa terkeliru, (*confuse*) dengan sikap yang ditunjukkan oleh parti pembangkang iaitu Ahli-ahli DAP – mana yang ada, tidak ada tidak apalah – serupa sahaja. Mereka sebenarnya bercakap tentang keadilan, tentang hendak menolong orang-orang miskin, *committed*, tentang ini semua. Tetapi sebenarnya apabila kita melihat mereka bercakap Tuan Speaker, sebenarnya tidak betul. Mereka ini cakap tetapi *subconscious*-nya cakap lain. Misalnya mereka bertanya tentang peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan khususnya dalam pertanian, bencana banjir atau apa-apa sahaja. Peruntukan ini untuk apa? Peruntukan sama ada pengurusan ataupun bekalan sudah pasti ialah untuk memperbaiki rakyat miskin, rakyat susah, rakyat Negeri Pulau Pinang. Tetapi, yang membangkannya, siapa? – Ahli parti pembangkang. Kita, apabila hendak memperbaiki kedudukan rakyat Negeri Pulau Pinang, misalnya memperbaiki sistem pengairan ataupun sistem perparitan – Siapa yang tidak suka? Parti pembangkang. Siapa yang hendak buat? Parti Kerajaan. Untuk siapa? Untuk rakyat miskin. Siapa yang tentang? Parti pembangkang.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Penjelasan. Bilakah Ahli dari sebelah sini menentang peruntukan-peruntukan untuk kerja-kerja ini? Siapa?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Abbas):

Sudah mimpikah?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

Ya, bukan kita ini bercakap, bukan payah kata kita tentang. Dia punya *implied*, maknanya pun sudah cukup. Semua kita orang yang tahu, sudah faham. Misalnya dia kata – Ini pengundi saya Tuan Speaker, Ahli Kawasan Bagan Jermal (ketawa). Misalnya mengatakan bahawa sistem perparitan tidak ada diperbaiki, tidak ada menunjukkan kesan. Sebenamya di Negeri Pulau Pinang sudah 25 tahun, kita belum memperbaiki sistem perparitan. Kali ini, tahun ini dan tahun sudah dan tahun sebelum itu, barulah kita memperbaiki sistem perparitan. Apabila kita memperbaiki sistem perparitan yang ada – beliau kata, ini merugikan rakyat, merugikan Kerajaan. Saya hendak tunjuk kepada Tuan Speaker, bahawa ini telah menguntungkan rakyat. Misalnya dalam tahun 1984, kita mempunyai tanah yang terbiar lebih kurang 7,000 hektar. Pada tahun 1989, tahun ini kita tinggal 450 hektar sahaja tanah terbiar. Sudah dekat berapa ribu? Boleh kira sendirilah dan mungkin tahun depan, tahun 1990 mungkin tidak ada tanah terbiar. Tidak untungkan ini? Kalau statistik ini tidak untung, statistik mana mahu guna lagi? Dalam tahun 1988, kalau kita bandingkan dengan tahun 1987, 10% sudah naik. Kawasan bertambah iaitu kawasan yang ditanam. Saya juga ingin menyatakan kepada Ahli Kawasan Bagan Jermal – dia tidak tahu sebab tidak ada

padi, dia kira parit saja, Jalan Raja Uda sahaja – Negeri Pulau Pinang mengeluarkan padinya di kawasan yang kita telah tanam yang JPS telah buat parit baru, kita telah mengeluarkan padi dengan baik sudah 3.6 metrik tan satu hektar. *National Average* berapa? *National Average* 3.2 metrik tan. Ahli daripada Bagan Jermal tidak tahu bahawa Negeri Pulau Pinang mengeluarkan padi yang *above National Average*, dengan izin. Sekarang dia tahulah sebab itu dia tidak buat *homework*, Tuan Speaker. Kalau kita lihat (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan. Saya ingat *National Average* adalah memalukan. *National Average* adalah yang rendah sekali oleh kerana kita masih lagi mengimpot beras ke Malaysia. Itu *below National Average*. *Above National Average* tidak bangga oleh kerana *National Average* adalah rendah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

Itulah yang tidak fahamnya. Ahli dari Pengkalan Kota, dia ini Ahli Parlimen daripada mana?

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang):

Bagan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Dia tidak ada padi.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

Dia ialah Ahli Parlimen Bagan tetapi dia

tidak tahu *National Agriculture Policy* atau Dasar Pertanian Negara. Dasar Pertanian Negara kita mengeluarkan padi 65% sahaja, bukan mahu keluaran 100%. Ini kita kena tanya lagi, kena fikir lagi. Lagi pula dia kata import murah. Saya hendak tunjuk satu sahaja. Padi A1, pada 28 November 1989 iaitu minggu sudah dan bukannya cerita lama, harganya adalah \$933.00 satu ton metrik berbanding dengan kos beras tempatan A1 \$9.00 bagi 25 ton metrik.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Jadi harga ini termasuklah cukai? Cukai berapa?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

Di pasaranlah.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Cukai berapa? Kalau tidak bayar cukai itu memang ada murah lagi.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

Masalah semua kena bayar cukai. Kita pun kena bayar cukai. Itu perkara biasa dalam negeri.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, penjelasan. Mengenai beras, mengapa rakyat dibebankan oleh kerana *Agriculture Policy* yang tidak terbaik oleh kerana kalau kita import beras dari Thailand ianya lebih murah, lebih bagus. Mengapa rakyat tidak berikan peluang untuk mengimport sendiri beras yang baik dan murah?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Penjelasan. Lagi satu boleh saya tanya Yang Berhormat, satu kilo beras tempatan A1 panjang berapa duit sekarang? Kita boleh dapat satu kilo \$1.00 dari Haadyai.

Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, penjelasan. Apa guna kita bayar gaji *opposition*, lebih baik kita import, lebih murah; lebih berkesan (ketawa).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

Tuan Speaker, ini yang saya katakan yang parti pembangkang tidak peduli kaum orang miskin. Padi ini kita tidak boleh lihat dengan hanya perkara import, tidak import, import murah, import tidak murah – ini satu hal sahaja. Satu *aspect* sahaja tetapi kita mesti ingat bahawa padi ini memberi aktiviti ekonomi kerana dia ada *spin-off*. Masalah baja, masalah jentera, masalah racun yang mana ini semua membawa aktiviti ekonomi (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Mana pergi? Pergi poket?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

Mesti pergi poketlah bagi dekat (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Poket mana? Bukan poket pertanian.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

Saya hendakkan penjelasan. Tolong bagi buktinya.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Pergi siasat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

Tuan Speaker, saya mahu minta penjelasan dari Ahli Pengkalan Kota – buktikan!

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan. Kerajaan pergi siasat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

O.K. kalau suruh siasat – tarik balik! Saya akan siasat tetapi jangan kata masuk poket – tarik balik!

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Itu bukan pembangkang yang buat. Kerajaan mesti mahu buat pastikan adalah subsidi yang benar-benar menguntungkan kepada petani-petani. Itu bukan kerja saya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

Saya tahu kita akan buat siasatan kalau dia mahu tetapi sebelum itu dia telah membuat satu *statement* – tuduhan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Satu *general statement*.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

Tidak, dalam Dewan yang mulia ini tidak boleh membuat satu *general statement* kalau tidak ada bukti.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Satu *general statement*, bukan kita tuduh sesiapa.

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Pengkalan Kota, tidak payahlah tarik balik atau apa-apa. Teruskan Ahli Kawasan Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

Ini Tuan Speaker, masuk sebelah pembangkangkah? (ketawa).

Tuan Speaker, saya juga ingin menyatakan bahawa kebanyakan apa yang dinyatakan oleh parti pembangkang nampaknya perkara-perkara kecil, perkara yang hendak di *quote* Ahli dari Pengkalan Kota kata perkara remeh-temeh.

Sebenarnya Tuan Speaker, kita sebagai Ahli dalam Dewan yang mulia ini harus memikirkan perkara-perkara yang lebih serius, perkara-perkara pokok, – tidak perlulah kita membincangkan perkara-perkara tentang rantingnya sahaja, tentang pokok-pokok, kita tidak mengambil tahu – cuma kita mengambil tahu tentang perkara-perkara kecil, inilah, itulah tetapi untuk apa? Mungkin pada Kerajaan, ini satu perkara yang baik sebab perkara pokok tidak ada masalah, yang ada masalah ialah ranting-rantingnya sahaja, perkara yang kecil-kecil sahaja yang boleh tulis surat kepada pegawai berkenaan – selesai, beres! Tetapi oleh

sebab tidak ada modal, bawa dalam Dewan. Kalau tidak bawa, tidak ada apa hendak cakap, Tuan Speaker.

Jadi Tuan Speaker, yang lain itu saya tidak mahu jawablah macam Yang Berhormat Permatang Pasir ini saya ingin saya bercakap dengan dia sendirilah.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Kawan baik.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

Kalau dia kata kawan baik, saya kena jawab.

Program untuk golongan belia atau petani sedang dijalankan dan kursus ini melibatkan lebihkurang 400 – 500 orang belia. Ini kita jaga untuk golongan pelapis untuk mengambil bahagian dalam pertanian. Begitu juga saya kira, kita ada Kelab-kelab Pertanian di Negeri Pulau Pinang yang ada di sekolah-sekolah untuk menggalakkan kanka-kanak sekolah mengambil bahagian dalam pertanian. Walau bagaimanapun Tuan Speaker, kita berharaplah sekali lagi parti pembangkang dapat membangkitkan perkara-perkara yang memanfaatkan rakyat Negeri Pulau Pinang dan memanfaatkan diri mereka sendiri dan kalau tidak pun sokong terus sahajalah.

Saya sekali lagi memohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1990.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1990

yang telah dicadangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada dua hari yang lepas dan saya juga ingin mengambil kesempatan ini menjawab soalan-soalan yang berkaitan.

Tuan Speaker, Ahli Kawasan Berapit telah menyentuh tentang seramai 27 orang pekerja kilang yang hamil tanpa suami. Berhubung dengan perkara ini pihak Jabatan Buruh dan Hal-Ehwal Agama Negeri telah menjalankan siasatan akan tetapi setakat ini kedua-dua jabatan negeri masih belum dapat memastikan sama ada isu itu benar atau tidak benar. Tambahan pula pihak MTUC, pihak Polis, Jabatan Buruh dan Jabatan Kadi masih belum menerima sebarang aduan rasmi mengenai isu tersebut supaya dapat membantu penyiasatan daripada mana-mana pihak.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Penjelasan, boleh? Bolehkah Ahli Yang Berhormat memberitahu Dewan ini adakah benar bahawa pada satu-satu masa pekerja-pekerja perempuan yang hamil ini ada menawarkan secara terbuka suami-suami yang ingin berkahwin dengan mereka dengan memberi sebuah motosikal berharga \$3,000.00 dan berbagai lagi. Ini saya dengar sahaja. Adakah benar ini? Macam lelong, kalau mahu beli perempuan itu boleh dapat lagi hadiah dengan motosikal dan ada juga kata motosikal dan ada juga kata motosikal ini *exduty exempted*. Ini berbagai-bagai yang telah diceritakan dalam masyarakat. Benarkah ini?

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang):

Tuan Speaker, Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal lebih tahu perkara itu memang beliau bersubahat..... (ketawa). Beliau

adalah seorang penduduk di Seberang Jaya yang mana dia tahu lebih banyak. Jadi Tuan Speaker, Ahli Kawasan Berapit pun ada mencadangkan pihak Kerajaan untuk menetapkan gaji minima kepada pekerja-pekerja di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Penjelasan. Sebelum itu saya minta Yang Berhormat dari Bukit Tengah memberitahu Dewan ini sama ada Kerajaan masih siasat di atas perkara yang dilaporkan bahawa 27 orang pekerja wanita hamil serentak, sama ada Kerajaan terus menyiasat atau diam begitu sahaja. Saya ingin tahulah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang):

Tuan Speaker, jawapan itu sudah diberikan. Kalau tidak disiasat, macam mana dijawab?

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Sudah jawab tetapi siasatan itu mahu diteruskan atau tidak mahu diteruskan? Saya mahu tanya sahaja.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang):

Kalau Yang Berhormat ada bukti, silalah bagi laporan kepada jabatan-jabatan yang berkenaan maka kita akan terus membuat siasatan.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Ini bererti sudah berhenti, tidak ada siasatan lagi. Betulkah?

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang):

Berhenti atau tidak berhenti — itu tidak timbul. Kalau Yang Berhormat ada bukti, jangan dengar khabar-khabar angin sahaja. Kalau ada, sila.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Ya, kalau ada bukti saya memang boleh mengemukakan tetapi saya mahu tahu, adakah siasatan itu diteruskan atau tidak oleh kerana 27 orang pekerja wanita serentak hamil itu adalah satu perkara yang sangat serius dan bukan main-main di sini (gangguan — ketawa).

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Penjelasan. Saya masih ingat pada petang kelmarin.

Ahli Kawasan Ara Rendang (Tuan Haji Zakaria bin Bakar):

Seriuskah?

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Ini serius! Muka pun serius! Masih ingat lagi kita minta wakil Berapit memberitahu surat khabar mana yang memberitahu cerita 27 orang ini, dan kita minta adakah cerita ini betul atau tidak betul. Dia tidak berani bagi jawapan. Diulang-ulang lagi — serius itu, serius ini — bagi jawapan dahulu. Betul atau tidak cerita ini? Kemudian baru boleh suruh kita siasat lebih panjang, lebih lama. Hendak jawab itu pun tidak boleh lagi.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang):

Tidak payahlah.

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason):

Tak berani?

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang):

Bukan tak berani (gangguan).

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason):

Tak berani. Menteri tidak hormat (gangguan).

Tuan Speaker:

Jangan ganggu, Ahli Kawasan Prai.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang):

Beliau hanya ingin menimbulkan salah faham di antara pihak Kementerian ataupun Menteri yang berkenaan dengan pihak Kerajaan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, penjelasan. Tuduhan-tuduhan daripada Prai (gangguan).

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang):

Tak payah.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Bagi dia *chance* (gangguan).

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Pengkalan Kota, sila duduk! Jangan ganggu.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang):

Jadi Tuan Speaker, di sini berhubung dengan perkara ini, di sini saya suka juga ingin mengambil kesempatan untuk membetulkan tentang tarikh akhir yang diisytiharkan oleh Pihak Kementerian Pengangkutan untuk melanjutkan tempoh untuk operator van bagi memohon permit daripada Lembaga Perlesenan Perdagangan adalah pada 15 haribulan ini tahun ini. Jadi di sini saya minta maaf, Tuan Speaker.

Tuan Speaker, satu lagi isu yang dibangkitkan oleh Ahli Kawasan Prai mengenai isu mogok dan sungutan daripada para pelatih di ITI, Prai. Tuan Speaker, sebenarnya insiden demonstrasi itu berlaku disebabkan oleh pelatih-pelatih yang berkenaan tidak berpuashati dengan keadaan kantin di mana dikatakan kadangkala persiapan makanan itu tidak begitu memuaskan. Tambahan kepada itu mereka telah *complaint* tentang nyamuk dan keadaan tandas mereka. Menurut pendapat Pengetua ITI, isu sebenarnya yang membawa kepada tercetusnya insiden itu ialah ada para pelatih dipaksa memotong rambut mereka yang terlalu panjang beberapa hari sebelum insiden demonstrasi itu berlaku.

Jadi Tuan Speaker, buat masa sekarang perkara tersebut telahpun dikaji dan perubahan-perubahan tertentu telah diambil dan perjalanan ITI telah kembali elok. Ingin saya tegaskan di sini ialah bukannya niat Kerajaan Negeri tidak bersimpati dengan sungutan-sungutan para pelatih di ITI, tetapi sebagai pelatih-pelatih, mereka haruslah terlebih dahulu mempelajari

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Boleh.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Kalau boleh bagi.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Kalau saya boleh beritahu, betulkah atau tidak betul, maka saya sudah jadi Kerajaan dan bukannya saya jadi pembangkang (ketawa).

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Bukit Tengah, sila teruskan (gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Saya rasa Tuan Speaker, tidak payah layanlah dengan cerita-cerita pelarian politik ini. Bawalah modal yang kukuh dan konkrit sedikit. Ini membuang masa sahaja.

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang):

Tuan Speaker, berkaitan dengan soalan yang kedua itu, sebenarnya kita tidak ada gaji minima nasional di negara kita ini, juga tidak ada gaji minima ditetapkan bagi pekerja-pekerja dalam sektor pengeluaran. Secara amnya gaji serta lain-lain syarat pekerjaan dibuat melalui rundingan di antara kedua-dua belah iaitu pihak

majikan dan pekerja, dan juga gaji dan syarat-syarat pekerjaan juga ditetapkan di antara sesebuah kesatuan dengan pihak majikan melalui proses perundingan bersama ataupun *collective bargaining* dengan izin.

Tuan Speaker, Ahli Kawasan Prai menyentuh tentang masalah-masalah operator-operator van. Dalam perbincangan di antara pegawai-pegawai kementerian—mereka pun telah menasihatkan kepada operator-operator van yang berkenaan meminta kerjasama untuk mengemukakan permohonan-permohonan mereka kepada Lembaga Perlesenan Perdagangan dan mereka pun berjanji untuk memproseskan permohonan-permohonan mereka dengan secepat mungkin. Jadi Tuan Speaker, di sini yang mustahaknya ataupun tujuan utama perbincangan ialah untuk menyelesaikan masalah dengan pihak Kementerian dan soal hormat atau tidak hormat — tidak timbul kerana pada masa itu Menteri berkenaan ada terlibat dalam satu urusan yang tidak dapat dielakkan.

Jadi Tuan Speaker, baru-baru ini pihak Kerajaan pun telah dapat bertemu dengan Menteri yang berkenaan di Pulau Pinang untuk berbincang dengan lebih dalam tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh operator-operator van ataupun pekilang-pekilang di Pulau Pinang ini. Ini sudah menunjukkan satu perhubungan yang lebih rapat di antara pihak Kementerian ataupun Menteri yang berkenaan dengan pihak Kerajaan. Jadi nampaknya pandangan Ahli Kawasan Prai itu tidak sihat hanya mengelirukan rakyat Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason):

Penjelasan.

sikap disiplin dan mengemukakan sebarang sungutan mereka melalui cara yang telah ditentukan. Kami mahukan setiap masalah yang dihadapi diselesaikan secara runding-damai. Inilah sikap Kerajaan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Penjelasan. Kawan baik saya, beri penjelasan.

Tuan Speaker:

Sila duduk!

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang):

Jadi, Tuan Speaker, kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat di kawasan sebelah sana ini yang telah mengemukakan cadangan-cadangan yang *constructive*, Jawatankuasa saya akan mengambil perhatian yang lebih berat dan juga akan mengucapkan terima kasih kepada mereka. Jadi saya berharap kita dapat bekerjasama demi kepentingan rakyat Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, akhir sekali saya memohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1990. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Tuan Speaker, saya juga seperti rakan-rakan yang lain termasuk pihak pembangkang ingin mengambil bahagian dalam ucapan Belanjawan ini, di samping untuk memberi jawapan satu, dua yang dikaitkan berhubung dengan portfolio saya. Saya juga ingin menyentuh beberapa peristiwa-peristiwa yang terjadi di dalam Dewan yang mulia ini yang mana pada pendapat saya harus juga kita mem-

buat teguran supaya dapat sama-sama kita memikirkan perkara-perkara yang membina untuk kepentingan rakyat demi kesucian Dewan ini.

Kalau kita kaji dan kita sudah dengar berapa lama, sejak kelmarin lagi sampai hari ini, kita nampak pihak pembangkang, ianya sama sepertimana yang disebut oleh Para yang cuba 'cuit' pegawai-pegawai, menceritakan ada pegawai yang baik, dan ada pegawai yang tidak baik. Yakni saya rasa dia ini boleh jumpa di mana-mana. Macam itulah juga pembangkang – ada pembangkang yang baik, ada yang tidak baik, yang bawa cerita-cerita yang tak betul di Dewan yang mulia ini. contohnya banyak juga, dan 2, 3 contoh. Saya hendak kait balik supaya dapat kita buat renungan. Contohnya macam kita kata tadi, yang dibangkitkan oleh Ahli Kawasan Berapit menceritakan 27 orang wanita hamil. Dia kata dia baca suratkhbar saja. Kita pun menyiasat, dengar suratkhbar. Itu contoh. Setakat itu saja dia tau. Kemudian bila kita cabar dia, dia kata ada bukti tetapi dia tak hendak bagi kerana kalau dia bagi, dia serupa macam dia orang Kerajaan. Itu jawapan dia. Sebenarnya dia tak tahu, sama ada perkara itu benar atau tidak. Yang tidak benar, kalau sangsi, tulis surat tanyalah, kita jawab. Kita ada kakitangan Kerajaan yang boleh jawab. Kalau nampak jawab tak betul, baru bawa di Dewan, hentam. Bila ada yang bohong, kadang-kadang pihak pemberita pun dia tulis, dia sangka betul. Pihak pemberita sangka yang cakap itu betul, tapi cerita itu cerita bohong. Masuk suratkhbar – hentam. Bukan hentam kita tetapi tulis sepertimana yang pihak cakap tadi bercakap. Kalau dia hentam, hentamlah bunyinya. Perkara itu tak betul (gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Penjelasan. Kalau perkara itu tak betul,

mengapa mahu buat satu siasatan?

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Saya tak payah jawablah yang itu. Saya ingat semua orang faham, apa sebab kita buat siasatan.

Bagi beberapa contoh. Contoh satu lagi, biasanya dalam Dewan, pihak sebelah sini dan pihak pembangkang memang dia ada hentam-menghentam. Tapi perkara yang belum tahu lagi sama ada perkara itu betul, tak betul, dia sudah buat tuduhan. Contohnya macam 2 orang pemandu. Tak tahu kenapa ada 2 pemandu bagi Setiausaha Kerajaan, kita hentam.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Saya tanya.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Bukan tanya. Kalau tanya, saya jawab tak benar. Tapi cara persembahan itu bukan tanya, sudah 'pam' – taruh paku kepada Setiausaha Kerajaan yang menyatakan menyalahi menjalankan kegiatan-kegiatan yang salah. Sebenarnya 2 pemandu itu dah bersara tapi tak cukup kakitangan yang hendak bawa *pool car* dan sebagainya. Pada masa sekarang jawatan-jawatan kosong itu masih belum dipenuhi. Pihak Pusat belum memberi arahan kata boleh dipenuhi jawatan tersebut. Kereta ada, pemandu tak ada. Dia dah bersara patut berhenti. Ada kereta, tak ada pemandu. Nanti lain kali dapat cerita datang sini, ada kereta tak ada pemandu, bodohlah kita pula.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan. Itu *poor planning*. Jikalau

planning yang bagus, mesti sebelum bersara, mesti dapatkan kakitangan untuk mengisi kekosongan ini.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Poor planning, itu kena pergi K.L. lah, di Dewan sana. Itu kerja sana. Bukan Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Kerajaan Negeri boleh terus beritahu kepada Kerajaan Persekutuan terlebih dahulu sebelum dia bersara.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Yang Berhormat Pengkalan Kota tahukah kita dah bagi tahu? Tahu tak tahu?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Bila?

Ahli Kawasan Telok Kumbat (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Tahu tak tahu, kita dah buat?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Beritahu bila?

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Kalau tak tahu, duduk! Itu kerja Pentadbiran. Pihak pentadbiran sudah buat.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Penjelasan. Adakah Yang Berhormat

(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Sudahlah.

Tuan Speaker:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Kumbar tak memberi jalan. Sila duduk!

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Tuan Speaker, terima kasih. Tuan Speaker, saya ingat tak payah banyak-banyak penjelasan. Masa kelmarin bercakap – hentam orang kiri, kanan, hentam belakang, atas, bawah, kita diam sahaja. Sekarang kitalah pula. *Round 15* (ketawa). Jadi kitalah pula.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Hentam orang saja pun tak boleh tahan.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Mana tak boleh tahan, bila tak boleh tahan, yang ini dok melompat tu. Ikutlah macam *chief*. *Chief steady* saja. Yang ini dikatakan yang baik (gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Dia takut kena hentam.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Ini dah lari tajuk dan saya tak boleh persembahkan dengan baik.

Contoh lagi satu, bukan saya hendak usik, macam kelmarin saya tengok, kasihan, wakil Kawasan Sungai Pinang. Saya hendak tunjuk apa yang kita faham sebenarnya. Kita faham kes Rethina. Kita faham tapi bila dah sampai masa oleh kerana ramai tekanan, ramai bangun dengan cepat, jawab, soal, soal, soal – boleh jadi masa itu dia berasa pening – itu saja. Tapi sememangnya memang ada, kita faham, kita Exco pun faham, kes itu dah dibawa dan pada 4 haribulan diatuhkan hukuman, kemudian pihak *Council* sedang mengkaji sama ada hendak *appeal* atau tak *appeal*. Itu kita tahu dan perkara itu dah diserahkan kepada pihak Jawatankuasa supaya buat pertimbangan dan lantik apa-apa lagi, itu dia boleh jawab. Jadi, apa yang saya hendak tunjuk ialah masalahnya itu, dia tahu tetapi oleh kerana cari peluang, dia pun terkejut sebentar (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Maknanya tidak bergunalah. *Under pressure* tak boleh kerja!

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Bukan tak guna. Dia boleh buat kerja dan dia buat kerja dan kita faham laporan yang diberikan kepada kita.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Penjelasan, boleh? Kawan baik, bolehlah. Semua kawan baik saya. Ahli Yang Berhormat dari Telok Kumbar, nampaknya masih ada banyak jawapan berkenaan dengan parit-parit dan jalan-jalan tak jawab lagi. Habis sekarang jawab yang bukan-bukan, bukan bidangkuasa kamu.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Terima kasih. Ini yang satu lagi yang kata yang kurang faham. Ini yang kurang faham jadi nakal. Saya mengambil bahagian dalam ucapan Belanjawan. Siapa pun boleh cakap dalam bidang belajawan, dalam apa bidang pun. Saya bercakap bukan *portfolio*, saya bercakap atas topik yang disentuh, yang tak betul diperbetulkan, cuba hendak diperbetulkan perkara yang tak betul. Saya sentuh atas topik yang tak betul. Saya kata kalau yang bohong jangan bawa ke mari. Saya kata yang tak betul, katalah tak betul, jangan bawa kata betul. Ini cerita orang hamil, perut buncit, pakai telekong tutup. *Come on!* Benda tak betul.

Kadang-kadang kita rasa terhina bangsa kita. Mengapa perkara ini boleh terjadi sedemikian rupa? Adakah tujuan hendak menghina bangsa? Itu belum dapat jawab, kita tak tahu. Kita tak boleh hendak lawan perkara itu. Tetapi perkara yang tak betul jangan dibawa supaya nak tunjuk perkara itu betul, ini yang saya sebutkan saya ambil bahagian dalam bidang itu. Bukan *portfolio* dia, *portfolio* dia, dia nanti jawab. Ini saja saya hendak sentuh. Saya minta lagi sekali kalau agak ragu, tanya dulu. Kalau jawab di sini tak betul dengan persediaan, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli-ahli Kawasan masing-masing, datang sini boleh hentam. Kalau begitu kita bawa, saya rasa Dewan ini kita anggap paling mulia, ia akan jadi lebih mulia daripada Dewan-dewan yang lain, kalau kita boleh bawa ke tahap itu. Kerana orang kita masih lagi yang berpendapat kalau dah jadi pembangkang, dia akan terus bangkang. Yang betul pun dia bangkang, tambah yang tak betul pun dibangkang terus. Kadang-kadang yang buat kerja pun bangkang, tak buat kerja pun bangkang. Sebagai satu contoh saya hendak bagi Kawasan Bagan Jermal yang sedang kita hadapi, kita hendak

cari, kita hendak atasi masalah hendak buat perparitan yang dia bangkit. Bukan dia sahaja bangkit tetapi wakil-wakil kita di kawasan-kawasan Bagan juga bangkitkan. M.C.A. juga bangkitkan. Gerakan juga bangkitkan. UMNO juga bangkit. Satu, kawasan Bagan Jermal, apa dia, Jalan Tun Udakah?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Seorang Ahli Exco, jalan pun tak tahukah? Jalan Raja Udalah!

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Oh, Jalan Raja Uda. Saya ingat Tun Uda. Jadi dia fahamlah jalan itu. Saya ingat Tun Uda, dia sebut Raja Uda. Jalan Raja Uda sedang kita kaji bagaimana dengan perparitan. Yang jadi masalah, satu lagi yang kita hadapi, setinggan (gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Tak ada.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Tak ada? Betul?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Betul.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Kalau kita dengar, kalau setinggan kacau? (gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Tak ada.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

You masuk campur.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Saya masuk campur.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Betul?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Betul!

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Rumah-rumah ada lebih kurang 100 kaki dari tepi jalan. Mana dia boleh halang pembinaan parit?

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Tak apa. Kalau dia kata dia boleh mengatasi masalah setinggan kita akan cari peruntukan, kita akan minta seboleh-bolehnya kita akan pergi tengok apa nak jadi. Tapi kalau dia menentang bila setinggan kacau, kita harap kita dapat (gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

"Luku" kepala!

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Ya, kita "luku" kepala. "Luku" kepala pun tak cukup ... (ketawa). Dia lepas. Kalau "luku" kepala saja, dia seronok. Dia kata kita "katok" pun tak apa masa itu. Saya harap tolong ambil perhatian.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Boleh! Boleh!

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Terima kasih. Sebab yang kita tahu, mengikut kajian kita yang ada sekarang lebih kurang 50 setinggan yang akan terlibat dengan pelaksanaan membaiki parit ini. Setinggan-setinggan, tuan-tuan tahulah.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Saya tak percaya.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Tak percaya? Terima kasih, tak apalah. Saya cuba dalam bidang tersebut. Itu jawapan saya.

Berhubung dengan rakan-rakan yang lain yang bangkitkan mengenai cadangan samaada hendak buat titi dan sebagainya, pada masa sekarang belum lagi ada cadangan untuk membuat titi. Walau bagaimanapun, saya akan ambil perhatian ke atas perkara yang

dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Permatang Pasir. Untuk makluman Yang Berhormat Permatang Pasir dan juga Dewan yang mulia ini, pada kebiasaannya J.K.R. tidak dapat menjalankan kerja pelebaran titi kerana terdapat paip-paip dan *cable-cable*. Kerja-kerja hanya dapat dijalankan selepas paip-paip dan *cable-cable* dialihkan. Ini saya hendak bagi tahu yang sedang kita perbincangkan bagaimana hendak mengatasi masalah paip yang ada pada masa dulu dan *cable* yang sedia ada. Hendak pindah *cable* itu lebih mahal daripada hendak buat titi, kena belanja pula kadang-kadang 2, 3 kali ganda untuk perbesar atau pelebarkan titi sahaja. Perkara ini kita bawa dalam perbincangan di antara pihak Telekom, pihak L.L.N., pihak P.B.A. bersama-sama membincangkan bagaimana kita dapat mencari jalan untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

Sebelum saya duduk, saya ingat tak ramai yang bangkitkan masalah-masalah *portfolio* saya. Saya ucapkan terima kasih banyak kepada semua yang mengambil bahagian. Bagi tahun ini, nampaknya disentuh dalam bidang parit yang menyebabkan banjir. Parit jalan, parit-parit yang terkambus, parit yang tak ada, parit yang ada tapi tak dijaga dan sebagainya. Kita akan tumpukan dalam bidang tersebut bagi tahun yang datang. Kita akan dapat mengatasi sepertimana kita mengatasi masalah-masalah jalan berlubang. Jalan hancur, jalan pecah dan sebagainya. Cuma sebelum saya duduk, saya mintalah supaya berhati-hati membangkitkan masalah-masalah—janganlah masalah-masalah yang boleh mencuitkan hati rakan-rakan yang lain, boleh menimbulkan perasaan tidak senang.

Tuan Speaker, saya mohon menyokong ucapan belanjawan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, saya juga bangun untuk

mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 1990 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada hari semalam. Saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini, walaupun bagi Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana menganggap Rang Undang-undang ini tak kemas, hanya pindaan kepada beberapa angka. Sebenarnya kita memang sedia maklum bahawa sikap pembangkang itu tidak akan mengakui sesuatu itu baik kerana bagi pembangkang mereka akan mengatakan bahawa mereka berkeupayaan membuat sesuatu yang lebih baik. Sekiranya mereka mengatakan ini baik, maka itu adalah satu kekalahan kepada pihak pembangkang.

Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, buah fikiran dan teguran terhadap beberapa masalah yang ada hubungkait dengan soalan-soalan tanah. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat daripada Kawasan Pengkalan Kota mengenai dengan dakwaan tunggakan cukai yang tidak dijelaskan oleh Keretapi Tanah Melayu. Suka saya maklumkan bahawa jumlah wang yang dikatakan sebanyak \$3,014.50 iaitu masalah bayaran ukur dan bayaran penyediaan suratan hakmilik telahpun dijelaskan oleh Keretapi Tanah Melayu pada 17 Ogos, 1989 dan dalam masa lebihkurang sebulan pihak Pejabat Tanah telahpun dapat menyediakan atau mengeluarkan suratan hakmilik. Ini jelas menunjukkan bagaimana pegawai-pegawai kita dapat meningkatkan kecekapan untuk mengeluarkan hakmilik.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan! Beri penjelasan mengenai perkara ini. Pertikaian \$3,000.00 dari tahun 1966 sampai sekarang selepas 20 tahun lebih, baru-baru saja selesai. Ini menunjukkan kecekapan?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Duduk! Duduk! Tuan Speaker, seperti mana kita semua sedia maklum, kita tidak dapat mengenakan cukai apabila sesuatu hakmilik itu tidak dikeluarkan. Jadi apabila hakmilik dikeluarkan pada tahun 1989, maka dari tarikh itulah cukai akan dikenakan (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan, Tuan Speaker (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, saya hendak baca, lepas itu kalau dia hendak penjelasan, saya boleh bagi.

Tuan Speaker:

Dia tak kasi jalan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Bukankah Kerajaan Negeri telah rugi \$100.00 lebih oleh kerana tidak tukar hakmilik kepada K.T.M. sejak tahun 1966 oleh kerana \$3,000.00 sahaja.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, izinkan saya untuk meneruskan. Saya kata tadi kalau tak ada hakmilik kita tidak boleh kutip cukai. Jadi kalau kita ikut dari segi takrif Kanun Tanah Negara di bawah Seksyen 38 (3), minta izin:—

"The alienation of State land shall take effect upon the registration of document title thereto pursuant to the provision referred to in sub-section 1 or sub-section

2, as the case may be and notwithstanding that its alienation has been approved by the State Authority. The land shall remain State land until that time."

Bermakna ini jelas mengatakan bahawa walaupun sudah luluskan tapi tak ada hakmilik maka tanah itu masih lagi dianggap sebagai tanah Kerajaan. Jadi Tuan Speaker (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan. Jangan keliru. Jangan ambil *National Land Code* untuk mengelirukan. Boleh kasi penjelasan?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Penjelasan! Tuan Speaker (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Apa ini? Saya hendak cakap, Ahli Kawasan Berapit, *sit down!*

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Bukan, saya mahu (gangguan).

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Berapit, sila duduk!

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Saya mahu cakap (gangguan).

Tuan Speaker:

Sila duduk Ahli Kawasan Berapit, dia tak beri jalan (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, saya ingin bangkitkan masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kawasan Berapit – Masalah premium yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri kepada tapak untuk Sekolah Menengah Jit Sin. Ini satu contoh yang amat jelas yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli pembangkang. Mereka selalunya membangkitkan masalah S.R.J.K. (C). Kenapa mereka tidak membangkitkan masalah S.R.J.K.(T) atau S.R.J.K. (I)? Saudara Yang Berhormat dari Kawasan Prai, kenapa begitu (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Mana ada S.R.J.K. (I)? Saya pun tak faham mana ada S.R.J.K. (I) di sini?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Duduk! Duduk! Tuan Speaker, masalah pembangkang selalu bangkitkan (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Apa itu I, beritahu!

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Dulunya I – Inggeris (Ketawa). Mereka

tidak pernah membangkitkan soal tapak untuk S.R.J.K. Tamil. Mereka tak pernah mempersoalkan tapak untuk Sekolah Menengah St. Mark yang dulunya Sekolah Inggeris. Mereka tidak pernah mempersoalkan Sekolah St. Xavier. Mereka tak pernah membangkitkan soal Convent (gangguan).

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason):

Dulu kita tidak ada di sini.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Diam, nanti dulu! (ketawa).

Adakah saudara Yang Berhormat dari Prai sedar bahawa di sini juga ada Sekolah S.R.J.K. (T) – Tamil! (gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Thailand!

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Bukan Thailand.

Jadi jangan takut untuk membangkitkan masalah Sekolah S.R.J.K. (T) oleh kerana duduk sebelah sana kena cakap masalah sekolah kecinaan saja. Jadi kita kena bangkit, bangkit juga masalah Sekolah Kebangsaan. Jadi inilah gambaran yang ada di sebelah pembangkang, selalu bercakap soal-soal kecinaan – masalah Kampong Baru, tak pernah bercakap tentang masalah Kampung Tradisional (gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

You ada jaga.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Bukan saya jaga. Kalau mahu sokongan daripada orang-orang Melayu, kita jangan bercakap masalah orang-orang Cina sahaja, kita kena cakap masalah parti kita dalam Barisan Nasional. Bukan saja kita memperjuangkan masalah orang-orang Melayu tetapi masalah orang Cina, masalah orang India adalah *our problem*, kita akan selesai bersama-sama.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Babi.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Babi Dr. Ibrahim punya *problem* (ketawa).

Bukan kita bercakap tentang Sekolah Cina saja. Bukan kita bercakap Kampong Baru saja. Tiap-tiap kali tanya pasal Kampong Baru, ada kampung-kampung di kawasan Parlimen Bukit Mertajam (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Adakah salah kalau saya tanya perkara ini (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Bukan, bukan kata salah. Tapi sikap, gambaran (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Saya wakil penduduk saya, wakil penghuni saya.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Jangan marah!

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Saya bukan marah (ketawa). Adakah salah itu?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Ini kawan baik juga. Saya memberi gambaran. Negeri kita negeri yang terdiri daripada berbilang kaum. Kita bercakap meliputi semua. Kita tak bercakap untuk orang Melayu sahaja. Saya ada bercakap untuk masalah orang Cina tetapi Yang Berhormat daripada Kawasan Berapit (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Saya mahu membetulkan Yang Berhormat dari Sungai Pinang (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Bukan! Ini Sungai Dua (ketawa).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Saya bukan tak bangkitkan masalah orang Melayu. Saya pernah bangkit masalah orang Melayu di Dewan Rakyat tetapi ditolak oleh Speaker. Itu mengenai perkara banjir di Kelantan. Saya ada bangkit perkara itu tetapi kenapa itu ditolak oleh Speaker (ketawa).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Fasal Pulau Pinang tak mahu cakap, cakap pasal Kelantan.

Tuan Speaker:

Yang Berhormat, sila jangan ganggu.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Tuan Speaker, kami membangkitkan beberapa perkara berkenaan dengan S.R.J.K. (C) dan Perkampungan Baru kerana kami merasa kamilah segolongan atau satu kumpulan yang dihina dan tidak diperhatikan oleh pihak pentadbir. Itu cuma perasaan tak puashati. Itu pasal kita mahu suarakan perkara ini.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, ini masalah Jit Sin, bukan masalah diperjuangkan oleh D.A.P. Ini masalah Jit Sin yang boleh diselesaikan oleh Barisan Nasional di bawah pimpinan Y.A.B. Dr. Lim Chong Eu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Ya, ya.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Telahpun diselesaikan. Kita Barisan selesaikan (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Belum selesai lagi. Belum lagi (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Duduk dulu! Jangan cuba (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Soal tanah itu belum selesai lagi.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Itu kita tahu. Tapi saya bangkitkan tadi jangan bercakap tentang Sekolah Cina saja. Di sini kita bercakap tentang Sekolah Tamil, Sekolah Siam kita tak bercakap. Sekolah St. Mark kita bercakap, Sekolah Convent kita bercakap, sekolah lain pun kita bercakap. Jadi itu yang kita hendak. Kalau macam ini, sikap pembangkang hanya memperjuangkan satu kaum, jangan harap bahawa orang-orang Melayu boleh memberi sokongan kepada perjuangan D.A.P. (gangguan.)

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Tuan Speaker, itu ucapan politik.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Bukan, itu bukan politik. Kita mahu beritahu di sini (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Saya mahu tanya sama ada Ahli Dewan Undangan Negeri dari M.C.A. dan Gerakan ada bangkitkan masalah Jit Sin?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Bangkit.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Mana ada?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Ada bangkit.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Tak ada! Saya nampak di sana mana ada orang bangkit, tak ada!

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Siapa cakap tak bangkit?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Kalau kami tak bangkit, tak selesailah. Sudah kena "tekan" baru selesai.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tak ada. Tak ada kena "tekan". Ini "tekan", "tekan", kita tak ada takut (ketawa).

Tuan Speaker, masalah tentang premium. Kita sedang merujukkan perkara ini kepada Jabatan Penilaian. Kita menunggu jawapan daripada Penilaian tentang kadar penilaian untuk tapak sekolah dan apabila perkara ini kita perolehi kita akan selesaikan. Itu jaminan yang diberi kepada saya.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Penjelasan. Saya minta Yang Berhormat memberitahu berapa lamakah perkara itu boleh diselesaikan. Sama ada mahu tunggu 5 tahun lagi?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tak payahlah.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Tunggu pilihanrayakah?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, berhubung dengan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai dengan tunggakan cukai tanah, tunggakan royalti, tentang pengambilan pasir, pengambilan batu, tanah merah, *conversion* dan sebagainya. Suka saya menyatakan di sini bahawa Pentadbiran Tanah telah mengambil tindakan untuk mengingatkan tuan-tuan punya tanah bahawa tanggungjawab mereka untuk menjelaskan cukai tanah. Jadi kita akan mengambil tindakan untuk berunding dan menasihatkan mereka supaya membayar tunggakan yang saya sebutkan tadi.

Mengenai dengan premium tambahan, memang banyak, pada suatu ketika tanah-tanah yang telahpun diluluskan tukar syarat di mana pihak pemaju tidak dapat menjelaskan bayaran premium tambahan. Ini disebabkan oleh kemelesetan ekonomi 2 tahun yang lepas, tetapi sekarang sudah ternyata bahawa pemaju-pemaju yang berkenaan telahpun membayar bayaran royalti yang dikenakan. Suka saya nyatakan di sini kalau bayaran royalti tidak dibayar dalam tempoh masa yang diluluskan maka kelulusan yang diberikan itu akan terbatal dengan sendirinya.

Berhubung dengan ingatan yang diberikan oleh Yang Berhormat dari kawasan Permatang Pasir tentang *conversion* iaitu tukar syarat tanah-tanah pertanian di kawasan luar bandar, suka saya bagi jaminan bahawa kita telah mengadakan kerjasama yang erat dengan rakan saya, Pengerusi Pertanian Negeri, Ahli Kawasan Seberang Jaya, kawasan-kawasan yang telah kita zonkan sebagai kawasan pertanian, bahawa kita tidak akan membenarkan tanah-tanah di

kawasan ini untuk pertanian, bahawa kita tidak akan membenarkan tanah-tanah di kawasan ini untuk ditukar syarat kerana bagi kita sektor pertanian itu tetap memainkan peranan yang penting dalam Negeri Pulau Pinang ini walaupun pembangunan perindustrian dan perumahan tidak dapat kita nafikan merupakan 2 sektor yang sama pentingnya.

Mengenai dengan penjualan tanah-tanah di kawasan luar bandar. Tanah-tanah di kawasan luar bandar yang telah dikurniakan kepada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar iaitu pada tahun 1966, di mana pihak Kerajaan Negeri telah mengenakan satu sekatan kepentingan yang amat ketat di mana dinyatkaan dengan jelas di atas hakmilik itu bahawa tanah ini tak dibenar dijual, dipajak, digadai atau sebarang apa urusan kecuali dengan mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri. Jadi saya suka menyatakan kepada Yang Berhormat Ahli Kawasan Permatang Pasir bahawa kita tidak akan membenarkan tanah-tanah terutama sekali tanah-tanah di kawasan luar bandar yang dipegang oleh orang-orang Melayu dipindah milik kepada orang-orang lain kecuali dengan persetujuan Kerajaan Negeri. Kalau mereka hendak menguruskan untuk tujuan gadaian bagi tujuan menjalankan perniagaan maka kita akan menimbangkan permohonan yang seumpama itu.

Jadi satu lagi perkara mengenai dengan tapak kedai tuak di Bukit Mertajam. Sebenarnya tapak ini tidak boleh dimajukan oleh Kerajaan Negeri oleh kerana tapak yang berkenaan telahpun diberi milik kepada Persatuan Bekas Polis dan ini terserahlah kepada Persatuan Bekas Polis untuk membuat perancangan apakah jenis bentuk bangunan ataupun perniagaan yang akan dijalankan ataupun dibangunkan di kawasan tapak yang kita rasa amat baik dari segi lokasinya (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Tuan Speaker, minta penjelasan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1990.

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Berapit, sila duduk!

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Tak bolehkah? (ketawa).

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguh 15 minit untuk minuman ringan.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.56 pagi.

Dewan disambung semula pada jam 11.19 pagi.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula. Dipersilakan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Datuk Khoo Kay Por):

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong Anggaran Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah membangkitkan beberapa isu-isu berkaitan dengan Kerajaan Tempatan dan juga teguran-teguran yang saya rasa boleh memperbaiki dan

mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan Majlis-majlis Perbandaran.

Pertama sekali, saya ingin menyentuh masalah penjaja yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Kota. Kerajaan Negeri dan sememangnya kedua-dua Majlis Perbandaran menyedari masalah-masalah yang dihadapi oleh penjaja-penjaja sama ada penjaja bergerak atau pun statik. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri melalui Majlis-majlis Perbandaran sedang mengkaji untuk mengadakan suatu dasar yang lebih *comprehensive* dan tetap untuk kebaikan penjaja-penjaja. Segala sungutan dan teguran daripada pihak penjaja akan diambil kira dan Kerajaan Negeri berharap dengan adanya dasar ini maka penjaja-penjaja di negeri ini akan dapat diuruskan dengan lebih sistematik dan teratur lagi. Mengenai keluhan penjaja-penjaja di Lebuhr Cecil, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak M.P.P.P. telah pun mengadakan beberapa perbincangan dengan mereka dan sungutan-sungutan mereka telah diambil kira. M.P.P.P. akan cuba untuk melayani permintaan penjaja-penjaja berkenaan setakat mana yang mampu kerana Majlis juga menghadapi masalah kekurangan ruang dan kesesuaian tempat.

Tuan Speaker, mengenai saranan daripada Yang Berhormat daripada Berapit, untuk diadakan semula pilihanraya Kerajaan Tempatan, ingin saya tegaskan di sini sekali lagi bahawa kuasa untuk mengadakan atau tidak pilihanraya Kerajaan Tempatan adalah dalam tangan Kerajaan Persekutuan, dan peruntukan ini terdapat dengan jelas dalam Akta Kerajaan Tempatan Tahun 1976.

Yang Berhormat, juga ada menimbulkan

masalah tapak penjaja di Kampong Baru, yang dikatakan sangat sempit. Keluasan petak-petak yang disediakan adalah 4' x 8' dan saiz ini adalah saiz biasa atau '*standard*' untuk tapak-tapak penjaja di kawasan-kawasan yang mana M.P.S.P. menghadapi kekurangan ruang niaga. Sekiranya saiz petak-petak ditempat ini diperluaskan maka Majlis tidak dapat menempatkan semua penjaja-penjaja di kawasan ini yang berjumlah 103 orang. Walau bagaimanapun tapak ini adalah tapak sementara dan Majlis sedang berusaha untuk mencari tanah yang sesuai berhampiran dengan tapak ini. Setelah tapak baru yang lebih luas dikenalpasti, maka ruang petak bolehlah di perluaskan.

Tuan Speaker, mengenai usul mengangkut sampah yang dikatakan tidak memuaskan di Taman Sri Rambai dan Taman Alma, ingin saya jelaskan di sini bahawa Majlis menghadapi masalah dari segi kenderaan di mana lori yang digunakan kadangkala rosak. Walau bagaimanapun M.P.S.P. telah memesan 4 buah lori sampah yang baru dan adalah diharapkan akan dapat menyelesaikan masalah pengangkutan sampah di kawasan Taman Sri Rambai. Di Taman Alma pula perkhidmatan mengangkut sampah telah diberikan kepada seorang kontraktor dan beliau telahpun diberi amaran dan dikenakan denda di atas perkhidmatan beliau yang kurang memuaskan. Adalah di fahamkan beliau telah memperolehi suatu kenderaan khas untuk mengatasi masalah beliau dan keadaan sekarang bertambah baik.

Mengenai tandas awam pasar Bukit Mertajam – yang sebenarnya Yang Berhormat

Berapit mengemukakan permohonan untuk pembinaan semula tandas awam di pasar Bukit Mertajam. Permohonan Yang Berhormat masih dalam kajian dan kini masih dalam peringkat mengenalpasti kehendak-kehendak tandas itu.

Mengenai peruntukan untuk melaksanakan projek ini, Yang Berhormat telahpun membuat cadangan kepada M.P.S.P. supaya pihak yang membina dan menyelenggara tandas diberi tempoh selama 20 tahun untuk mengenakan kutipan. Cadangan Yang Berhormat juga meminta M.P.S.P. memberi bantuan \$190.00 sebulan. Kesemua syarat-syarat yang dicadangkan oleh Yang Berhormat akan dikaji oleh M.P.S.P. dan Yang Berhormat akan diberitahu kelak.

Tentang jawatan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, pengisiannya sedang diproseskan dengan calon yang benar-benar berkebolehan dan bersesuaian akan dilantik.

Ahli Kawasan Bagan Jermal telah bangkitkan masalah kelewatan memproses pelan oleh M.P.S.P. Kes-kes yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal adalah mengenai:

Pertama, Lot 2395, Seksyen 4, Seberang Perai Utara – Pelan Bangunan telah diterima pada 4 November, 1986. Ianya ialah untuk membina sebuah rumah kediaman di atas sebuah Plot No. 2395 yang mana statusnya ialah untuk kegunaan sebagai tangki najis. Kegunaan itu telah ditetapkan semasa Pelan Tatasusunan diluluskan oleh Majlis. Ini telahpun disahkan semasa pelan pecahan sempadan diluluskan.

Tuan tanah asal iaitu Anamallai Chettiar dan penama-penama lain telah bersetuju untuk

menyerah plot tersebut kepada M.P.S.P. dengan namaan \$1.00, namun demikian lot tersebut tidak diserahkan kepada M.P.S.P. tetapi telah dipindah milik kepada 4 orang lain.

Dalam hal ini tuan tanah dikehendaki memohon kepada M.P.S.P. untuk membatalkan syarat nyata tersebut iaitu dari 'tapak tangki najis' kepada 'Bangunan'.

Pemohon telahpun membuat permohonan untuk batal syarat pada 29 Jun, 1989 dan perkara ini akan dibentang untuk kelulusan Majlis Penuh M.P.S.P.

Kedua – Lot 1430, Seksyen 4, Seberang Perai Utara – tidak ada rekod dan (M.P.S.P.), mungkin butir-butir yang diberi ada silap dan saya tidak dapat pastikan kedudukannya.

Mengenai kes yang mana Yang Berhormat bangkitkan failnya diambil masa seminggu untuk disampaikan dari Jabatan Bangunan ke Jabatan Perancang Bandar, M.P.S.P. mungkin ini satu kes yang tertinggal atau 'oversight'. Walau bagaimanapun kes-kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat akan diambil perhatian yang berat oleh M.P.S.P. dan akan menjadikan contoh untuk memperbaiki cara proses pelan serta meninggikan kecekapan pentadbiran M.P.S.P. secara amnya.

Ahli Kawasan Kampong Kolam membangkitkan rayuan tentang kes Rethinasamy – mengenai kes mengutip caruman meletak kereta dan caruman menanam pokok-pokok dan *landscaping*. M.P.S.P. telah memberi notis rayuan pada 1 Disember 1989. Oleh yang demikian tidaklah wajar bagi saya memberi apa-apa penjelasan tentang perkara ini sehingga rayuan M.P.S.P. diselesaikan oleh Mahkamah. Pada masa sekarang M.P.S.P. apabila

memproses pelan-pelan baru tidak akan mengutip caruman menggantikan tempat meletak kereta dan caruman menanam pokok-pokok dan *landscaping*, syarat-syarat biasa akan dikenakan untuk meminta pemaju-pemaju menyediakan kemudahan-kemudahan itu secara fizikal.

Bagi kes-kes yang lama, pemulangan balik kutipan adalah tergantung kepada setiap kes yang dipohon oleh pemaju yang berkenaan dan juga berpandukan kepada keputusan rayuan kes yang dibawa oleh Pemaju Rothinasamy atau Rethina Development Sdn. Bhd.

Saya ingin menegaskan bahawa M.P.S.P. telah melantik Aziz & Anthony untuk menjadi Peguambela bagi menguruskan kes ini dan firma itu bertanggungjawab untuk memberi nasihat kepada M.P.S.P. tentang segala tindakan yang perlu diambil. Bukan saya tidak tahu tentang perkembangan kes ini tetapi saya mempunyai cukup keyakinan kepada M.P.S.P. untuk mengendalikan segala tindakan tentang kes ini. INi termasuk menetapkan tarikh rayuan dan alasan-alasan mengemukakan rayuan. Pada masa soaljawab hari pertama, Tuan Speaker, pihak pembangkang hanya ingin membuat keliruan. Apa yang penting ialah sama ada kes ini mengakibatkan implikasi secara keseluruhannya tentang caruman-caruman tempat meletak kereta dan caruman menanam pokok dan *landscaping* yang disyaratkan dalam urusan proses pelan-pelan tatasusunan.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Penjelasan. Tadi Yang Berhormat ada kata pihak pembangkang cuba mengelirukan Dewan di atas perkara ini. Bukankah ini tidak benar dan tidak berasas. Apa yang saya cuba tanya pada Isnin ialah apakah kedudukan mengenai kes ini

sama ada M.P.S.P. atau Kerajaan Negeri memutuskan untuk membuat rayuan dan meminta satu maklumat tetapi Yang Berhormat kata ia tidak tahu, dia tidak dapat maklumat, dia tak dapat laporan dan sekarang saya dengar bahawa dia tahu tetapi oleh kerana sudah lupa pada hari Isnin. Apabila ditanya dia lupa tetapi dia tahu. Kalau begitu senang lupa, apa yang lebih mustahak dan notis ada diberi bukankah ada masalah yang sangat besar dan perlu satu pemeriksaan *psychological*?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Datuk Khoo Kay Por):

Tuan Speaker, saya ucap terima kasih pagi ini, di mana ketua pembangkang cuba hentam saya dan ini sikap yang tidak baik. Tadi sudah cakap, Ketua Menteri sudah diam, sedang "gasak" sama saya. Bukankah saya sudah jelas? Bukan saya tidak tahu perkara ini. Saya diberitahu kes di bawah penasihat firma ini, kuasa dan tanggungjawab diberi kepada penasihat dan saya yakin dan percaya firma ini boleh menjalankan tugas yang bertanggungjawab. Kalau ada kes yang dikaji bagi menjalankan tugas, dalam membuat rayuan, saya ingat firma ini boleh bertanggungjawab membuat kerja yang memuaskan.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Penjelasan. Bukan saya suka untuk "menggasak" Yang Berhormat Sungai Pinang, selain daripada dia memaksa satu keadaan semacam itu. Soalan saya tadi belum dijawab. Adakah Yang Berhormat Sungai Pinang pada hari Isnin pada masa soal jawab sudah tahu bahawa M.P.S.P. pada Jumaat lalu sudah buat satu notis rayuan? Adakah pada hari Isnin dia sudah tahu dan kalau dia sudah tahu – sekarang dia kata dia sudah tahu, kenapa pada masa itu dia kata dia tidak tahu. Adakah pada masa itu dia

lupa atau dia sengaja untuk membohongi Dewan yang mulia ini? Dua cara saja iaitu dia lupa, maknanya senang lupa yang saya kata tadi perlu satu pemeriksaan *psychological*. Kedua, kalau bukan lupa dengan sengaja dia kata dia tahu, tetapi dia kata tak tahu, dia ada buat satu pembohongan dan sudah melanggar keistimewaan dan perlu dirujuk kepada *Committee of Privileges*.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Datuk Khoo Kay Por):

Tuan Speaker, soal ini saya bukan bohong. Saya sudah jawab saya belum beritahu tarikh untuk masuk rayuan. Sebab pihak pembangkang Ahli Kawasan Kampong Kolam *insist* mahu tahu. Ini perkara penting mesti mahu tahu. Saya belum dapat tahu, macam mana saya boleh beri jawab hari ini. Selepas habis baru boleh saya beritahu tarikh (gangguan).

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Penjelasan yang terakhir (gangguan).

Tuan Speaker:

Dia tak kasi jalan. Sila duduk!

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Dia kasi jalan. Penjelasan yang terakhir.

Tadi Yang Berhormat kata dia belum tahu masa itu tetapi tiga hari sudah lepas, Hari Jumaat rayuan sudah difailkan, notis telah difailkan. Selepas itu hari Sabtu, Ahad dan Isnin. Yang Berhormat tahu soalan itu akan bangkit dalam Dewan yang mulia ini dan dia akan bertanggungjawab untuk memberi maklumat kepada Dewan apa yang *up to date*. Kenapa dia tidak cuba untuk mendapat maklumat yang

terakhir, yang terbaru supaya ia boleh menunjukkan dia cekap, bertanggungjawab dan *far-sighted*.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Datuk Khoo Kay Por):

Tuan Speaker, bukan saya tidak bertanggungjawab, tanggungjawab berat adalah *responsibility* saya. Tetapi bila Yang Berhormat tanya saya beritahu saya belum dapat the *date of appeal* selepas soalan dikemukakan (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, ini salah jawab oleh kerana pada hari itu dia sudah cakap dia tidak beri tarikh untuk *appeal*. Dia sudah tahu sama ada *appeal* atau tidak (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Datuk Khoo Kay Por):

Duduklah! duduklah!

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Apa duduk?

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Sungai Pinang, boleh sambung.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Datuk Khoo Kay Por):

Tuan Speaker, kempen kebersihan makanan yang dijalankan oleh M.P.P.P. baru-baru ini telah juga sentuh oleh Yang Berhormat dari Paya Terubong di mana beliau telah mengatakan bahawa terdapat sikap ketidakadilan dan memilih kasih mengikut kaum oleh Pegawai-

pegawai penguatkuasaan M.P.P.P. Suka saya jelaskan di sini, sepanjang pengetahuan saya, tidak ada timbul sebarang ketidakadilan atau memilih kasiñ oleh pihak penguatkuasaan M.P.P.P. Mereka telah diberi arahan yang cukup oleh pihak pengurusan M.P.P.P. dan telah menjalankan tugas mereka dengan adil. Sekiranya timbul apa-apa salah sangka, atau keraguan, maka itu adalah tidak disengajakan dan mungkin juga ia merupakan suatu isu yang diperbesarkan sahaja oleh sesetengah pihak.

Tuan Speaker, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan tindakan penilaian semula yang dijalankan oleh M.P.S.P. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa tujuan M.P.S.P. menjalankan tindakan penilaian semula adalah untuk:—

1. Mematuhi kehendak-kehendak Akta Kerajaan Tempatan 1976.
2. Meremaskinikan nilai tahunan bagi harta-harta supaya ianya mengikuti paras sewa semasa.
3. Mengagihkan beban cukai supaya semua pembayar cukai dikenakan cukai taksiran yang adil dan saksama mengikut nilai sewa tahunan.
4. Menghapuskan anomali terhadap cukai taksiran yang dikenakan ke atas sesuatu harta berbanding dengan harta yang lain kerana paras sewa masing-masing telah diubah.

Saya diberitahu M.P.S.P. telah siap sedia jentera pentadbiran untuk mendengar semua rayuan yang dikemukakan oleh pembayar cukai supaya mereka dapat peluang menyampaikan

kes-kes mereka ke pertimbangan Jawatankuasa Rayuan.

Tuan Speaker, akhir sekali saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan yang telah dibawa oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Tuan Speaker, hari ini masuk hari yang kedua kita membincang ataupun membahaskan Perbekalan yang dibawa ini dan satu kesimpulan yang saya dapat buat — saya tidak tahu sama ada betul atau tidak betul, tepat tidak tepat. Nampaknya demam pilihanraya sudah datang dan banyak orang yang kena demam pilihanraya. Jadi cakap pun lain macam. Cerita yang tidak ada pun ada, khabar-khabar angin pun jadikan cerita benar dan macam-macam lagi. Persoalan yang dibawa pun saya rasa agak luar — daripada soal parit di tepi jalan sampai soal pembangunan di atas Bukit Bendera. Masalah pertanian di Permatang Pasir sampailah kepada masalah Tiananmen. Dari soal kecil sampailah kepada soal Mandela dan Palestin. Jadi saya rasa ini satu hal yang membanggakan.

Salah satu perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Kawasan Prai — saya telah jawab pun semalam. Hari ini saya hendak jelaskan sedikit sahaja lagi, boleh? Perjumpaan itu diadakan siang atau malam?

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason):

Malam.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Malam –berapa haribulan?

Ahli Kawasan Prai (Encik Shamugam s/o Nadason):

Tidak ingat.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Jadi saya diberitahu, perjumpaan itu diatitkan oleh Jabatan Perumahan, bukan Jawatankuasa Perumahan. Itu adalah dua hal yang cukup berbeza. Yang sebenarnya pegawai-pegawai dari Jabatan Perumahan selalu mengadakan perbincangan, perjumpaan dengan penghuni-penghuni rumah kos rendah atau rumah-rumah yang diberi oleh Kerajaan. Jadi ini merupakan satu masalah *routine* yang selalu dibuat, dan perjumpaan pada hari itu – malam, kalau tidak salah saya, diatur dengan Jawatankuasa Persatuan Penduduk. Tetapi agak malang, bila pegawai daripada Jabatan Perumahan dan pegawai dari Majlis Perbandaran Pulau Pinang sampai ke tempat perjumpaan terdapat juga seorang maklok yang tidak diundang turut hadir dan kata orang kampung, “hemoi” – tak panggil pun “sua domoi” (gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Hidung tak mancung!

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Hidung dia mancung!

Jadi tujuan perjumpaan itu adalah untuk mendengar masalah dan kalau perlu diselesaikan akan diselesaikan.

Yang menjadi malang pula, mulanya hanya satu badan yang ada. Kemudian dengan adanya anasir-anasir yang tidak sihat masuk, jadi dua kumpulan. Jadi sudah berlaku pula pertembungan atau pertentangan di antara 2 kumpulan tadi. Jadi pada pandangan pegawai-pegawai itu mereka tidak perlu duduk, biar mereka pulang dahulu supaya kedua-dua kumpulan tadi selesaikan masalah mereka. Itu sahaja.

Jadi, berbalik kepada perkara-perkara lain seperti yang disebutkan oleh sahabat-sahabat saya tadi, banyak perkara yang tidak betul dibetulkan, perkara tidak wujud diwujudkan, khabar angin pun heboh dibesar-besarkan. Ini saya tidak salahkan sesiapa, sebab seperti yang saya katakan tadi deman pilihanraya sudah menjangkit banyak orang. Contoh yang paling mudah saya hendak cerita balik, berita yang dibawa oleh Ahli daripada Kampong Kolam. Kata Yang Berhormat Ahli Kampong Kolam, ada kumpulan dalam Gerakan yang hendak membunuh Ketua Menteri, iaitu apabila kumpulan itu mencabar supaya Ahli Kampong Kolam bertanding dengan Ketua Menteri dalam pilihanraya yang akan datang. Jadi pada saya, itu hanya cakap yang patut hanya dikeluarkan oleh pelarian politik. Sebab saya tahu Ahli Kampong Kolam tidak akan berani berhadapan dengan Dr. Lim Chong Eu. jadi untuk memudahkan beliau lari, satu *excuse* dicipta kononnya ada komplot dalam Gerakan yang hendak bunuh Dr. Lim dengan (gangguan).

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Penjelasan!

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tunggu dahulu, saya habis bercakap.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Penjelasan, Yang Berhormat *Team 'A'* atau *Team 'B'*? Sokong *Team 'A'* atau sokong *Team 'B'*? (ketawa)

Ahli Kawasan Bertam (Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Saya tahu dia nak kata saya ini UMNO kumpulan 'A' ataupun Kumpulan 'B'. Pada saya tidak penting. Sama ada saya bertanding atau tidak bertanding tidak penting. Pada saya yang penting ialah parti. Parti lebih penting daripada saya dan negara dan agama lebih penting daripada parti. Saya kalau nak dikeluarkan sekarang pun saya rela. Saya bukan pelarian politik yang nak mencari makan, yang main wayang dari satu negeri ke satu negeri (gangguan).

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng):

You boleh main wayang?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Saya tidak boleh main wayang. Hari ini katalah Y.A.B. Dr. Mahathir kata "Rahman, *you* berhenti," saya berhenti, demi untuk kebaikan parti, untuk Barisan, untuk negara dan agama. Itu sahaja. Tetapi dahulu saya cukup *salute* Ahli Kampong Kolam. Ya, masa saya di Universiti dahulu saya cukup "syok" – dahululah. Tetapi saya rasa sekarang tidak ada "umphh" lagi dalam DAP.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Mahu mohon masuk? Kita akan timbangkan (ketawa).

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Kalau dahulu kemungkinan saya masuk DAP. Tetapi sekarang saya berasa (gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Sudah tua!

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Bukan tua, saya berasa DAP sudah lemah sedikit, tidak ada "umphh". Kalau ada "umphh" saya akan masuk. Pada saya parti tidak penting, kalau DAP dah dapat buat kerja baik, membela Melayu, membela Cina, membela Tamil, membela Islam, membela semua, kita akan tabik kepada DAP. Itu sahaja. UMNO kah, PAS kah, itu alat. Yang penting adalah bangsa, negeri, negara kita dan rakyat kita. Itu penting. Jadi saya berasa cukup keciwa bila Ahli Kampong Kolam cukup takut nak berhadapan dengan C.M. (gangguan).

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Dahulu kita akan timbang permohonan, sekarang kita tolak!

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Terima kasih banyak! Sebab mereka tahu kalau saya masuk DAP sayalah yang akan menjadi Presiden DAP (ketawa)

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Tak ada *chance*!

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Awat! Kalau saya masuk, Presiden DAP adalah saya! Masa itu mungkin saya bagi Kampong Kolam jadi – mahu jadi apa? (ketawa). Tetapi Bagan Jermal saya boleh bagi, fasal dia bekerja kuat, dia kerja kuat. Shamugam dia malas sedikit, kawasan pun tidak jaga! Pengkalan Kota orang yang rajin (gangguan).

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng):

Penjelasan.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, dia ada minta penjelasan.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tunggulah sekejap:

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng):

Adakah Yang Berhormat (gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tunggulah sekejap.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng):

Penjelasan, bukan lama.

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Ayer Itam, sila duduk! Jangan ganggu.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng):

Ini waktu jawapan bukan waktu ber-drama.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

O.K. sekarang saya betulkan balik.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng):

Kalau mahu bersembang, di luar.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Janganlah takut! Saya tahu Ahli Ayer Itam pun pernah “mengorat” M.C.A. (ketawa).

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng):

Di luar boleh ulang?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Boleh keluar sekarang?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tak payah tanya Speaker, boleh keluar sekarang.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Jangan lari balik!

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk semua!

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Lari balik, tengok! Macam M.C.A. kah?

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Ayer Itam, sila duduk!

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Saya tahu Ahli Kawasan Ayer Itam pernah "mengorat" M.C.A.!

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng):

Di luar cakap.

Tuan Speaker:

Sila duduk Ahli Kawasan Ayer Itam. Ahli Kawasan Bertam, sila teruskan.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Dia tidak duduk, macam mana saya nak bercakap?

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Ayer Itam, sila duduk!

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Dia sudah panik!

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng):

Apa panik? Cakap ulang lagi sekali.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Ahli M.C.A. (gangguan).

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng):

Saya Ahli M.C.A. kah?

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Ayer Itam, sila duduk!

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tidak, saya bercakap belum habis. Ahli Ayer Itam pernah "mengorat" M.C.A. – tahu tak?

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng):

Tackle – "kejit mata".

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tahu tak?

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Ayer Itam, sila duduk!

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng):

Bohong!

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Ya! tidak apalah, dia kata bohong. Bohongkah, tidak bohongkah semua orang tahu. Yang perlu semua orang tahu!

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng):

Tahu apa? Bagi bukti. Jelaskan!

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tahu yang Ayer Itam “mengorat” M.C.A.!

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng):

Macam mana mengorat? (gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

“Mengorat” pun tidak tahu?

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Tuan Speaker, tidak bolehlah membenarkan menggunakan Dewan semacam begini. Kalau begitu dia mahu terpaksa dapat gangguan, tidak boleh tahan dia oleh kerana dia dibenarkan. Kalau dia mahu main, dia akan mendapat balasan.

Tuan Speaker:

Sila teruskan Ahli Kawasan Bertam dengan jawapan.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Ya, saya bersedia menerima sebarang balasan, tidak ada apa. O.K.

Jadi Tuan Speaker, inilah yang saya katakan tadi, pelarian-pelarian politik (gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Siapa?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Siapa yang “makan cabai” rasalah dia!

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Kita tidak lari!

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tidak apa, saya tahu Ahli Bagan Jermal tidak lari, tetapi ada orang lari!

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan. Adakah (gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, ini giliran saya bercakap.

Tuan Speaker:

Dia tak kasi jalan, sila duduk!

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan, Tuan Speaker (gangguan).

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Pengkalan Kota, sila duduk!

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan, Tuan Speaker, pelarian politik (gangguan).

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Pengkalan Kota, sila duduk!

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

M.C.A. Presiden, Ling Liong Sik lari dari

Bagan ke Johor! Apa macam? Mahathir lari dari Kedah ke Kubang Pasu! (ketawa).

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak mengingatkan bahawa di bawah Peraturan 116(e), saya akan kuatkuasakan di bawah peraturan ini. Sila mengikuti apa yang tercatat di dalam 116(e). Sila teruskan Ahli Kawasan Bertam.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Terima kasih, Tuan Speaker, cukup.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Habis? Mahu lari, takutkah?

Tuan Speaker:

Sila Ketua Menteri.

Ketua Menteri:

Saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1989/1990. Nampak saya ada banyak perkara telahpun dibangkitkan. Tetapi isinya di dalam perbahasan tidak ada apa-apa perkara yang diambil perhatian berkaitan dengan Rang Undang-undang, nampak saya macam mana jauh pun dalam perbahasan Yang Berhormat Ahli-ahli merangkumi semua dengan isi Rang Undang-undang yang saya telah dikemukakan.

Mengikut pengalaman saya sudah menjadi kebiasaan dalam Dewan ini bahawa dalam perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh bidang masalah yang luas, masalah yang besar, masalah yang kecil dan di antara

masalah-masalah yang dibangkitkan itu sesungguhnya ada yang berkaitan dengan Rang Undang-undang dan ada juga yang luar daripadanya dan tidak berkaitan dengan Rang Undang-undang, dengan perkara yang kita sesungguhnya mesti pertimbang dan bahaskan. Tetapi saya telah dengar perbahasan dua hari dan tadi telah mengatakan tidak ada apa-apa halangan kepada Rang Undang-undang.

Tuan Speaker, kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasih sebab daripada perbahasan oleh pihak Kerajaan dan oleh pihak pembangkang di dalam Dewan ini, kita telah dapat mengambil perhatian, fikiran-fikiran dan pengalaman-pengalaman dari Ahli-ahli Yang Berhormat dan khususnya atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan untuk membaiki mutu perkhidmatan Kerajaan kita dan sebab itulah saya ucapkan terima kasih. Banyak perkara yang dibangkitkan telahpun dapat dijawab dengan teliti oleh rakan-rakan saya dan sesungguhnya oleh Yang Berhormat Yang Berhormat Ahli dalam Dewan ini dan kali ini kita telah nampak dengan nyata yang mana Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah mengambil perhatian kepada semua perkara dengan teliti dan menjawab kepada mereka dengan terus terang. Ini menunjukkan sistem Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah dijalankan dengan baik dan banyak perkara telahpun dijawab tidak payah lagi saya mengulangi penjelasan atau jawapan kepada perkara-perkara yang telah dijawab itu.

Tuan Speaker, nampak saya terdapat beberapa perkara yang telah dibawa untuk perhatian Dewan ini menunjukkan perasaan tidak puashati Ahli-ahli Yang Berhormat dan khususnya masalah yang berkaitan dengan prestasi dan peranan pegawai-pegawai perkhidmatan awam. Semua perkara ini telah

kami ambil perhatian dan saya pun faham Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Barisan Nasional selalu bekerja kuat dan rapat dengan rakyat di dalam kawasan-kawasan mereka dan berusaha untuk menyelesaikan banyak masalah, sama ada kecil mahupun besar untuk kepentingan rakyat. Di dalam kawasan-kawasan mereka dan untuk membaiki taraf hidup rakyat kita dan kedudukan ekonomi, sosial negeri kita pada amnya dan khususnya untuk kepentingan golongan rakyat yang miskin.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang telahpun membangkitkan banyak perkara. Perkara-perkara ini kita pun telah mengambil perhatian sepertimana perkara-perkara yang dibangkitkan oleh rakan-rakan saya dari Barisan Nasional. Memang terdapat beberapa perkara dan masalah yang lama yang berulang kali dibangkitkan sebab tidak lagi ada lain modal, tetapi perkara ini tidak dapat diselesaikan oleh kerana pihak Kerajaan Negeri tidak boleh menyelesaikan masalah-masalah dengan serta-merta atau secara langsung oleh kerana perkara-perkara yang dibangkitkan itu adalah tanggungjawab dan bidang kuasa lain-lain pihak Kerajaan dan bukan Kerajaan Negeri.

Seperti di dalam ucapan Yang Berhormat Ahli dari Bagan Jermal beliau telah membangkitkan satu isu pokok yang ada hubungkait dengan kita semua, iaitu mengenai bantuan kepada Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan dan soalan ini sepertimana Yang Berhormat sendiri telah nyatakan telah dibangkitkan dalam satu usul di sessi Dewan yang lepas yang telahpun ditolak oleh Dewan ini. Dewan telah menolak usul itu kerana perkara pelajaran dan pemberian bantuan kepada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan terletak di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran atau Kementerian Pendidikan. Perbelanjaan bagi

Majlis Agama Islam Pulau Pinang termasuk pemberian kepada Sekolah-sekolah Agama Rakyat adalah terletak di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Sementara pemberian kepada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan dan lain-lain perkara berkaitan dengan pelajaran adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Saya harapkan Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit mesti terima sungghpun kita tidak mengumumkan, apa yang kita ditugaskan kita telah menjalankan dan kita telah menjalankan dengan betul.

Tuan Speaker, (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Minta penjelasan.

Tuan Speaker:

Dia tidak kasi jalan, sila duduk!

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Penjelasan (gangguan).

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Berapit, sila duduk!

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Lain-lain negeri boleh bagi kenapa kita tidak boleh?

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Berapit, sila duduk!

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, kita telahpun menjalankan tugas. Berapa kali kita telah bawa orang yang

berkenaan dan yang bertanggungjawab dengan Jit Sin School berjumpa dan berbincang dengan Menteri yang berkenaan dan daripada perbincangan dan pertimbangan, kita telahpun selesaikan masalah ini. Ini bukan untuk puji Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit, tetapi ini kerja yang kita menjalankan mengikut tugas kita dan saya boleh janji perkara ini tentulah tidak berapalama lagi dapat diselesaikan dengan puashati oleh semua pihak. Saja barangkali Yang Berhormat Kawasan Berapit (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Saya ingin tanya berapa lama itu akan selesai?

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Berapit, dia tak bagi jalan, sila duduk! Ahli Kawasan Berapit, berapa kali saya kata, sila duduk, jangan ganggu!

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, di sini saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal. Beliau telah menghadkan perbahasan beliau kepada tajuk-tajuk yang terkandung dalam Rang Undang-undang.

Tuan Speaker, saya tahu banyak sahabat-sahabat saya berasa keliru, (*confused*) tetapi itu telah menjadi pemimpin parti pembangkang, kata saya telah mengubah dan ada lain-lain ahli-ahli pembangkang kata saya tidak ubah, selalu macam komputer sahaja, biasa. Jadi macam mana saya ada ubah, atautidak ubah saya tidak tahu.

Tuan Speaker, di sini saya hendak mengambil peluang sekali lagi untuk

menunjukkan bagaimana pihak pembangkang selalu mengelirukan yang manakah bidangkuasa Kerajaan Negeri dan yang manakah bidangkuasa lain-lain pihak atau peringkat Kerajaan. Rang Undang-undang yang kita bahaskan pada sidang mesyuarat hari ini menunjukkan skop kewangan yang kita siapsedia untuk menjalankan projek-projek yang terletak secara langsung di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri di dalam tahun 1990 dan boleh dikatakan bahawa dengan adanya Rang Undang-undang bila kita luluskan untuk Bekalan Tahun 1990, Kerajaan Negeri mestilah seboleholehnya melaksanakan tugasnya mengikut apa yang kita telah persetujui dan luluskan dalam Dewan ini. Nampak saya, lagi sekali saya terangkan di dalam perbahasan bahawa Rang Undang-undang ini telah diterima oleh semua pihak sama ada pihak pembangkang, baik ataupun pihak Barisan.

Tuan Speaker, ada beberapa ahli-ahli yang telah membawa perkara ini, khususnya Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota, iaitu berkaitan dengan hutang Kerajaan Negeri dan pengurusan kewangan. Tuan Speaker, saya ucap tahniah kepada beliau kerana nampak saya beliau sekarang pun ada kerja sedikit, baca sedikit, tetapi langsung tidak faham. Tidak faham sebab ini pun ada kaitan dengan lain-lain perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli yang lain. Ia tidak faham – bila kita sebut dalam ucapan saya, hutang yang kita bayar balik adalah \$40,062,690.00. Ini bagi satu gambaran kepada kita yang mana kalau kita kurangkan wang ini daripada wang yang kita anggar untuk belanjawan dan sahaja negeri kita belanja untuk mengurus \$60 juta. Ini satu ongkos yang sesungguhnya kecil, tetapi dalam ongkos itu Kerajaan Negeri dan khususnya pegawai-pegawai dan kakitangan dalam negeri kita telah menjalankan tugas mereka dengan baik sekali,

dan dedikasi dengan sepenuhnya. Apa yang kita faham, dengan wang mengurus yang kecil iaitu \$60 juta itu telah dapat menjalankan banyak perkara untuk kepentingan rakyat kita. Kita akui di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan yang lebih daripada 35,000 – 40,000 orang adalah orang yang barangkali sombong sedikit, tetapi itu balik kepada perkhidmatan. Dalam beberapa program-program dan acara-acara kita ada, selalu kita kaji macam mana boleh kita menaikkan taraf pekerja, kakitangan dan pegawai-pegawai kita. Macam mana kita boleh jalankan dengan program SEMARAK yang mana Kerajaan mesti berhubung rapat dengan rakyat dan rakyat pun boleh berhubung baik dengan Kerajaan. Apa yang kita boleh kira adalah dalam belanjawan untuk mengurus tahun yang akan datang, kita cuba banding apa yang telah dicapai oleh pegawai-pegawai kakitangan perkhidmatan kita. Di tahun 1986, *performance* ataupun pencapaian adalah 70%–80% dan tahun 1988 ini naik sedikit kepada 88%. Tetapi kita telah anggarkan lagi 2–3 minggu kita pun boleh mengambil keputusan. Untuk tahun 1989 menunjukkan pegawai-pegawai, kakitangan Negeri Pulau Pinang adalah baik, cekap sebab *performance* mereka adalah lebih, sekurang-kurangnya lebih daripada 90%. Inilah *performance* yang baik sekali, sebab itu janganlah rendahkan apa yang dijalankan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan kita dan sesungguhnya kita ucap terima kasih kepada mereka yang saya tahu pun mereka sedang selalu nak lebih baik. Jadi lebih baik.

Tuan Speaker (gangguan).

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Penjelasan.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker (gangguan).

Tuan Speaker:

Dia tidak beri jalan. Sila duduk!

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Saya mahu tanya apa asas itu (gangguan).

Tuan Speaker:

Dia tak beri jalan, sila duduk!

Ketua Menteri:

Yang Berhormat Ahli Pengkalan Kota telah bangkit perkara ini dan saya ingat saya nak bagi keterangan kepada Dewan ini. Jumlah wang yang kita mesti bayar atau pinjaman yang kita mesti bayar balik adalah mengikut peratoran-peratoran yang mana pinjaman-pinjaman yang kita dapat daripada pembangunan, tetapi membayar pinjaman itu kita mesti bayar daripada Perbekalan Belanjawan tahunan dan pembayaran balik \$40 juta lebih. Sebanyak \$15,850,360.00 sahaja merupakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri, sementara \$13.6 juta adalah untuk maksud bayaran balik pinjaman daripada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan \$10.3 juta bayaran balik pinjaman kepada Pihak Berkuasa Air dan \$314,420.00 adalah bayaran balik kepada pinjaman daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Tetapi ini semua terkumpul dalam bekalan kita untuk tahun hadapan. Ini yang mana kita dalam negeri mesti tunjukkan *commitment* kita membayar balik yang mana boleh, semua pinjaman yang kita buat. Kalau kita tunjuk satu sikap semacam ini barulah kita (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan.

Tuan Speaker:

Sila duduk!

Ketua Menteri:

..... barulah kita mendapat lebih pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Sesungguhnya kita mohon pinjaman yang kita dapat dari Kerajaan Persekutuan baik menjadi pemberian bagi kepentingan kita, tetapi kalau kita tunjuk kita telah *committed* nak bayar balik pinjaman, kita boleh lagi memohon lebih pinjaman untuk menjalankan projek-projek pembangunan yang kita ada di masa yang akan datang.

Tuan Speaker, inilah Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota mesti faham. Saya dah jelas, dengar baik-baik dan tahu macam mana kita jalankan. Macam mana kita kaji dengan rapi kedudukan kewangan kita — belajar sedikit!

Tuan Speaker, selain daripada itu, perkara-perkara lain yang telah dibangkitkan oleh pihak Yang Berhormat Ahli-ahli Barisan Nasional dan pembangkang adalah merupakan perkara-perkara untuk pertimbangan, perhatian dan kajian dan pihak kita ada mencukupi kewangan yang akan datang, barangkali perkara-perkara ini bolehlah kita dapat satu keputusan di dalam anggaran tambahan di tahun hadapan. Di dalam perbincangan, Tuan Speaker, ada perkara-perkara yang disebutkan dan kita mestilah membawa ke perhatian Kerajaan Negeri dan dari Kerajaan Negeri untuk perhatian Kerjaan Pusat. Perkara-perkara Kerajaan Negeri mesti dirujuk kepada Kerajaan-Kerajaan Tempatan atau lain-lain badan berkanun untuk pertimbangan dan keputusan mereka. Ini selalu mengambil masa dan boleh diselesaikan jika kewangan mereka adalah mencukupi.

Tuan Speaker, saya haraplah, Tuan Speaker, beri peluang kepada saya untuk menjelas satu perkara. Sungguhpun Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam telah

mohon supaya perkara berkaitan dengan ucapan beliau berkenaan peristiwa Tienamen tidak payah dibangkit dan dibahaskan lagi, tetapi saya fikir saya mestilah mengambil peluang ini untuk memberi penjelasan. Sebagai Ketua Menteri, saya mestilah menjalankan tugas saya, saya tidak main politik.

Tuan Speaker, bukan seperti Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam kata perkara Tiananmen mula berbangkit dalam Dewan ini bila saya ingin nak menjawab kepada soalan mulut bukan dalam perbincangan, tetapi dalam perbincangan Rang Undang-undang ini, Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam pun telah ambil peluang dan masa panjang untuk menerangkan kedudukannya. Sekarang peluang saya untuk menjelas.

Tuan Speaker, kita akui ada orang yang sangka Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Kampong Kolam adalah seorang yang pandai dan mempunyai pengetahuan yang luas daripada orang biasa. Saya akui. Tetapi ada pula orang yang sampai hari ini merasa keliru, hairan, sebablah bahawa beliau selalu telah menggunakan kepandaian dan pengetahuannya untuk merendah-rendahkan orang-orang lain. Tuan Speaker, ada juga orang yang berpendapat Yang Berhormat Ahli Kawasan itu adalah seorang yang berani dan cukup pandai bercakap. Tetapi rakyat pun selalu berasa ganggu sebab langkah dan pendekatan beliau selalu tidak mengambil kira kesan atau *reckless* atau melampau. Sebahagian besar daripada ucapan beliau selalu bukan untuk mententeramkan fikiran orang lain tetapi adalah mengecam dan mengguris perasaan orang lain. Tuan Speaker, inilah telah jadi sikap, niat jahat dan sakit ini menjadi sikap Parti DAP. Tuan Speaker, tidak kira berapa pandai pun akhirnya mereka tetap niat jahat.

Tuan Speaker (gangguan).

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Point of order.

Tuan Speaker:

Di bawah berapa?

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Peraturan 46 (13). "Bahawa seorang tidak patut membuat sangkaan jahat atau buat *personal charge* atau (d) *indulge in personality*."

Kalau ini dibenarkan tentulah ini akan membuat satu *precedent* di mana kita pun boleh ikut juga membuat sangkaan jahat mengenai niat, seperti Y.A.B. Ketua Menteri kata niat jahat mengenai *personal charge against any other Member, indulge in personality*. Kalau ini dibenarkan, boleh, kita akan buat begitu juga.

Tuan Speaker:

Yang Berhormat, saya nampak tak langgar dengan peraturan ini.

Sila teruskan (gangguan).

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya tidak tuduh dengan Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam. Apa yang saya bawa ialah kita akui ada orang yang berpendapat bahawa ia pandai tetapi pun ada orang yang selalu berasa ganggu sebab itu inilah – bukan dia – niat jahat dalam parti.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng):

Jangan kata lain orang kata. Kalau berani, kata sendiri kata.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, beliau telah menuduh saya dalam Dewan ini. Itu perkara biasa dan kita terima, kita tidak ganggu dengan mereka. Diam kita dengar. Mereka kata saya sudah tua, saya tidak cukup sihat, saya tidak kaut dan lain-lain. Tentulah apa sahaja yang saya buat tidak dapat dipersetujui oleh mereka. Beliau kata dahulu saya baik, tetapi hentam saya *dictator*. Sekarang dia kata saya tidak kawal dengan Kerajaan. Lupakah kita sekarang kita ada sistem demokrasi, sistem Jawatankuasa. Apa yang saya buat dahulu baik tetapi sekarang saya telah ubah dan apa-apa yang saya buat sekarang tidak betul, semua *reactionary*. Ini ada, itu ada. Kita bukan tuduh ini bukan ikut peraturan.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng):

Itu *fact*.

Ketua Menteri:

Fact, bagi orang tak tahu, duduk diam.

Tuan Speaker, sebenarnya sebagai manusia saya telah berubah. Semua manusia mesti berubah dengan masa dan pengetahuan tetapi saya menjalankan tugas saya mengikut satu falsafah dedikasi yang stabil dan prinsip yang tidak berubah. Yang Berhormat Ahli-ahli Parti Pembangkang tidak faham apa lambang Parti Gerakan. Mereka tidak faham, tapi tahu semua, tidak faham apa itu *synergetics*. Inilah kawan saya yang telah meninggal dunia, *Buckminster Fuller*, ini *synergetics* berbentuk tiga segi atau *tetrahedron*. Tiga segi telah ubah tapi serupa, ubah serupa, serupa ubah (ketawa). Manapun tiga segi. Stabil, tajam (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Mahu jadi David Copperfield.

Ketua Menteri:

Bukan David Copperfield.

Tuan Speaker, masalah *synergetics* dan *tetrahedron* bukan main-main. Ini menunjukkan pengetahuan – mereka baik, kita akui tapi jangan rendah orang lain yang tidak berpengetahuan.

Tuan Speaker, mereka kata saya telah di *reactionary*. Tuan Speaker, mula-mula dalam ucapan Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam kelmarin, beliau lagi sekali membangkitkan perkara di dalam jawapan saya berkaitan dengan peristiwa Tiananmen dengan cara yang amat kejam. Dia kata saya macam tiga *monkey* – tutup mata, tutup mulut, tutup telinga, tapi saya tak tahu mana dululah, tetapi dalam ucapan beliau dengan cara yang amat kejam, berani dan *excited* – *you* orang tua, tak tahu, gila macam-macam. Saya tak gila (gangguan).

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Adakah saya kata gila atau Yang Amat Berhormat anggap sendiri gila?

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, (gangguan).

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Saya tak kata gila dalam ucapan saya, tapi kalau Yang Amat Berhormat menganggap sendiri gila, itu hal Yang Amat Berhormat.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, kalau saya lagi dengar ucapan mereka saya tentu gila (ketawa).

Tuan Speaker, saya sesungguhnya sekarang sihat dan hati baik. Saya tahu dalam negara kita mengikut prinsip Demokrasi Berparlimen. Barangkali satu hari parti pembangkang boleh jadi pemerintah, tetapi mereka mesti ubah niat jahat.

Tuan Speaker, kelmarin kita duduk dengan diam, dengar. Sungguhpun saya tak ada di dalam Dewan ini, saya ada lain kerja, tapi saya ada dengar. “Wah, dengar pun hati saya “pom”, “pom”, “pom” (gangguan). Sebab beliau cakap – saya dapat tahulah – panjang mukanya, mata buka, telinga pun buka, mulut pun buka. “Macam kera kena belacan”.

Tuan Speaker, saya sesungguhnya telah mengikut ucapan beliau dengar teliti dan saya telahpun timbang, dan saya memang menghormati pengetahuan luas beliau, termasuk Russia, Poland, Eropah, Afrika Selatan, Nelson Mandela, Tiananmen dan lain-lain. Pandai dia. Tapi saya haraplah jangan ingat beliau seorang saja yang tahu, orang lain semua tak tahu. Dalam Dewan ini cuba rendahkan orang lain. Oh, ini ahli-ahli yang taktahu. Dia seorang saja yang tahu.

Tuan Speaker, perkara *human rights*, itu satu perkara, tapi Tuan Speaker, apa yang beliau ucap sesungguhnya tidak berkaitan dengan Rang Undang-undang tapi hari ini mestilah menjelaskan dalam ucapan saya peruntukan bekalan tahun 1990. Saya telah katakan, berdasarkan kepada pengalaman yang telah kita pelajari, dari pengurusan kewangan yang rapi serta berkesan, dengan kenaikan kos bayaran gaji dan lain-lain perkhidmatan serta

perlembapan prestasi dalam semua sektor ekonomi yang disebabkan oleh faktor-faktor alam sedunia luar dari kawalan kita. Dalam jawapan saya berkenaan soalan yang dibangkitkan pada hari Isnin, saya telah kata perkara yang di luar kawalan kita, kita tidak campur tangan dalam perkara yang kita tidak tahu seperti pucuk pimpinan DAP yang telah cuba campur tangan dalam isu itu dan telah mengambil bahagian. Itulah Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam nak bagi nasihat kepada saya di mana dia telah berdiri, Tuan Speaker panggil saya duduk. Di sini saya kata Kerajaan Negeri langsung tidak sokong dengan pendapat dan fikiran parti pembangkang.

Tuan Speaker, itu masalah *human rights*, masalah Tiananmen, kita tak ambil tahu. Tapi apa yang dapat kita kawal ialah sikap, ucapan dan perbuatan kita sendiri, rakyat kita dengan sendiri masuk parti pembangkang supaya tidak terjejas hubungan baik dengan negara-negara lain, khasnya hubungan dipolmatik dan perdagangan.

Tuan Speaker, saya sebagai Ketua Menteri mesti menegaskan ialah perkara yang boleh kita kawal. Kerajaan telah berminat sungguh-sungguh untuk mengembangkan perhubungan dan persefahaman yang baik dan mendalam antara Negeri Malaysia dan Negara Republik Rakyat China. Tapi parti pembangkang DAP telah buat kenyataan yang boleh menjejas dan merosakkan hubungan baik. Sebab itulah saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada kenyataan ketua pembangkang mengenai peristiwa Tiananmen Square dan sampai hari ini dapat tahu saya kenyataan beliau tidak tarik balik atau dinafikan. Ini ialah satu kenyataan di mana Kerajaan langsung tidak boleh sokong. Saya peringatkan rakyat jelata di seluruh negeri kita tidak puashati dengan sikap *demand* DAP

dan parti DAP sebab kenyataan ini.

Tuan Speaker, dalam surat khabar pada bulan Ogos, "*Kwong Wah Jit Poh*" tahun ini, dan dalam "*Thung Pau*" 9 Jun, tahun ini. Ini adalah satu kenyataan yang panjang lebar di atas adalah keterangan baik – *human rights* – pandai – tapi akhir perkataan di dua-dua surat khabar pun serupa, dengan izin, "*Chung Kuok Kong Chung Tan Te Ling Shiu, Ye Chung Ren Le Tu Pieu Wei Meng Sung.*" Terjemahan – iaitu "Pemimpin-pemimpin Parit Komunis Negara China telah tiba-tiba berubah dari manusia menjadi binatang liar (gangguan).

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Tuan Speaker, penjelasan (gangguan).

Tuan Speaker:

Dia tidak beri penjelasan. Sila duduk.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Tuan Speaker, saya mahu satu sikap yang adil supaya perkara ini dapat dijelaskan. Apa yang saya kata dalam kenyataan saya ialah tukar kepada '*Monster*' kepada orang yang ganas. Tengok itu kamus – orang yang ganas.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, inilah kenyataan DAP yang Kerajaan langsung tidak boleh sokong sebab kita sekarang menjalankan tugas kita untuk kebaikan perhubungan dengan rakyat Negeri China, dan saya tahu banyak rakyat jelata, kita pun tidak puashati dengan kenyataan ini. Saya tahu, sebab itu saya tadi kata manusia mesti diubah. Kalau bolehlah ubah niat jahat ini, saya ingatkan harapan parti-parti yang main politik dalam negeri kita boleh jalankan tugas mereka

mengikut apa yang saya sebut dalam ucapan dalam Rang Undang-undang mengikut prinsip-prinsip Rukun Negara adalah kesopanan dan kesusilaan. Tapi mesti ubah dan mesti tukar.

Tuan Speaker, ini saya bawa dengan panjang lebar sebab ini adalah satu perkara yang mesti dijelaskan dengan betul-betul. Ini kalau tidak, niat jahat parti pembangkang seperti orang kata "Mulut manis, tapi hati busuk." Dalam Tionghua dia orang kata "*Ho Chui Pnai Sim*". Sebab itulah rakyat "*Ho Chui Pnai Sim*" ingat DAP bagus, mahu pandai, berani, tapi dengar-dengar, ingat balik hati busuk.

Tuan Speaker, inilah satu perkara yang mula-mula saya ingin saja nak jelaskan bila kita bawa soalan, tetapi perkara ini telah mengambil masa Dewan ini dan saya mohon dengan Yang Berhormat Ahli-ahli Parti Pembangkang – Parti DAP mengikut prinsip-prinsip Rukun Negara tunjukkan ada kesopanan dan kesusilaan, dan janganlah buat keras sebab itu kalau nak ubah pun ubahlah, jangan kata kita tidak boleh ubah. Harap boleh ubah, bolehlah diketepikan sikap yang niat jahat.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang kedua.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan 'ya'.

(Ya)

Yang tidak bersetuju katakan 'tidak'.

(Ya) sebulat suara.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-undang bernama suatu

Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun ini.

Tuan Speaker:

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang kedua. Rang Undang-undang ini sekarang berada di dalam Jawatankuasa Perbekalan.

KEPALA	JADUAL	\$
--------	--------	----

B.1 – Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan.	– 26,505,840.00
--	-----------------

Bahawa jumlah wang sebanyak \$26,505,840.00 untuk Kepala B.1, adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya)

B.2 – Tanah dan Galian	– 1,717,750.00
------------------------	----------------

Bahawa jumlah wang sebanyak \$1,717,750.00 untuk Kepala B.2, adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya)

B.3 – Daerah Timur Laut	– 733,040.00
-------------------------	--------------

Bahawa jumlah wang sebanyak \$733,040.00 untuk Kepala B.3, adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya)

B.4 – Daerah dan Tanah, Daerah Barat Daya	– 846,990.00
--	--------------

Bahawa jumlah wang sebanyak \$846,990.00 untuk Kepala B.4 adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya)

B.5 – Daerah dan Tanah
Seberang Perai Utara – 1,052,310.00

..... (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam B.5, Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara. Saya ada sedikit hal sahaja, satu dua perkara. Butiran 11000 – Tuan Speaker, di sidang Dewan Undangan Negeri yang lalu, saya ada membangkitkan perkara pembinaan gelanggang tennis di kawasan rumah Pegawai Daerah dan sampai sekarang, saya tidak mendapat satu jawapan yang memuaskan oleh Kerajaan, dan saya harap Kerajaan boleh memberi satu jawapan yang memuaskan di mana peruntukan ini boleh diperuntukkan untuk projek ini.

Tuan Speaker, Tuan Pegawai Daerah adalah memainkan peranan yang penting di kawasan daerah beliau, dan saya harap Tuan Pegawai Daerah jangan salahgunakan kuasa untuk peruntukan-peruntukan yang diberi, untuk perkhidmatan kepada rakyat. Jangan gunakan wang untuk projek-projek yang tidak menguntungkan rakyat. Di sini saya ingin merujuk kepada apa yang dibangkitkan oleh rakan saya Ahli dari Bagan Jermal di mana projek-projek untuk projek kecil yang diberi kepada Kawasan Bagan Jermal dirampas atau dikatakan oleh rakan saya tadi dicuri kepada orang lain. Nampaknya kalau ini benar, Tuan Pegawai Daerah itu telah salahgunakan kuasa. Oleh kerana jika lau peruntukan itu untuk satu projek

tertentu, wang itu mestilah digunakan untuk projek itu tidak boleh diberi kepada orang lain.

Tuan Speaker, saya harap Tuan Pegawai Daerah dan semua Tuan Pegawai Daerah boleh memainkan peranan yang adil dan jangan campur tangan dengan politik. Saya tengok lebih baik serahkan pada orang *politician* jangan main politik di dalam daerah sendiri oleh kerana Tuan D.O. adalah seorang yang mempunyai kuasa yang besar, yang boleh buat apa-apa di kawasannya. Saya harap Tuan Pegawai Daerah boleh memberi perhatian terhadap perkara ini.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih. Perkara ini sesungguhnya tidak berkaitan dan masalah yang berbangkit telah diambil perhatian dan siasatan dan perkara itu pun boleh dibuat kajian oleh Jawatankuasa Kira-kira dalam Dewan ini. Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota pun ialah seorang Ahli Jawatankuasa.

Tuan Speaker:

Bahawa jumlah wang sebanyak \$1,052,310.00 untuk Kepala B.5, adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya)

KEPALA JADUAL **\$**

B.6 – Daerah dan Tanah	
Seberang Perai	
Tengah	– 923,160.00

bahawa jumlah wang sebanyak \$923,160.00 untuk Kepala B.6, adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya)

B.7 – Daerah dan Tanah
Seberang Perai
Selatan – 801,280.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$801,280.00 untuk Kepala B.7, adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya)

B.8 – Pengairan dan
Saliran – 6,779,510.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$6,779,510.00 untuk Kepala B.8, adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya)

B.9 – Hutan – 851,400.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$851,400.00 untuk Kepala B.9, adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya)

B.10 – Kebun Bunga – 862,580.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$862,580.00 untuk Kepala B.10, adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya)

B.11 – Kedai Tuak – 1,233,120.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$1,232,120.00 untuk Kepala B.11, adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya)

B.12 – Kerja Raya – 15,569,810.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$15,569,810.00 untuk Kepala B.12, adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya)

B.13 – Hal Ehwal
Agama – 2,477,790.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$2,477,790.00 untuk Kepala B.13, adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya)

B.14 – Kebajikan
Masyarakat – 1,693,970.00

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, saya bangun mengambil bahagian dalam perkara ini dalam Perkara B.14 – Kebajikan Masyarakat.

Tuan Speaker, Muka 94, Gaji dan Bayaran – Butiran 11000. Tuan Speaker, peruntukan \$1.6 juta untuk Pejabat Kebajikan Masyarakat adalah terlalu kecil dan terlalu sedikit oleh kerana pejabat ini memainkan peranan yang besar terhadap masyarakat kerana tugas kebajikan dan masyarakat itu adalah luas dan saya harap Kerajaan boleh mengambil perhatian bahawa Pejabat Kebajikan Masyarakat boleh dibesarkan untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat kerana Tuan Speaker, di sini saya difahamkan bahawa rumah orang tua yang dijalankan oleh Kerajaan iaitu Silver Jubli di Sungai Dua di mana saya difahamkan bahawa hanya \$20,000.00 diberi kepada rumah orang tua itu untuk menjalankan tugas mereka, walau ada

peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan tetapi nampaknya peruntukan daripada Kerajaan adalah terlalu sedikit. Saya difahamkan banyak orang tua tinggal di sini dan banyak orang di luar yang mahu masuk ke rumah orang tua tadi tetapi tidak boleh masuk oleh kerana ruangan tidak mengizinkan. Saya harap Kerajaan boleh memberi perhatian kepada perkara ini.

Lagi satu perkara yang saya juga telah bangkitkan adalah mengenai mangsa malapetaka di mana apabila ada malapetaka, pegawai-pegawai di pejabat Kebajikan Masyarakat adalah terdiri dari satu kaum sahaja. Jika satu kaum yang menimpa malapetaka, pegawai itu tidak boleh bercakap dengan mangsa itu, itu adalah satu masalah. Perkara yang kedua, ialah saya harap Kerajaan boleh menyiapkan rumah sementara untuk mangsa-mangsa seperti kebakaran atau banjir di mana pada masa itu jika pagi atau tengah malam tentu tidak ada tempat untuk menduduki selepas malapetaka itu. Saya harap Kerajaan boleh siapkan rumah itu dan memberi satu *confidence* kepada rakyat kerana apabila malapetaka itu berlaku, sudah tentu ada tempat untuk duduk buat sementara. Ini satu perkara saya ingat kena ambil perhatian.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya telah jelaskan beberapa kali wang anggaran mengurus mengikut *performance* atau keupayaan pejabat-pejabat tahun ini dan apa yang kita siapkan ialah mengikut pejabat di mana ada ditunjukkan kebolehan yang lebih, kita boleh carilah wang untuk mengurus. Tapi berkaitan dua-dua perkara Silver Jubilee Home and Disaster Fund itu, itu bukan masuk dalam bekalan atau wang mengurus itu masuk dalam pembangunan.

Tuan Speaker:

Bahawa jumlah wang sebanyak

\$1,693,970.00 untuk kepala B.14, adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya)

B.15 – Perancangan Bandar dan Desa – 594,500.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$594,500.00 untuk Kepala B.15, adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya)

B.16 – Kewangan Negeri – 5,514,330.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$5,514,330.00 untuk Kepala B.16, adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya)

B.17 – Haiwan – 1,332,280.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$1,332,280.00 untuk Kepala B.17, adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya)

B.18 – Pertanian – 2,745,050.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$2,745,050.00 untuk Kepala B.18, adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya)

Setiausaha Dewan:

Fasal I.

Tuan Speaker:

Fasal I, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

(Ya).

Setiausaha Dewan:

Fasal II.

Tuan Speaker:

Fasal II, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

(Ya).

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-undang bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun ini.

Tuan Speaker:

Tajuk penuh dan fasal yang mengundang, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

(Ya).

Dewan bersidang semula.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tahun (1990), 1989 telahpun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga

serta diluluskan.

Tuan Speaker:

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang kini dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan. Ahli yang bersetuju katakan 'ya'.

(Ya).

Yang tidak bersetuju katakan 'tidak'.

(Ya) sebulat suara.

Setiausaha Dewan:

Enakmen Perbekalan (1990), 1989. Maka dengan ini adalah diperundangkan oleh Dewan Undangan Negeri.

Tuan Speaker:

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga 2.30 petang untuk makan tengahari.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari.

Dewan bersidang semula pada jam 2.37 petang.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan di-sambung semula.

5. Usul-Usul:

(A) Usul daripada Y.A.B. Ketua Menteri.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan "Bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak \$60,018,480.00 yang tertera di dalam Anggaran Pembangunan tahun 1990, yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Undangan Negeri Bilangan 16 Tahun 1989 dan menetapkan bahawa jumlah yang tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan di dalam Anggaran Pembangunan tahun 1990 itu".

Tuan Speaker, usul ini bertujuan meminta kuasa Dewan Undangan Negeri meluluskan perbelanjaan yang berjumlah \$60,018,480.00 bagi tahun 1990 mengikut kehendak Seksyen 4(1) Akta Kumpulanwang Pembangunan, tahun 1966, seperti yang terpakai kepada Negeri Pulau Pinang di bawah Seksyen 9 Akta yang sama.

Tuan Speaker, bagi tahun 1990 adalah dijangkakan ekonomi Negeri Malaysia akan menunjukkan pertambahan yang sederhana. Prestasi ekonomi Negeri Pulau Pinang dalam tahun 1989 adalah lebih baik dari tahun 1988 dan adalah dijangkakan pertumbuhan ini akan berterusan untuk membolehkan kita membuat persediaan untuk tahun-tahun sembilan puluhan nanti. Walau bagaimanapun, pengalaman kita terhadap kesan kemelesetan ekonomi berkehendakkan kita supaya terus berwaspada di dalam membuat perbelanjaan pembangunan. Kita akan hanya dapat membelanja mengikut kemampuan sumber-sumber kewangan kita. Keutamaan pelaksanaan projek-projek pembangunan akan dibuat berdasarkan kepada peri mustahaknya projek-projek tersebut untuk meningkat dan meluaskan lagi kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan asas infrastruktur kita pada keseluruhannya.

Di dalam menyusun program

pembangunan untuk tahun 1990, Kerajaan Negeri akan mencadangkan perbelanjaan pembangunan mengikut kemampuan kewangan dan prestasi sebenar jabatan-jabatan yang berlainan pada tahun 1989.

Tuan Speaker, bagi tahun 1989, perbelanjaan berjumlah \$42,371,780.00 telah diluluskan bagi Kumpulanwang Pembangunan. Walau bagaimanapun dalam tahun yang sama Kerajaan Persekutuan telah memberi pinjaman kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang berjumlah \$12,000,000.00 dan kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang sebanyak \$5,796,000.00. Dengan ini jumlah peruntukan perbelanjaan pembangunan dalam tahun 1989 adalah dijangka meningkat kepada \$60,167,780.00. Walau bagaimanapun adalah dianggarkan jumlah perbelanjaan sebenar untuk pembangunan dalam tahun 1989 adalah sebanyak \$49,151,239.00.

Perbelanjaan pembangunan yang dicadangkan untuk tahun 1990 adalah sebanyak \$60,018,480.00. Peruntukan perbelanjaan adalah melalui Kumpulanwang Pembangunan Negeri yang mana akan diperolehi melalui punca-punca seperti yang ditunjukkan di muka surat 201 Kertas Bilangan 16 tahun 1989. Dari jumlah ini, \$7,600,040.00 diperolehi daripada pinjaman Kerajaan Persekutuan dan \$13,735,700.00 disediakan melalui imbuhan balik melalui pemberian Persekutuan. Perbelanjaan pembangunan yang baki yang berjumlah \$38,682,740.00 akan dibiayai sebagai perbelanjaan secara langsung daripada punca-punca Kerajaan Negeri sendiri.

Tuan Speaker, bagi tahun 1990, sejumlah \$23,611,180.00 diperuntukkan di bawah Maksud P.101 – Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan. Di bawah Butiran

1, sejumlah \$11,500,000.00 diperuntukkan untuk maksud pengambilan tanah bagi meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negeri kita. Walaupun projek tebusguna tanah dari kawasan laut akan diteruskan, adalah difikirkan perlu untuk mengambil milik tanah-tanah yang sesuai untuk langkah pertumbuhan perindustrian yang pesat serta hasrat mengurangkan kesulitan kehidupan nelayan kita akibat dari penempatan semula. Selain daripada memperluaskan kawasan perindustrian serta menyediakan kawasan untuk rancangan perbandaran, adalah dicadangkan juga supaya memusatkan kegiatan-kegiatan ternakan khinzir untuk menyelesaikan masalah sosial dan alam sekitar yang telah berlarutan sekian lama.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri mencadangkan supaya dijalankan kajian-kajian untuk mengkaji semula matlamat rancangan pembangunan yang sedia ada. Matlamatnya sekarang ialah untuk mewujudkan satu kawasan Metropolitan yang lebih besar yang akan merangkumi bahagian timur pulau iaitu dari Tanjung Bungah di utara sampailah ke Telok Kumbar di selatan yang mana akan dihubungi dengan Jambatan ke kawasan barat Seberang Perai, iaitu dari Bagan Ajam di utara hinggalah ke Juru di selatan dan seterusnya diperluaskan ke arah timur sampai ke Bukit Mertajam.

Di bawah Maksud P.101, Butiran 6, sejumlah \$3,500,000.00 diperuntukkan bagi projek pembangunan bagi projek pembangunan masyarakat untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur kepada penduduk-penduduk di kawasan luarbandar. Projek-projek ini termasuklah pembaikan dan pembinaan lintasan, jeti, pemetung dan jambatan serta kemudahan rekreasi. Kerajaan akan terus berbuat apa sahaja yang boleh untuk memperbaiki taraf dan mutu kehidupan

penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan luarbandar. Kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur yang disediakan oleh Kerajaan itu nanti akan dapat membantu penduduk-penduduk di kawasan-kawasan luarbandar untuk menambah pendapatan mereka dengan memperbaiki sumber ekonomi mereka.

Di dalam hubungan ini, Jawatankuasa Kesejahteraan dan Kemajuan Kampung dan badan-badan lain yang dilantik oleh Kerajaan akan diperkuatkan lagi untuk membantu Kerajaan bagi mengenalpasti perkhidmatan-perkhidmatan infrastruktur yang mustahak yang diperlukan dengan segera di kawasan-kawasan luarbandar. Peruntukan akan juga dibuat di bawah butiran ini yang akan juga digunakan untuk maksud projek-projek pembangunan guna tenaga manusia. Ini adalah penting oleh kerana terdapatnya satu perubahan struktur sosial dan ekonomi di kalangan penduduk Negeri Pulau Pinang yang mana sebahagian besarnya berumur di bawah 40 tahun dan menjadi semakin "*industrialized*" atau terlibat dalam sektor perindustrian.

Tuan Speaker, di bawah Butiran 11, sejumlah \$2,600,010.00 diperuntukkan untuk projek perumahan kos rendah melalui pinjaman dari Kerajaan Persekutuan. Jumlah ini diperlukan untuk maksud pembiayaan projek-projek perumahan di Berapit, Permatang Damar Laut dan Taman Tun Sardon. Kerajaan Negeri akan terus membina lebih banyak unit perumahan untuk rakyat khususnya dari golongan berpendapatan rendah apabila peruntukan yang secukupnya diperolehi kelak. Walau bagaimanapun untuk memenuhi kehendak perumahan dari rakyat, Kerajaan akan terus menggalakkan pemaju-pemaju perumahan swasta untuk menyertai dengan lebih giat di dalam Program Penswastaan Perumahan.

Tuan Speaker, di bawah Butiran 45 sejumlah \$5,000,000.00 melalui pinjaman dari Kerajaan Persekutuan diperuntukkan kepada Pihak Berkuasa Air untuk memastikan bekalan air yang mencukupi dalam negeri ini bagi pertumbuhan masa akan datang. Pinjaman ini akan digunakan untuk perlaksanaan Projek Bekalan Air Sungai Muda dan Projek Bukit Dumar/Bayan Baru.

Tuan Speaker, di bawah Maksud P.102, sejumlah \$1,436,250.00 diperuntukkan kepada Jabatan Pertanian. Selaras dengan Dasar Pertanian Negara, Kerajaan Negeri akan terus meningkatkan produktiviti dan taraf kehidupan para petani, nelayan dan penternak di Negeri Pulau Pinang. Bilangan penduduk Negeri Pulau Pinang yang terus bertambah itu, yang mana pada masa ini adalah dianggarkan lebih dari 1,100,000 orang penduduk, bermakna para petani kita mestilah digalakkan untuk memaksimumkan tanah pertanian mereka untuk meningkatkan hasil keluaran makanan untuk rakyat kita.

Tuan Speaker, di bawah Butiran 9, peruntukan berjumlah \$746,000.00 disediakan untuk memperkukuhkan khidmat pengembangan pertanian yang diperlukan untuk melaksanakan projek-projek pertanian dengan berjaya. Peruntukan ini akan digunakan untuk melengkapkan beberapa buah pusat latihan pertanian supaya menyediakan latihan serta menyusun program lawatan sambil belajar bagi petani-petani pengembangan, untuk membeli alat-alat kelengkapan bagi kegunaan pelbagai aktiviti pengembangan serta juga untuk menyediakan petak dan ladang bimbingan demonstrasi yang bertujuan untuk meningkatkan penggunaan teknologi pertanian. Peruntukan secukupnya juga disediakan untuk maksud pembangunan Tapak Ekspo Pertanian di

Seberang Jaya.

Tuan Speaker, sejumlah \$400,750.00 disediakan di bawah Butiran 12 bagi program memperkenalkan dan memajukan tanaman yang terpilih seperti barangan makanan, sayur-sayuran, bunga-bunga dan juga pemeliharaan lebah. Tujuan utama projek-projek ini ialah untuk menunjukkan pentingnya konsep Pertanian Berkelompok kepada petani kita dan juga untuk menggalakkan mereka supaya menerima sekim yang serupa.

Di bawah Butiran 19, sejumlah \$160,000.00 disediakan untuk kawasan pemulihan dan penyesuaian tanah pertanian. Tujuannya adalah untuk memulih dan membangunkan kawasan terbiar dengan menanam tanaman seperti padi, sayur-sayuran atau buah-buahan. Bantuan disediakan dalam bentuk benih, baja dan racun serangga dan program pemulihan kawasan terbiar telah dilaksanakan dengan berjaya di mana jumlah kawasan terbiar telah dapat dikurangkan daripada 6,000 hektar dalam tahun 1981 kepada hanya seluas 491 hektar sahaja pada masa ini.

Tuan Speaker, Jabatan Pengairan dan Saliran, di bawah Maksud P.103, diperuntukkan sejumlah \$6,608,610.00. Daripada peruntukan ini sejumlah \$3,115,200.00 adalah diperuntukkan untuk meningkatkan taraf keperluan asas pertanian seperti parit, saluran, jalan ladang, titi dan longkang.

Di bawah maksud yang sama, peruntukan berjumlah \$1,150,200.00 disediakan untuk kerja-kerja mendalam dan memulih Sungai Kluang/Sungai Ara dan untuk membina parit konkrit di Anak Sungai Besar Dua. Sejumlah \$958,200.00 pula diperuntukkan bagi projek pencegahan banjir untuk melindungi kawasan

berjumlah seluas 3,713 hektar dalam negeri kita ini.

Tuan Speaker, di bawah Maksud P.107, jumlah perbelanjaan yang dicadangkan bagi Jabatan Kerja Raya ialah sebanyak \$21,219,720.00. di bawah Butiran 15, sebanyak \$4,771,260.00 disediakan untuk jambatan dan jalan Kerajaan Negeri. Sementara itu, sejumlah \$9,085,700.00 disediakan di bawah Butiran 26. Daripada jumlah ini \$1,150,000.00 akan dibelanjakan untuk projek-projek jalan yang merupakan projek bukan Imbuhan Balik dan sejumlah \$7,935,700.00 adalah untuk projek-projek jalan yang merupakan projek Imbuhan Balik. Projek-projek jalan yang merupakan projek Imbuhan Balik adalah berkaitan dengan pembinaan jalan-jalan luarbandar, yang mana akan memberikan faedah secara langsung kepada penduduk-penduduk luarbandar dan akan dapat menambahkan lagi perkhidmatan asas infrastruktur di dalam negeri kita. Di samping itu, sejumlah \$250,000.00 diperuntukkan untuk menaikkan taraf jalan-jalan tanah merah kepada jalan-jalan *bituminous*.

Tuan Speaker, di bawah Butiran 36 pula, sejumlah \$1,150,000.00 diperuntukkan untuk tujuan pembaikan dan penyelenggaraan rumah pangsa di Rifle Range dan Kampung Melayu. Peruntukkan ini akan digunakan untuk kerja-kerja membaiki lif, pendawaian semula dan pemasangan sistem mencegah kebakaran di kedua-dua kompleks rumah pangsa ini. Begitu juga sejumlah \$1,000,000.00 diperuntukkan untuk kerja-kerja memperbaiki dan mengubahsuai pejabat Jabatan Hal-Ehwal Agama dan sejumlah \$750,000.00 pula diperuntukkan untuk kerja-kerja mengubahsuai Masjid Negeri. Seterusnya, peruntukan sebanyak \$500,000.00 disediakan untuk membina bangunan tambahan di Masjid Negeri. Jabatan

Kerja Raya juga akan menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian di Stesyen Bawah Keretapi Bukit Bendera dan untuk tujuan ini sebanyak \$500,000.00 diperuntukkan. Manakala untuk kerja-kerja ubahsuai bangunan Muzium, sebanyak \$380,000.00 diperuntukkan.

Di bawah Butiran 39 sejumlah \$1,750,000.00 diperuntukkan untuk pembinaan 3 buah Dewan Serbaguna iaitu di Seberang Perai Utara sebanyak \$750,000.00, di Seberang Perai Tengah sebanyak \$600,000.00 dan untuk menyiapkan Dewan Serbaguna di Seberang Perai Selatan, sebanyak \$400,000.00

Tuan Speaker, di bawah Maksud P.109, Jabatan Perkhidmatan Haiwan diperuntukkan sejumlah \$1,179,720.00. Program pemberian lembu, kerbau, kambing, ayam dan itik akan diteruskan dalam tahun 1990 untuk memenuhi permintaan dari penternak kita. Di bawah Butiran 12, projek ternakan bersepadu, sejumlah \$205,900.00 diperuntukkan untuk melaksanakan skim ternakan berkelompok anak itik telur dan lembu kepada penternak. Di bawah Butiran 19, iaitu Skim Penggemuk Anak Lembu, sejumlah \$54,000.00 diperuntukkan untuk pembahagian lembu kepada penternak. Oleh kerana projek ini tidak memerlukan kawasan tanah tambahan dan tenaga kerja adalah ditahap yang minima, adalah dijangkakan projek ini akan mendapat sambutan yang menggalakkan. Projek-projek ini akan memberikan keuntungan kepada para penternak yang berminat untuk menambahkan pendapatan mereka melalui pembiakan ternakan. Adalah dijangka hasil dari pelaksanaan projek-projek ini, penternak di kawasan-kawasan luarbandar akan memperolehi pendapatan yang lebih baik dan menguntungkan. Ini juga akan mewujudkan corak hidup yang lebih baik untuk penternak-penternak di Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, peruntukan sebanyak \$148,000.00 disediakan di bawah Maksud P.114 – Jabatan Perhutanan. Peruntukan yang dicadangkan itu akan dapat memungkinkan Jabatan Hutan meneruskan tugasnya melaksanakan Program Perhutanan Sosial yang mana termasuklah memajukan pusat-pusat rekreasi hutan dan tapak semaian di Telok Bahang, Nibong Tebal dan Bukit Mertajam.

Tuan Speaker, di bawah Maksud P.115, Jabatan Hal-Ehwal Agama diperuntukkan sejumlah \$2,015,000.00. Di bawah Butiran 1 sebanyak \$820,000.00 diperuntukkan untuk kerja-kerja pembinaan dan menyiapkan bangunan pejabat, Mahkamah Syariah dan Rumah Kediaman Kadi di Balik Pulau dan Butterworth. Projek yang dicadangkan itu merupakan projek sambungan di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Sejumlah \$800,000.00 di bawah Butiran 2 disediakan bagi menyiapkan pembinaan Pusat Ilmu Falak di Pantai Acheh, Balik Pulau, Pulau Pinang. Di bawah Butiran 4 pula, sejumlah \$395,000.00 disediakan untuk menyiapkan masjid di Bandar Seberang Jaya dan cadangan pembinaan masjid baru di Bandar Bayan Baru.

Tuan Speaker, di bawah Maksud P.116, Jabatan Kebun Bunga akan diperuntukkan sejumlah \$300,000.00. Ini akan membolehkan Jabatan Kebun Bunga terus memaju dan meningkatkan kemudahan-kemudahan am termasuklah meluaskan jalan masuk ke Kebun Bunga dan pembinaan jalan laluan hutan.

Tuan Speaker, peruntukan untuk Anggaran Pembangunan 1990 akan berjumlah \$60,018,480.00 ini yang merupakan tambahan \$10,867,241.00 dibandingkan dari Anggaran Perbelanjaan yang dijangkakan bagi tahun 1989. Seperti yang telah saya katakan tadi bahawa di

dalam penyediaan Belanjawan Pembangunan tahun 1990, salah satu daripada faktor-faktor yang penting yang dipertimbangkan adalah prestasi sebenar jabatan-jabatan yang berkenaan pada tahun 1989.

Belanjawan Pembangunan Tahun 1990 ini adalah amat mustahak. Di mana yang mungkin, keutamaan telah ditentukan dan peruntukan disediakan untuk semua projek yang telah dikenalpasti sebagai amat mustahak untuk maksud pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negeri pada keseluruhannya. Untuk memungkinkan kita terus mengekalkan pembangunan Negeri Pulau Pinang ini, adalah amat mustahak bagi semua projek dilaksanakan mengikut jadualnya oleh pelbagai jabatan yang berkenaan. Oleh yang demikian, kejayaan pelaksanaan cadangan pembangunan seperti yang terkandung di dalam belanjawan ini akan merupakan batu loncatan bagi meningkatkan pertumbuhan sosio-ekonomi Negeri Pulau Pinang dalam tahun-tahun sembilan puluhan yang akan datang.

Semuanya ini bergantung sebilangan besarnya kepada kesungguhan dan keupayaan pelbagai jabatan negeri. Adalah penting bahawa semua tugas dan tanggungjawab pelbagai jabatan negeri itu diselaraskan untuk membolehkan projek-projek tersebut dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 1990. Selain dari Jabatan Kewangan Negeri yang akan mengawasi perbelanjaan peruntukan yang telah disediakan, Jawatankuasa Exco Negeri akan juga mengawasi hubungan di antara pelbagai jabatan dan keperluan rakyat untuk menjadikan projek-projek pembangunan ini mendatangkan faedah kepada rakyat.

Kerajaan akan hanya melaksanakan projek-projek mengikut kemampuan kewangan

yang sedia ada. Oleh yang demikian adalah amat penting bagi semua rakyat untuk memahami dengan jelas bahawa walaupun projek-projek di kawasan mereka mungkin adalah amat mustahak dilaksanakan dengan segera, akan tetapi Kerajaan perlu menyusun keutamaan pelaksanaan projek-projek tersebut berdasarkan kepada komitmen Kerajaan untuk membangunkan perkhidmatan infrastruktuas yang lebih baik dan banyak untuk memperkukuhkan pertumbuhan negeri kita pada keseluruhannya.

Tuan Speaker, saya yakin bahawa rakyat Negeri Pulau Pinang benar-benar memahami betapa pentingnya untuk mengekalkan kestabilan dan keamanan sosial sebagai asas untuk meneruskan pembangunan dan kemajuan negeri ini. Saya percaya bahawa semua rakyat akan terus memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada Kerajaan untuk memastikan projek-projek pembangunan dapat diteruskan dan dilaksanakan mengikut jadual. Adalah penting bagi semua rakyat untuk terus memberi sokongan yang kuat kepada sebuah Kerajaan yang selama ini telah sanggup membawa begitu banyak hasil pembangunan untuk mereka. Ini bukan sahaja akan memastikan pembangunan yang berterusan tetapi dalam masa yang sama ianya akan juga menentukan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi di negeri ini adalah adil dan saksama kepada semua rakyat.

Tuan Speaker, belanjawan pembangunan pada keseluruhannya akan dimulakan dengan projek-projek yang akan memastikan pertumbuhan kawasan Seberang Perai yang dijangka akan menjadi satu pusat pembangunan yang penting untuk memberi perkhidmatan kepada Kawasan Utara Semanjung Malaysia. Selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan akan terus melaksanakan projek-projek

pembangunan dengan tekanan kepada kawasan Seberang Perai supaya taraf hidup di kawasan ini adalah seimbang dengan apa yang terdapat di bahagian Pulau.

Tuan Speaker, adalah jelas bahawa perkhidmatan awam kita hendaklah terus berusaha bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan mereka. Objektif Kerajaan Negeri mestilah ditumpukan sepenuhnya kepada meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat. Dalam kontek ini, saya suka mengucapkan terima kasih kepada kakitangan awam yang berkhidmat sama ada di dalam perkhidmatan Persekutuan, Negeri atau Badan-badan Berkanun, kerana menunjukkan semangat dedikasi yang kuat di dalam melaksanakan kerja mereka semenjak bertahun-tahun yang lalu. Adalah menjadi harapan kita supaya semangat dedikasi ini akan terus dikekalkan dan diperkukuhkan bagi mencapai hasil-hasil yang maksima untuk faedah rakyat kita pada tahun-tahun sembilan puluhan.

Tuan Speaker, akhir sekali, saya suka mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan Y.A.B. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Hubungan rapat di antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan telah membolehkan kita melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dengan jayanya untuk kebaikan rakyat kita. Kerajaan Negeri akan terus berazam dengan sepenuhnya supaya berkhidmat untuk kepentingan semua rakyat kita sebagai rakyat Malaysia yang mempunyai takdir yang sama. Kita akan terus berusaha untuk mengekalkan perpaduan negara bagi membawa kebahagiaan dan kemakmuran yang lebih besar kepada semua rakyat yang tinggal di dalam Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Machang Bubok (Encik Goik Hock Lai):

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong usul itu.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, Dewan dibuka untuk perbahasan. Siapa ingin mengambil bahagian?

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Tuan Speaker, saya minta Dewan ini ditangguh sehingga esok oleh kerana kita perlu masa untuk mengkaji apa yang diucapkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Tuan Speaker:

Saya rasa siapa yang sedia mengambil bahagian. Yang tak sedia, besok boleh sambung. Hari ini tak boleh tamat.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Tuan Speaker, sebenarnya saya ada jadualkan masa ini sekarang di Parlimen oleh kerana Parlimen dalam peringkat Jawatankuasa *Budget*. Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri, tetapi oleh kerana apa yang Y.A.B. Ketua Menteri menjawab pagi ini saya rasalah perlu untuk saya tinggal supaya satu jawapan, satu penjelasan dibuat yang berkait dan bersangkutan dengan pembangunan oleh kerana isu-isu yang berkenaan adalah pertalian erat dengan pendekatan bagi masa depan.

Ada orang Tuan Speaker, yang menganggap Y.A.B. Ketua Menteri sebagai seorang Ketua Menteri yang sangat baik dan sangat berjaya dan pencapaian boleh disymbolise oleh KOMTAR. Tetapi pun ada orang

yang tidak menganggap Y.A.B. Ketua Menteri sebagai Ketua Menteri yang baik dan berjaya oleh kerana KOMTAR separuh kosong, *tower block* khasnya merupakan satu beban yang terlalu berat ditanggung oleh rakyat Negeri Pulau Pinang, khasnya projek itu membantut proses perubahan perbandaran seluruh Georgetown. Ada orang Tuan Speaker menganggap Y.A.B. Ketua Menteri sebagai pemimpin politik yang agung yang boleh menjadi Ketua Menteri selama dua puluh tahun, tetapi pun ada orang tidak menganggap Y.A.B. Ketua Menteri seorang tokoh politik yang begitu agong, oleh kerana harga diri beliau untuk beliau teruskan peranannya sebagai Ketua Menteri ialah untuk mengabaikan, mengenyepikan hak-hak politik, ekonomi, kebudayaan, kewarganegaraan rakyat Malaysia untuk masa jangka panjang, itu ada harga. Ada orang dalam Gerakan menganggap Y.A.B. Ketua Menteri seorang pemimpin yang baik sekali untuk Negeri Pulau Pinang apabila menghadapi pilihanraya yang besar yang akan datang. Tetapi ada orang di dalam Gerakan yang tidak bersetuju yang mereka rasa kalau Y.A.B. Ketua Menteri kekal terus ada dalam arena politik tidak ada perkembangan untuk Gerakan di Pulau Pinang. Ada orang merasa bahawa Y.A.B. Ketua Menteri, memandangkan dengan kagum oleh kerana, kepintaran politiknya di mana Dr. Tan Chee Koon, Prof. Dr. Syed Hussain Al Atas pun boleh ditenggelam, dan dihalau daripada Gerakan. Tetapi pun ada orang, yang tidak ada melihat rekod Y.A.B. Ketua Menteri dengan begitu kagum apabila nampak rekodnya di mana beliau rela bersetuju semacam satu perubahan, perubahan Sempadan Parlimen Assembly dua kali, tahun 1974 tahun 1984 di mana, hak demokrasi seorang seundi dibuang, sehingga sekarang Gerakan menjadi *hostage* kepada UMNO. Mereka tidak lihat Y.A.B. Ketua Menteri dengan begitu kagum.

Tuan Speaker, pagi tadi kita dengar perkataan-perkataan Bahasa Tionghua yang digunakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri 'Ho Chui Pnai Sim'.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Apa makna?

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Itu bukan tanggungjawab saya menterjemahi, tanya Y.A.B. Ketua Menteri, dia guna, bukan saya guna 'Ho Chui Pnai Sim'. Siapa 'Ho Chui Pnai Sim'? Cakap baik, hati tak baik, — niat jahat, busuk. Tanyalah Gerakan. Tanya Gerakan dalam Pulau Pinang, siapa 'Ho Chui Pnai Sim'? — MCA, 'Kui Ta Kui, Kui Pak Kui', 'Ho Chui Pnai Sim'? Itulah hantu pukul hantu (ketawa).

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng):

Dua-dua hantu (gangguan).

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Ya, dua-dua hantu, MCA dan Gerakan, dua-dua hantu.

Tuan Speaker, tadi apabila Y.A.B. Ketua Menteri menggunakan itu 'Ho Chui Pnai Sim'. Beliau mahu beri satu gambaran bahawa beliau mahu menasihati saya, dan parti saya yang ada niat murni dan suci yang baik. Adakah sebenarnya itu keadaan? Adakah dia sendiri 'Ho Chui Pnai Sim'? Dia sendiri 'Ho Chui Pnai Sim'. Tadi Y.A.B. Ketua Menteri kata pendirian saya mengenai peristiwa Tienamen boleh menjejaskan hubungan diplomatik, hubungan perdagangan Malaysia dengan Negara China? Adakah itu sebenarnya tujuan dan niat yang

baik? Yang sebenarnya, mengapa Y.A.B. Ketua Menteri bangkit perkara ini? Saya ada kenyataan saya yang dibuat mengenai Tienamen, bertarikh 7 haribulan Jun. Kalau Y.A.B. Ketua Menteri begitu berminat dalam perkara ini mengenal kesan-kesan yang buruk akibat daripada kenyataan semacam itu, kenapa tunggu sampai sekarang, kenapa tidak masa itu pada bulan Jun, enam bulan dahulu? Mungkin beliau boleh kata beliau tak ada *chance*, *Assembly* belum bersidang tetap *Assembly* ada bersidang di bulan September tahun ini, kenapa beliau tidak bangkit hal itu? Tidak, bukan oleh kerana dia "Ho Chui Pnai Sim" tetapi oleh kerana "Ee Pnai Sim". Tentu ada sebab dan sebab bukan oleh kerana kesan-kesan yang beliau kata yang boleh akibat daripada kenyataan enam bulan dulu, tetapi oleh kerana perkiraan-perkiraan politik yang dibuat oleh Parti Gerakan, yang sekarang menghadapi satu dilemma politik apabila menghadapi *election* yang akan datang.

Apa Yang Berhormat daripada Bertam kata, adalah benar "ada demam pilihanraya" — 'Election itis' dan itulah, oleh sebab ada demam pilihanraya, Y.A.B. Ketua Menteri datang ke sini untuk bangkit hal ini, mahu jadi isu ini sebagai isu politik sebagai isu *election* oleh kerana Gerakan begitu bankrap, begitu *desperate* untuk menghadapi pilihanraya besar akan datang. Mana ada keikhlasan, kejujuran, kalau kata inilah oleh kerana sangat *concern* mengenai apa kesan-kesan yang buruk yang boleh bangkit sehingga sekarang baru timbul. Kita tahu, politikus *strategies* dalam Gerakan ada kira *abacus* dengan izin "Ta Suan Pan" dan tahu bahawa untuk pilihanraya besar yang akan datang, sungguhpun Y.A.B. Ketua Menteri bertanding akan menghadapi masalah dan mereka dengan izin 'Sia chut Sia Chekh' menggunakan taktik yang begitu kotor. Ia mahu membangkitkan hal isu ini supaya boleh

tunjukkan kepada pengundi-pengundi keturunan Tionghua DAP anti Negeri China, Anti Parti Komunis China dan sebab itu dengan *message* yang *subtle*, janganlah sokong. Adakah ini perlakuan seorang Ketua Menteri untuk dua puluh tahun satu kelakuan yang ada maruah, ada kemuliaan, atau ini taktik yang begitu kotor *gutter snipe tactic* saya tahu untuk tahun 1974? Y.A.B. Ketua Menteri dan pemimpin-pemimpin Gerakan ada menggunakan isu yang masa itu Yeap Ghim Guan, koyak poster ada Mao Tze Tong menggunakan isu ini untuk mendapat undi. Mereka harap lagi mahu menggunakan isu semacam itu. Saya rasa kalau itu hal politik sahaja, itu tahap yang lain, tetapi untuk seorang Ketua Menteri yang memerintah hampir 20 tahun patutlah tunjuk teladan yang lebih tinggi, yang lebih baik dan yang lebih mulia. Bagaimana kita boleh kata rakyat Malaysia, kalau kita rela guna taktik-taktik semacam ini untuk *incite* perasaan semacam ini. Inilah yang saya rasa sedih. Itulah tujuan, kalau tujuan baik saya dengar, saya terima. Kalau bulan Jun ketengahkan nasihat atau bulan September ketengahkan nasihat, saya boleh menerima. Sekarang baru sampai. Itu tunjuk "*Ho Chui Pinai Sim*".

Tuan Speaker, saya mahu menegaskan disini bahawa DAP tidak menentang, tidak bermusuhan, tidak *hostility* dengan PRC. Sungguhpun Gerakan dan Y.A.B. Ketua Menteri saling cuba mahu mewujudkan satu *impression* itu. Sebenarnya apabila saya membuat kenyataan yang 100% atau standpoint hak asasi dan demokrasi, itu bukan bererti DAP ada menyeru, ada berpendapat bahawa Malaysia patutlah memutuskan hubungan diplomatik atau perdagangan dengan Negeri China. Saya rasa sepatutnya kita mengadakan satu perhubungan yang lebih matang antara negara dengan negara di mana kalau berlaku peristiwa di mana-mana

negara yang tidak ada perhubungan politik, perdagangan atau lain-lain yang kita rasa sudah melampaui kemanusiaan atau mencabuli hak asasi, kita ada kewajipan, kita ada tanggungjawab untuk menyampaikan pendirian dan pandangan kita. Ini tidak akan merosakkan perhubungan kita. Dengan itu, kita tidak patut dianggap sebagai boleh menjejaskan perhubungan kita. Jangan lupa, Malaysia adalah anggota dalam Majlis Keselamatan United Nation, di mana isu antarabangsa akan timbul di mana sebagai salah satu anggota *Security Council*, Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu, kita perlu buat satu pendirian sama ada isu itu benar, tak benar, betul, tak betul kita perlu buat satu pendirian. Tidak bererti kita buat satu pendirian, kita bermusuhan dengan negara yang kita tidak boleh bersetuju. Kalau itulah fikiran atau *mentality* antarabangsa, saya rasa itu tak matang. Saya rasa Y.A.B. Ketua Menteri sangat matang - 20 sangat matang. Kalau begitu matang, kenapa buat pandangan yang begitu tidak matang? Mau main politik. Sebenarnya saya rasa sangat sedih oleh kerana janganlah kita lupa lagi hak asasi, hak asasi bukan lagi jadi satu isu dalaman. Tadi Y.A.B. Ketua Menteri kata saya mahu menunjuk pengetahuan saya yang begitu pandai apabila saya sebut Poland, Hungary, Afrika Selatan, Israel, Palestine. Tidak itu semua perkara yang wajar, orang yang mengikut perkembangan antarabangsa yang membaca surat khabar hari-hari pun tahu, tak perlu pergi ke Universiti baru tahu. Itu bukan oleh kerana saya mahu tunjuk pengetahuan, mahu tunjuk lain orang tidak pandai tetapi oleh kerana inilah perkara yang semasa dan menunjuk bahawa ada aliran rakyat seluruh pelusuk dunia yang menuntut kemerdekaan, menuntut hak asasi, menuntut kebebasan. Itulah perlu sokongan kita, moral atau bentuk yang lain, dan kita tidak boleh ambil satu pendirian bahwa oleh kerana kita semacam perkara Tiananmen, kita tidak bersetuju dengan

pucuk pimpinan Negeri China, kita mahu bermusuh dengan mereka. Tidak. Sebenarnya selepas perjanjian damai di Haadyai yang dibuat oleh pihak berkuasa Thailand Malaysia dan pihak Parti Komunis Malaya, saya dan rakan saya ada menyeru Kerajaan Malaysia patutlah membatalkan semua sekatan-sekatan supaya rakyat Malaysia boleh pergi melawat Negeri China tanpa lagi apa-apa rintangan. Oleh kerana kita percaya bagi perhubungan yang baik antara Negara Malaysia dan Negara China dan kedua-dua negara lebih erat, lebih erat perhubungan perdagangan. Ini tidak bererti bahawa pendirian kita, dengan pucuk pimpinan Negeri China disebabkan peristiwa Tiananmen, kita bermusuh dengan Kerajaan Negara China, dan diharap Yang Amat Berhormat jangan lagi "*Ho Chui Pnai Sim*".

Tuan Speaker, sebenarnya minggu lalu, sebelum perkara ini dibangkitkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri, pucuk pimpinan DAP ada satu perbincangan di mana kita buat satu keputusan untuk mengadakan satu dialog dengan kedutaan *Peoples Republic of China* dan Saudara Lee Lam Thye, Timbalan Setiausaha Agong ada bertanggungjawab untuk buat *appointment*. Itu minggu lalu dan saya harap dalam perkara ini janganlah lagi menunjukkan sikap yang tidak bertanggungjawab khasnya oleh seorang yang patut jadi *elder statesman* tetapi nampaknya dalam perkara ini dia mahu tunjuk satu *minor politikus*.

Tuan Speaker, satu perkara yang saya mahu menegaskan di sini ialah baik pun untuk pembangunan Negeri Pulau Pinang atau untuk Malaysia pembangunan kita pada masa depan, pembangunan kita tidak boleh diasingkan daripada cara negara kita memerintah atau bentuk demokrasi, atau bentuk hak asasi yang boleh dinikmati oleh rakyat jelata di Malaysia.

Tahun 1986, 1987, 1988, kenapa Malaysia tidak boleh mendapat nikmat dengan pelaburan-pelaburan luar negeri sungguhpun pelabur-pelabur luar negeri cari tempat untuk melabur oleh kerana keadaan hak asasi di Malaysia. Kenapa Y.A.B. Ketua Menteri tidak mahu belajar daripada pelajaran yang pahit dalam sejarah Malaysia? Saya harap bahawa dalam perkara ini apabila semalam kata bahawa perkara ini jangan dibangkit. Bukan oleh kerana saya takut, tetapi ini bererti jangan diputarbelitkan. Saya tahu Gerakan akan terus cuba mempermain-mainkan isu ini di luar Dewan, oleh kerana mereka tidak ada modal lain lagi. Bukan sahaja Gerakan, MCA pun sama.

Tuan Speaker, lagi satu perkara yang saya mahu menjelaskan, saya tidak mahu merendahkan sesiapa, saya tidak pernah merendahkan sesiapa. Saya tidak kata orang lain dalam Dewan ini tak tahu, tak dapat pelajaran, tidak guna. Tidak, tetapi saya pernah kata apabila dalam satu isu seorang Exco apabila ditanya mengenai tanggungjawab di dalam bidang tanggungjawabnya, beliau tidak boleh jawab. Beliau tidak boleh memberi jawapan yang memuaskan, yang menunjukkan beliau tidak tahu dan dia sendiri mengakui tidak tahu. Itu ada. Saya kata, "Apa ini, tak tahu? Adakah ini satu Kerajaan yang tidak tahu?" Tetapi bukan dengan erti mahu memaki atau merendahkan anggota-anggota Barisan Nasional, bahawa mereka tidak berpelajaran tinggi atau mereka tidak dapat pelajaran – tidak pernah. Itu lagi usaha untuk memutarbelitkan dan saya juga kata bahawa apabila saya mengeluarkan perkataan-perkataan bahawa adakah ini satu Kerajaan yang tidak tahu, tentulah ada asas yang tepat. Itu bukan salah saya, itulah kesalahan-kesalahan anggota-anggota Exco yang tidak matang, tidak memikul tanggungjawab dengan sempurna tetapi bukan

oleh kerana persendirian, mahu merendahkan sesiapa secara individu. Saya tak pernah berkata atau berlagak bahawa saya sangat pandai, semua pun tahu, sangat berani seperti disebut oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Apa yang kejujuran, ada prinsip. Kita semua dalam dunia ini sementara sahaja, kita mahu buat seberapa yang boleh buat sebelum meninggalkan satu dunia, satu bumi, satu negara, dengan lebih baik, elok dan sempurna. Dengan izinkanlah kita "*Koh Cheh Tho Sien Than Sien Phar Soe*" dengan izin ingatlah "*Rensen Chzku Sui Oo Sze*", "*Lui Che Than Sien Chow An Sze*".

Terima kasih.

Tuan Speaker:

Siapa lagi?

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Dr. Lim Boon Sho):

Tuan Speaker, saya bangun untuk membahaskan Anggaran Pembangunan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1990.

Tuan Speaker, pada saat ini ingin saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah memperuntukkan \$11,500,000.00 untuk tujuan perolehan tanah bagi memperkembangkan lagi pertambahan industri kita.

Serentak itu, saya ingin mendesak Kerajaan Negeri memperuntukkan dan yang secukupnya untuk tujuan perolehan tanah bagi pertambahan atau pengembangan pertanian khususnya dalam bidang penternakan haiwan, contohnya memelihara babi dan ayam. Kita sangat memerlukan sejumlah dan yang amat banyak daripada Kerajaan Persekutuan agar masalah-masalah sosial dan persekitaran yang sudah lama wujud itu dapat diselesaikan.

Tuan Speaker, orang Cina akan menelan air liurnya apabila kita berbicara tentang babi panggang. Daging babi adalah penting bagi mereka kerana boleh dikata setiap restoran Cina yang berniaga di bandar atau di luar bandar adalah "Ditanggung Tidak Halal". Memakan daging babi bagi mereka merupakan bahagian yang tidak boleh dipisahkan dalam kehidupan mereka. Mereka sudah diajar memakan daging babi sejak kecil, lagi sesungguhnya punca utama protin mereka ialah daging babi. Orang Islam tidak menyenangi perkataan "babi" dan mereka menahan sabar kerana kita hidup dalam masyarakat yang berbilang kaum dan bertolak ansur, tapi saya fikir tadi Yang Berhormat ada menggunakan perkataan "Khinzir". Inilah pertama kali saya mendengar perkataan itu. Dalam Dewan Kamus pun saya cari tak boleh jumpa perkataan tersebut (gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Saad):

Bahasa Arab.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Dr. Lim Boon Sho):

Saya fikir Bahasa Arab juga Dr. Ibrahim. Tetapi di dalam Bahasa Kebangsaan saya tidak dapat cari.

Aduan utama mereka ialah pencemaran alam yang diakibatkan oleh penternakan babi secara besar-besaran. Pada ketika yang sama, perkara ini telah menjadi isu agama yang sensitif.

Tuan Speaker, penternakan babi merupakan industri yang besar-besaran dengan izin, *it has become a multi-million dollar industry in Penang*. Dalam tahun 1988 sehingga 300,000 ekor babi telah disembelih di Pulau Pinang dan

industri ini memperolehi lebih daripada \$100 juta satu tahun.

Tuan Speaker, dengan jumlah penduduk sebanyak satu juta dan tenaga kerja lebih daripada 100,000 dalam bidang industri, maka tidak boleh dinafikan pengindustrian telah membawa perubahan yang besar kepada penduduk-penduduk Pulau Pinang dan Seberang Perai. Saya menjangka bahawa dalam tahun 2000, pengindustrian bukan sahaja terbatas di kawasan bandar seperti Bayan Lepas, Perai dan Mak Mandin, tetapi pengindustrian ini akan menular atau mengembang dengan lebih pesat antara penduduk-penduduk luar bandar daripada apa yang kita jangkakan.

Keadaan ekonomi dunia yang masih kukuh dan ditambah dengan pelabur-pelabur dari Taiwan, Jepun, Amerika Syarikat dan England yang ingin menempatkan semula industri-industri mereka di negara yang mempunyai ekonomi dan politik yang stabil maka, tenaga kerja yang rajin dan cerdek. Saya fikir bahawa Pulau Pinang sepatutnya mengambil peluang keemasan ini untuk membuka pintunya dengan lebih luas kepada para pelabur asing agar Pulau Pinang boleh dijadikan pusat perindustrian di seluruh kawasan utara Semenanjung Malaysia.

Tuan Speaker, daripada kawasan pertanian luar bandar dan dengan jumlah penduduk hampir mencapai 90,000 orang, Daerah Nibong Tebal sudah bersedia untuk mengongsi habuan pengindustrian. Sama ada kita mahu atau tidak, perindustrian akan datang juga ke kawasan kita kerana kekurangan tanah untuk tapak perindustrian di Pulau Pinang dan Butterworth. Tentang hal ini, saya mendesak Kerajaan Negeri supaya menempatkan tapak-tapak perindustrian dengan teratur di Daerah Nibong Tebal. Kami mempunyai hampir 24,000 hektar kawasan

pertanian dan sekarang ini industri-industri sedang diadakan tanpa perancangan dan penempatan yang betul tentang kedudukan tapak industri itu.

Tuan Speaker, satu pelan induk Daerah Nibong Tebal patut direncanakan dengan segera agar tapak-tapak perindustrian yang sesuai dapat ditentukan dan serentak itu perindustrian intensif asas luar bandar dan penternakan haiwan boleh diteruskan tanpa banyak gangguan dan kekacauan. Ini adalah sangat penting supaya harga makanan yang murah dapat dikekalkan di Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, kini, bukan sahaja bangunan-bangunan industri dibina di sana sini, tetapi pada ketika yang sama skim-skim perumahan juga didirikan tanpa mengambilkira sistem pengaliran air dan oleh sebab itu banjir yang tidak pernah kita alami telah berlaku. Lebih kurang 6,000 buah rumah akan didirikan dalam masa 2 hingga 3 tahun dan ini akan membawa penghijrah-penghijrah dari Bagan Serai, Serdang, Parit Buntar, Kuala Kurau dan Tanjung Piandang ke Daerah Nibong Tebal.

Tuan Speaker, petani-petani kita mula khuatir kerana lambat-laun mereka akan dihapuskan setahap demi setahap seperti di Singapura, atas sebab pencemaran dan tidak ada tanah yang sesuai bagi mereka. Akhirnya mereka terpaksa menutup kebun mereka atau ternakan mereka. Ringkaskata, saya ingin mendesak Kerajaan Negeri menentukan tempat bagi:

1. Tapak perindustrian yang sesuai untuk industri ringan, sederhana dan berat;
2. Tapak yang sesuai bagi penternakan haiwan seperti menternak babi (Khinzir) dan ayam;

3. Pelan induk yang sesuai bagi sistem kawalan banjir bagi Nibong Tebal memandangkan jumlah penduduk semakin bertambah.

Jika kesemua kemudahan ini dikaji, maka Daerah Nibong Tebal dan Daerah Kerian akan mempunyai perindustrian yang sanggup mengupah lebih daripada 300,000 orang. Dengan kos tenaga kerja yang lebih murah dan harga makanan yang rendah, Seberang Perai Selatan adalah sesuai sekali lagi pengindustrian dan serentak itu menjadi tapak pertanian yang mengeluarkan makanan bagi penduduk-penduduk Pulau Pinang.

Tuan Speaker, oleh sebab kita meng-industrikan, maka kita akan menerima falasi revolusi industri. Di kebanyakan kilang, pekerja-pekerja kilang ini tidak dijaga dengan baik. Saya fikir bahawa pengusah-pengusaha industri ini patut mengambil berat tentang kebajikan pekerja-pekerjanya sebab kita berusaha untuk menghasilkan barangan yang murah dan bermutu untuk bersaing dalam pasaran antara bangsa. Ketidakpuasan sebahagian besar pekerja tidak pernah dihairankan dan diberi perhatian yang sewajarnya. Kebanyakan syarikat memberi upah yang rendah berbanding dengan kos sara hidup yang meningkat. Setengah-setengah pekerja ini dibayar serendah \$7.00 hingga \$8.00 sehari dengan bekerja gaji jam sehari.

Tuan Speaker, kebanyakan kilang hanya bergantung kepada hospital-hospital Kerajaan yang sesak dengan pesakit dan tidak pernah memberi faedah perubatan asas kepada pekerja-pekerjanya. Faedah hospital dan sakit diberi oleh majikan kepada pekerjaanya diperingkat yang paling minima. Ini tentu tidak sepadan dengan syarikat induk yang pekerjaanya menerima 5% daripada output industri untuk

rawatan perubatan mereka.

Tuan Speaker, sebenarnya Jabatan Perubatan dan Kesihatan patut mengenakan langkah-langkah yang lebih ketat atau keras kepada industri-industri elektronik supaya pekerja-pekerja ini diperiksa dengan teliti oleh doktor sekali setahun kerana bahaya elektronik yang dihadapi mereka semasa menjalankan tugas mereka.

Tuan Speaker, ini merupakan sebahagian daripada harga yang patut kita bayar untuk menimbulkan kepesatan dan kekayaan peng-industrian di negara kita. Saya benar-benar berharap agar upah pekerja ini dapat dinaikkan dengan secepat mungkin untuk membolehkan mereka membeli apa-apa yang dihasilkan oleh mereka seperti yang dinikmati oleh pekerja Jepun, Amerika Syarikat dan Jerman Barat.

Tuan Speaker, di bawah Fasa I, II dan III, Kerajaan Negeri telah meluluskan pembinaan sebanyak 40,804 unit rumah kos rendah, tetapi hingga kini hanya sebanyak 15,500 unit atau 35% daripada jumlah yang sepatutnya dibina. Jumlah yang sebetulnya dibina itu adalah kurang daripada jumlah yang dijangka untuk pembinaan, iaitu sebanyak 80,000 unit rumah kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Ringkasnya kita mencapai semata-mata kurang daripada 20% daripada matlamat yang di-harapkan.

Saya tidak menyalahkan Jabatan Perumahan Negeri kerana pencapaiannya yang kurang baik. Saya fikir bahawa Kerajaan Pusat patut disalahkan kerana Kerajaan Pusat gagal memberikan peruntukan kepada kami untuk mencapai matlamat itu. Cuba kita bayangkan sepanjang tahun 1989, Kerajaan Pusat hanya memperuntukan pinjaman yang cukup untuk

membina 153 unit rumah kos rendah sahaja. Jabatan Perumahan Negeri terpaksa bergantung pada sektor-sektor swasta untuk mencapai matlamat yang diharapkan itu. Pada tahun 1986 dan 1987, sektor-sektor swasta enggan melabur kerana kemelesetan industri perumahan pada kedua-dua tahun itu. Dengan itu saya ingin mendesak Kerajaan Negeri kita agar memohon lebih banyak peruntukan untuk mencapai matlamat kita.

Tuan Speaker, kita boleh mencontohi negara jiran kita, iaitu Singapura, sebuah pulau yang kecil. Negara itu membina atau menyiapkan 623,229 unit rumah pangsa dari tahun 1960 hingga 1988 untuk memenuhi keperluan rakyatnya. Rancangan perumahan negara itu banyak diberi subsidi oleh Kerajaan.

Tuan Speaker, pada tahun 1988, Kerajaan Singapura telah memberi subsidi sejumlah \$950 juta kepada rakyatnya agar mereka dapat tinggal di persekitaran dan kediaman yang lebih selesa dan baik. Kerajaan Negeri kita juga patut mendahului penetapan pemilikan rumah bagi penghuni-penghuni rumah kos rendah. Tidak sepatutnya mereka menunggu selama 20 tahun untuk mendapatkan pemilikan rumah itu.

Tuan Speaker, ekonomi kita adalah berdasarkan pada perusahaan bebas. Oleh itu mereka yang telah diperuntukkan sebuah rumah kos rendah, sepatutnya dibenarkan untuk membeli rumah-rumahnya. Sama ada dengan pinjaman Kerajaan, pinjaman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau pinjaman bank. Susulan daripada itu, Kerajaan Negeri akan memperoleh lebih banyak keuntungan. Jika kita mempunyai wang yang lebih, maka kita dapat membina lebih banyak rumah kos rendah dan ekonomi kita menjadi semakin dinamis.

Tuan Speaker, dalam perkara itu, saya berasa sedih memperhatikan bahawa warga-negara Malaysia juga patut memainkan peranan yang membina. Sesiapa yang mampu patut membayar balik hutang sebanyak \$7 juta kepada Kerajaan Negeri. bagi mereka yang benar-benar tidak mampu membayar, maka Kerajaan Negeri mesti mencari jalan untuk membantu mereka. Manakala bagi mereka yang mampu membayar, tolonglah melangsaikan hutang-hutang itu dan lebih bertanggungjawab kepada masyarakat kita.

Tuan Speaker, kebanyakan penghuni rumah kos rendah mampu membayar \$80.00 hingga \$100.00 setiap bulan. Memang sangat sukar kalau kita menyuruh mereka membayar ansuran mereka sebanyak \$176.00 sebulan. Oleh sebab masyarakat kita semakin mewah, maka Kerajaan Negeri bukan sahaja membina rumah kos rendah bagi rakyat yang layak. Tuan Speaker, tetapi demi perancangan jangka panjang, Jabatan Perumahan Negeri wajib menentukan tapak bagi pembinaan surau, gereja dan kuil. Kalau tidak, dimanakah dapat rakyat kita beribadat atau menunaikan suruhan agama?

Tuan Speaker, kemudahan-kemudahan seperti tempat/padang bermain kanak-kanak, lot-lot kedai yang sesuai, pusat-pusat poliklinik, pondok-pondok polis, balairaya dan perpustakaan hendaklah disediakan kepada mereka.

Oleh sebab masyarakat kita semakin mewah, maka rumah kos rendah yang berbilik dua itu akan ketinggalan zaman bagi para penghuni rumah-rumah itu melainkan mereka dilengkapi dengan persekitaran yang lebih baik.

Tuan Speaker, saya fikir bahawa tidak adil bagi Kerajaan Persekutuan mengambil terlalu banyak pendapatan daripada kita melalui berbagai-bagai cukai. Contohnya cukai jalan,

cukai pendapatan, cukai liquor dan hanya mengembalikan lebih kurang 30% daripada jumlah pendapatan teranggar.

Dengan ikhlasnya saya menyetujui pendapat Kerajaan Negeri bahawa sebahagian cukai jalan dan pungutan tol patut dikembalikan kepada negeri kita. Pada ketika yang sama, saya fikir bahawa kita harus cukup berani untuk memohon agar Kerajaan Pusat menanam balik sebahagian cukai pendapatan yang dibayar oleh penduduk Pulau Pinang kepada Kerajaan Persekutuan.

Tuan Speaker, gerakan penilaian semula cukai pintu yang baru-baru dijalankan oleh M.P.S.P. adalah untuk mengumpulkan \$2 juta dari seluruh kawasan Seberang Perai. Gerakan ini telah mendatangkan kebingungan dan kegelisahan kepada rakyat-rakyat di Seberang Perai. Rakyat kita sudah dikenakan banyak cukai oleh Kerajaan Persekutuan dengan belanja kendalian lebih kurang sebanyak \$50 juta dan pendapatan juga sebanyak \$50 juta yang dijangkakan oleh M.P.S.P., saya fikir bahawa gerakan penilaian semula itu tidak akan mendatangkan sahaja. Beberapa buah pasar kita sudah dibina lebih kurang setengah abad yang lalu dan pasar-pasar itu tidak boleh digunakan lagi kerana kita takut akan keruntuhan bangunan-bangunan itu tetapi Kerajaan Pusat tidak bertindak apa-apa juga.

Tuan Speaker, untuk mengurangkan perbelanjaan M.P.S.P., kita telah menswastakan kerja pembersihan sampah sarap dan penyapuan jalan dan longkang di beberapa tempat yang tertentu. Ini juga menyebabkan timbulnya buah fikiran yang keliru. Kita telah mengupah kontraktor-kontraktor yang tidak mempunyai keahlian pengurusan asas dan kepakaran profesional dalam kerja-kerja

pembersihan dan penyelenggaraan di kawasan perumahan. Sesungguhnya kita patut mengupah kontraktor-kontraktor yang dapat memberikan kita dengan mutu perkhidmatan yang lebih baik, tingkat mekanisasi yang lebih tinggi, tenaga kerja mahir yang baik.

Tuan Speaker, saya faham bahawa gerakan penilaian harta cukai semula ini untuk tahun 1990 oleh M.P.S.P. macam gali lubang, tutup lubang, izinkan saya berucap *just like 'Robbing Peter to pay Paul'*. Pada 22 November, 1989, Pegawai Perhubungan Awam M.P.S.P. mengumumkan bahawa sebanyak 23,908 buah rumah yang menerima bil cukai yang jumlahnya kurang daripada \$5.00 ke bawah adalah dikecualikan daripada membuat pembayaran. Saya ucapkan terima kasih kepada beliau kerana mengumumkan berita itu kepada pihak akhbar. Berita baik ini pasti membawa kegembiraan kepada penduduk-penduduk luar bandar tetapi saya pun mahu ingatkan kepada M.P.S.P. di perkampungan-perkampungan Cina di Valdor atau di rumah kos rendah di Taman Desa Jawi, rumah pintu pun sudah naik sangat tinggi, ada yang sudah naik dari \$30.00 ke \$60.00 iaitu 100%. Saya berharap bahawa Kerajaan Negeri dapat mengkaji dengan jujurnya golongan miskin yang menyedihkan. Yang menyedihkan lagi ialah saya difaham bahawa rumah-rumah kos rendah yang tidak disambung ke sistem pembentungan pusat juga dikenakan bayaran \$3.00 sebulan. Bagaimana M.P.S.P. memberi alasan tentang pungutan ini? Saya pun tidak berapa faham oleh kerana orang-orang miskin ini tidak menikmati kemudahan sistem pembentungan pusat tetapi mereka diminta membayar hasil.

Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguh selama 15 minit untuk minuman ringan.

Dewan ditangguh pada jam 4.03 petang.

Dewan bersambung pada jam 4.26 petang.

Tuan Speaker:

Dewan disambung semula, siapa ingin mengambil bahagian? Silakan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Anggaran Pembangunan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1990.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukan wang sebanyak \$60 juta untuk pembangunan bagi tahun 1990. Antara peruntukan, \$60 juta itu, \$50.4 juta adalah perbelanjaan secara langsung dan \$7.6 juta adalah dari pinjaman Kerajaan Pusat.

Tuan Speaker, kami di sini tidak tentang anggaran pembangunan yang dicadangkan tetapi telah berkali-kali kami merayu Kerajaan mesti menggunakan peruntukan itu dengan jimat dan cermat. Nampaknya banyak wang yang telah dibelanja dengan sia-sia sahaja. Maksud pembangunan P101, iaitu Pejabat Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan dapat peruntukan paling tinggi iaitu lebih kurang \$23.6 juta. Pengambilan tanah pembangunan masyarakat, rancangan perumahan murah dan pinjaman kepada Pihak Berkuasa Air adalah sektor-sektor yang menelan kebanyakan perbelanjaan itu. Dalam hal pengambilan tanah, Kerajaan Negeri telah menyiksa tuan-tuan tanah. Saya difahamkan

bahawa baru-baru ini Kerajaan Negeri telah mengambil sebidang tanah yang besar, berdekatan dengan kawasan Perusahaan Perai dengan harga rendah sahaja. Tanah ini akan ditambun; kerja-kerja infrastruktur akan dijalankan dan akan dijual kepada pengusaha-pengusaha kilang baik dari tempatan mahupun dari luar negeri dan dengan harga pasaran. Dalam urusan ini, Kerajaan Negeri akan mendapat keuntungan yang lumayan.

Tuan Speaker, dengan adanya penswastan membina rumah-rumah kos rendah peruntukan \$2.6 juta adalah berpatutan tetapi dalam proses penswastan perumahan barangkali Kerajaan Negeri kurang pengalaman dan telah menerima premium rendah dari pengusaha maka yang lebih beruntung ialah pengusaha-pengusaha swasta dan bukan Kerajaan Negeri. Saya berharap Kerajaan Negeri pada masa yang akan datang kajilah dengan teliti sebelum mereka menerima satu-satu tawaran dari swasta supaya boleh adil kepada kedua-dua pihak. satu lagi mesti diambilkan ialah apabila menerima satu tawaran pastikan pengusaha itu mampu membina. Pengalaman telah diperolehi dengan gagalannya. Perumahan yang dijalankan oleh Pembinaan Mesra di Kepala Batas, Kawasan ADUN Bertam selaku Pengerusi Perumahan. Tatasusunan perumahan oleh swasta juga tidak memuaskan kerana terlalu rapat, tiada padang lapang dan tempat letak kereta yang mencukupi. Jalannya pun kecil, mutu rumahnya kurang baik dan sebagainya. Pada masa yang akan datang, apabila rumah siap dan diduduki oleh pembeli-pembeli, masalah-masalah sosial akan timbul, Kerajaan tidak boleh lari dari kelalaian ini.

Tuan Speaker, sejumlah \$5 juta telah dipinjamkan kepada Pihak Berkuasa Air untuk membiayai projek seperti Empangan Air di Sungai Dua. Projek ini sama ada perlu pada

tahun-tahun yang akan datang, tidak diterangkan kepada Dewan ini. Saya berharap Kerajaan dapat memberi satu taklimat mengenai wang pinjaman \$5 juta tersebut.

Tuan Speaker, Kerajaan memang menyalahgunakan wang-wang projek khas. Saya sering nampak ADUN Barisan Nasional memberi wang peruntukan untuk membeli alat-alat masak, kamera, mesin-mesin rumput, pinggan mangkuk, komputer dan lain-lainnya. Pemberian ini cuma memfaedahkan segelintir masyarakat sahaja, yang patut diberi ialah kepada membina jalan-jalan, parit-parit, titi-titi dan projek-projek yang boleh memfaedahkan kepada orang ramai. Bantuan-bantuan dan peruntukan-peruntukan yang diminta oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari sebelah sini adalah berpatutan dan munasabah dan perlulah dapat dilulus dengan keutamaan.

Tuan Speaker, ekoran perkembangan sosial ekonomi dan pembangunan masyarakat, Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan mestilah selalu berpandangan jauh dan selalu mengkaji keperluan masyarakat. Jabatan Kerja Raya ada tanggungjawab yang berat di segi ini. Jalan-jalan yang sedia ada telah tidak boleh menampung keperluan kenderaan yang makin bertambah. Misalnya lalulintas di Butterworth selalu sesak. Di Simpang Empat, Jalan Siram, Permatang Pauh dan Telaga Air di Jalan Raja Uda kenderaan sering *queue* dengan panjangnya. Inilah kerana Kerajaan Negeri kurang berpandangan jauh. Kawasan ini patut dikaji lebih awal dan melaksanakan pelebaran jalan walaupun terpaksa memindah bangunan-bangunan dan pengambilan tanah.

Tuan Speaker, satu soalan lisan telah dikemukakan oleh saya berkemana isu ini tetapi

malangnya pihak berkenaan berkata bahawa sistem yang sedia ada sekarang adalah memuaskan. Saya ingat orang yang menjawab soalan ini tidak faham dan mungkin dia ada tidur. Sila membuat satu banci terhadap pengaduan ini sebelum memutuskan sesuatu.

Tuan Speaker, saya merasa amat kesal Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya tidak menjawab soalan saya mengenai *side table* tinggi rendah sehingga memakai batu-bata robohan rumah untuk menampung lubang-lubang yang saya sebutkan kelmarin itu. Tadi Yang Berhormat telah banyak bercerita dengan hal-hal bidang orang lain tetapi sendiri punya ia tak menyebut (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Penjelasan. Boleh tak tolong beri kerjasama mintapemandu-pemandu lori tolong jangan *park* atas *side-table*, kemudian kita akan pergi buat dengan lebih cantik?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Bila kamu mahu pergi buat *side-table*, saya boleh datang dan saya boleh minta mereka ubah. Nanti saya ubah tunggu 3 hari tak nampak orang mari, macam mana?

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Maksud saya, saya boleh buat, boleh cari peruntukan nak tolong untuk mengadakan *side-table* dengan cantik tetapi jangan bagi lori-lori *parking* di situ bila dah siap. Nanti bila dah siap, lepas tiga bulan ia tenggelam timbul pula. Tempat itu memang macam itu.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Itu saya ingat, bukan akibat *parking* lori. Tempat itu tempat pasir. Mana saya boleh halang lori *parking* di tepi jalan? Macam ini tak boleh buat, biarkan ia berlubang-lubang. Susah macam ini kalau mahu syarat.

Tuan Speaker, di kawasan saya ada beberapa simpang jalan memerlukan kawalan lampu isyarat misalnya di Simpang Bagan Ajam, Jalan Tambi Kechil, Kampong Paya, Kampong Gajah, Jalan Raja Uda dan Jalan Ong Yi How. Simpang-simpang ini selalu *queue* dan membuang masa orang ramai. Oleh sebab itu saya berkata Kerajaan tidak boleh menampung keperluan perkembangan sosial ekonomi dan orang ramai.

Tuan Speaker, pada 30 tahun yang dahulu, Jalan Raja Uda dibinakan, 30 tahun kemudian tiada berubah di segi saiz dan tidak berparitan. Air hujan dibiarkan bertakung. Ini bukan sahaja memburukkan pandangan tetapi juga membawa bahaya kepada pengguna-pengguna jalan. Saya berharap Kerajaan boleh membina parit-parit di sepanjang jalan ini dengan seawal mungkin dan tadi saya pun ada dengar bahawa kajian telah dibuat dan ada setinggan-setinggan yang menghalang projek ini. Saya berharaplah Kerajaan Negeri boleh mencari jalan untuk menyelesaikan halangan-halangan ini, jikalau ada.

Tuan Speaker, di kawasan saya juga ada banyak kampung-kampung. Dalam kampung-kampung ini cuma ada jalan tanah. Pada musim hujan ia menjadi lecah, pada musim kemarau, debu dan habuk menebal, lagipun selalu kena memperbaiki. Apabila kita memaksudkan kemajuan, masalah kampung perlu diambil-kira. Alasan-alasan tidak mahu membina jalan

tar ialah kerana tuan tanah tidak mengizinkan.

Tuan Speaker, Pegawai Kemajuan perlu mengkaji masalah ini dan memberi taklimat kepada tuan-tuan punya tanah supaya dapat dengan izin *clear the docks*. Jangan sahaja biarkan ADUN untuk berbincang dengan tuan-tuan tanah untuk membina jalan-jalan tersebut.

Tuan Speaker, ada sebidang tanah di kawasan saya telah diambil oleh Unit Khas Bergerak Pulau Pinang. Unit ini saya tidak faham. Pejabat ini adalah terletak di 4784, Bangunan Tabung Haji, Jalan Pantai, Butterworth. Tanah tersebut ialah Lot 487, Mukim 14 Seberang Perai Utara. Rakyat di sana menanya saya mengenai pengambilan tanah itu untuk dibuat apa, saya tidak boleh jawab, saya kata saya tidak tahu dan saya harap boleh dapat satu penjelasan atau keterangan mengenai Lot 487 ini.

Tuan Speaker, Majlis Perbandaran Seberang Perai langsung tidak peduli dengan masalah di kampung saya. Tiada lori sampah masuk ke kampung untuk memungut sampah sarap. Lagi pun tiada orang pedulikan masalah banjir di kampung saya. Sila memberitahu saya mengapa tidak mahu memungut sampah-sarap dan kerja-kerja membersihkan atau mendalamkan parit-parit tidak dijalankan.

Tuan Speaker, M.P.S.P. akan melaksanakan kutipan cukai tandas, \$3.00 untuk setiap tandas pada tahun hadapan. Bayaran menyambung saluran najis juga dikenakan. Dengan adanya kemajuan, rakyat kena memikul bebanan. Ini adalah tidak berpatutan.

Tuan Speaker, Kerajaan telah merancang satu bandar baru di Seberang Jaya. Papan tanda iklan menunjukkan tapak

hospital, Balai Polis, Mahkamah, sekolah dan sebagainya telah diri sejak tahun 1986, iaitu masa sebelum pilihanraya. Sampai sekarang apapun tidak ada, cuma semak-semak dan ular sahaja. Janji-janji hendak membina sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Tionghua pun tidak ditunaikan. Jikalau Kerajaan betul-betul menunaikan janji, janganlah berdolak-dalih lagi.

Tuan Speaker, banyak telah dicerita, jikalau mahu disentuh kesemua-semua sektor-sektor seperti yang telah dihuraikan di dalam penyata-penyata yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri, saya ingat 3 jam pun tidak boleh habis.

Akhir sekali, saya suka membangkitkan satu isu berkenaan sukan. Dalam pembangunan masyarakat, sukan juga mesti perhatikan. Persatuan Bolasepak Pulau Pinang atau FAP dalam satu dua tahun ini nampaknya telah lembab dan tiada apa-apa pertunjukan yang cemerlang. Lagi pun ada khabar-khabar angin. Ada orang kata. Ini sudah jadi satu isu dalam sidang hari ini — Ada orang kata dalam FAP, ada kelakuan menyeleweng sehingga ada juga orang tuduh menerima rasuah. Saya tidak tahu benarkah atau tidak, tetapi ada orang katalah. Sekiranya FAP boleh membawakan kece-merlangan, maka akan menaikkan imej yang lebih tinggi, bukan sahaja bagi FAP tetapi juga bagi anak-anak Pulau Pinang juga. Diharapkan tindakan menyusun semula FAP boleh dijalankan.

Terima kasih.

Tuan Speaker:

Siapa lagi? Ahli Kawasan Ayer Itam.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng):

Tuan Speaker, suka saya mengambil

bahagian dalam membahas tentang Anggaran Pembangunan 1990. Tuan Speaker, tentang isu-isu pembangunan, suka saya membangkitkan satu perkara. Ini adalah mengenai pencemaran alam sekitar di kawasan saya dan saya haraplah di jawapan Exco yang berkenaan tentang perkara ini, boleh beri satu jawapan yang memuaskan sebab masalah ini telah berbangkit beberapa kali oleh penduduk-penduduk di tempat yang bersangkutan iaitu di Taman Lintang dan Jalan Pokok Cherry di Jalan Hill Railway.

Tuan Speaker, di tempat sana, terdapat dua kilang, *premix concrete* yang bernama *Ready Mix Concrete* dan *Sun Mix Concrete* dan kedua-dua kilang ini telah menjalankan operasinya sudah beberapa tahun tanpa lesen dan oleh sebab operasi kedua-dua kilang-kilang ini adalah menjadi *pollution* atau pencemaran abu dan telah menjadi satu ancaman kepada kesihatan mereka. Penduduk-penduduk sudahpun membuat banyak aduan dan kalau tidak salah saya mereka telahpun membuat satu memorandum kepada M.P.P.P. Berkenaan perkara inipun saya sendiri telah menulis dua pucuk surat kepada Setiausaha M.P.P.P. tetapi malangnya dengan rasa kesal M.P.P.P. langsung tidak membuat satu jawapan pun. Ini adalah satu perkara yang serius, satu perkara yang teruk, satu perkara yang sudah menjadi satu ancaman kepada mereka dan apa yang dikesalkan ialah kedua-dua kilang ini tidak mempunyai lesen. Ini sudah diakui oleh Kerajaan khususnya M.P.P.P. Mereka sudah akui tiada lesen tetapi nampaknya Pihak Berkuasa yang bertanggungjawab kepada perkara ini nampaknya mereka adalah buta dan pekak dengan perkara ini. Sebab itu penduduk-penduduk di Taman Lintang dan Jalan Pokok Cherry ingin tahu apa sebab-sebabnya Kerajaan tidak mengambil sebarang langkah ataupun tindakan untuk mencegah atau menghentikan kedua-dua kilang ini. Saya percaya di bawah

undang-undang mereka mempunyai kesalahan.

Yang pertama, kegiatan ataupun tindakan kilang-kilang ini adalah menjadi satu gangguan awam (*public nuisance*) dan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, khususnya Seksyen 80 dan 81, M.P.P.P. tidak ambil apa-apa tindakan pun. Yang kedua, di bawah *by-law*, *Dangerous Unhealthy and Offensive Trade and Garages By-law* 1962, semua kegiatan sebagai yang saya sebut tadi perlu ada satu lesen. Malangnya kedua-dua kilang ini tidak ada lesen. Ini sudah ada dua kesalahan dan kesalahan ketiga adalah kegiatan atau akibat kedua-dua kilang ini menjadi satu isu atau satu masalah pencemaran sekarang. Itu lain perkaralah. Tetapi pada masa ini sudah ada dua kesalahan. Sama sekali saya tidak tahu apa sebab Kerajaan khususnya M.P.P.P. tidak ambil apa tindakan untuk mencegah atau menghentikan kedua-dua kilang ini. Walaupun baru-baru ini, M.P.P.P. ada satu *anti litter campaign* dan *enforcement* unit pun kerja *overtime* menangkap orang-orang yang ditekan di tempat-tempat bandaraya dan selalupun *enforcement* unit M.P.P.P. apabila berjumpa penjaja-penjaja tidak mengikut undang-undang, cepat tangkap mereka, rampas barang-barangnya ataupun ada runtuhkan tapak-tapak mereka. Tetapi berkenaan dengan kedua-dua kilang ini, apakah sebab M.P.P.P. tidak langsung mengambil apa-apa tindakan? Adakah maksud kedua-dua kilang ini kilang orang kaya, orang besar ataupun saya tidak suka menuduh tetapi adakah M.P.P.P. sudahpun di *grease* oleh kedua-dua kilang ini? Oleh sebab perkara ini sudah lama dan kilang-kilang ini menjalankan tanpa lesen, saya harapkan Ahli Exco yang berkenaan selepas perbincangan perkara ini boleh bagi satu jawapan yang sewajarnya dan memuaskan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker:

Siapa lagi? Silakan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Encik Yahaya bin Abdul Hamid):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan ucapan Anggaran Pembangunan 1990 sepertimana yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri sebentar tadi.

Pertama sekali saya ingin bersama-sama menyahut seruan daripada Y.A.B. Ketua Menteri kerana dalam kedua-dua Anggaran Pembangunan dan juga Anggaran Perkhidmatan, Ketua Menteri dengan secara ikhlas meminta Ahli-ahli Dewan sama-sama memberi ucapan terima kasih, tahniah kepada pegawai-pegawai perkhidmatan awam, Jabatan-jabatan Berkanun kerana telah menjalankan tugas dengan penuh dedikasi di sepanjang tahun 1989 ini. Saya sendiri secara khasnya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada jabatan-jabatan yang telah banyak memberi sumbangan dalam membangunkan kawasan saya sendiri iaitu KADUN Pinang Tunggal kepada Pejabat Daerah terutamanya, Pejabat Kemajuan Negeri, Jabatan Pengairan dan Saliran (J.P.S.) dan lain-lain jabatan yang tidak dapat saya sebutkan satu — persatu. Dengan adanya pertolongan daripada jabatan-jabatan ini telah memungkinkan projek-projek pembangunan infrastruktur dapat dilaksanakan dengan jayanya. Suka saya nyatakan bahawa penduduk-penduduk di sekitar masyarakat kampung, mereka tidaklah harap sangat kita dapat melaksanakan sesuatu projek yang mereka pohon itu akan tetapi kesediaan kita untuk berada bersama-sama mereka memahami masalah mereka, mendengar kelohan mereka, terima sedikit hentaman-hentaman daripada mereka, mereka sudah rasa puashati, rasa seronok walaupun projek tidak dapat berjalan sepertimana yang mereka harapkan. Projek yang mereka minta,

tidak dapat kita laksanakan tetapi kesediaan kita untuk sama-sama mereka, mereka sangat-sangat puashati. Kepada pegawai-pegawai yang telah begitu memberanikan diri untuk sama-sama berdepan dengan rakyat terima segala caci, maki-hamun, jadi kita ucapkan syabas.

Menyentuh tentang penyediaan Anggaran Pembangunan 1990, jadi pada pandangan saya ini adalah sebagai satu anggaran yang telah dibuat dengan begitu berhati-hati biarpun kadar pertumbuhan pada tahun 1990 dijangka naik berbanding dengan tahun 1989, akan tetapi potongan-potongan yang telah dilakukan di dalam beberapa kod dalam menyediakan belanjawan mengurustadi menunjukkan bahawa di sini ada unsur-unsur penjimatan perbelanjaan. Ini adalah disebabkan oleh kerana adanya ketidakpastian di dalam perkembangan ekonomi dunia. Jadi kita terpaksa berjimat cermat takut kalau-kalau masalah kemelesetan akan melanda lagi pada tahun-tahun ke hadapan. Ramalan daripada pakar-pakar ekonomi mengatakan bahawa dunia akan menghadapi satu proses pertumbuhan ekonomi yang lembab di beberapa tahun yang akan datang. Juga saya rasa Y.A.B. Ketua Menteri semalam dapat tidur nyenyak, dapat tidur lena dalam menyediakan anggaran pembangunan ini. Saya rasa beliau tidak perlu tergesa-gesa mengubah format dan bahasa dalam membentangkan anggaran itu semata-mata kerana hendak menyesuaikan selera pihak pembangkang. Pihak pembangkang yang telah begitu serius mahukan supaya di ubah format dan diubah bahasa, dengan itu barulah mereka katakan anggaran penyediaan itu begitu kreatif. Kalaulah penyediaan ini telah diubah, katalah apa yang telah dibentangkan itu telah diubah tetapi saya masih berpendapat bahawa apalah sangat kita nak kira tentang format dan bahasa, yang pentingnya ialah angka-angka dan prestasi kerja, *performance* kerja bukan format dan bukan

bahasa. Sebagai Kerajaan, dan sebagai seorang Ketua Menteri yang telah begitu berpengalaman selama 20 tahun untuk menyediakan kedua-dua anggaran ini, saya rasa ini satu latihan, satu *practice* yang lama, yang panjang dan sudah tentulah *practice makes perfect* dengan izin.

Tuan Speaker, di dalam anggaran mengurus ada juga menyebut tentang tunggakan cukai tanah. Saya rasa tidak terlambat kalau saya turut sama menyentuh sedikit tentang perkara ini. Tunggakan cukai tanah adalah berjumlah \$17.5 juta dan ini adalah merupakan satu jumlah yang besar. Sebagaimana yang kita tahu cukai tanah adalah merupakan satu-satunya punca pendapatan Negeri Pulau Pinang yang terbesar sekali dan kalaulah sekiranya tunggakan ini terus bertambah dari satu masa ke satu masa, maka ini sudah tentulah menjejaskan tabung kewangan negeri. Saya sangat-sangat berharap supaya pihak orang ramai harus peka terhadap masalah ini dan terus memberi kerjasama kepada Kerajaan Negeri untuk menjelaskan tunggakan ini seberapa segera yang boleh. Janganlah kita tunggu sampai tindakan undang-undang hendak di kenakan, barulah kita buat kelam-kabut.

Tuan Speaker, mengenai rancangan pen-swastan projek-projek perumahan kita telah difahamkan bahawa pada tahun 1990, rancangan ini diteruskan dan kesemua sekali terdapat 8 *package* yang sedang dalam proses perlaksanaan dan kita juga faham bahawa tujuan utama untuk menyediakan rumah-rumah ini untuk memberi rumah ataupun menyediakan rumah kepada rakyat yang tidak ada rumah. Saya rasa tidak keterlaluan kalau saya sarankan bahawa selain daripada kita nak menyediakan rumah kepada pihak yang tidak ada rumah. Kita juga patut menjadikan penyediaan rumah-rumah ini sebagai satu cara untuk mengagihkannya taburan penduduk bermakna melalui pembinaan rumah-

rumah ini dapatlah kita agihkan taburan penduduk iaitu kita boleh meramaikan jumlah penduduk di kawasan-kawasan yang memang kekurangan penduduk. Saya suka nak cadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya mewujudkan lagi satu projek penswastan perumahan iaitu di dalam kawasan saya iaitu KADUN Pinang Tunggal di satu tempat di sebuah kampung yang bernama Kampong Lahat Tiang dan di sini rasa saya, ada satu tapak yang sangat sesuai untuk dijadikan sebagai kawasan perumahan. Di situ pun pembangunan sudah mula datang, ada sekolah, ada pusat MARDI, ada estet, ada kuarters untuk pekerja-pekerja estet dan tidak jauh daripada situ ada projek Lebuh raya. Utara-Selatan akan dilaksanakan. Jadi agaknya kita jangan tunggu lama-lama nanti kita terlewat, bermulalah awal sedikit.

Tuan Speaker, ada satu lagi perkara yang selalu di sebut-sebutkan orang oleh rakyat Pulau Pinang di mana pemimpin-pemimpinnya iaitu dalam hal menyelaraskan program pelancongan di Negeri Pulau Pinang ini. Nampaknya program pelancongan akan terus dititikberatkan dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dengan berhati-hati dengan tujuan untuk menjadikan Pulau Pinang ini sebagai satu destinasi pelancongan yang diminati. Pulau Pinang bernasib baik kerana ia mempunyai kawasan-kawasan yang semula jadi (*natural*) yang di anugerahkan oleh Tuhan, di samping mempunyai pantai yang memang cantik, indah, airnya bersih walaupun ada juga yang kotor, terdapat juga hotel-hotel yang baik yang bertaraf antarabangsa dan rakyat Negeri Pulau Pinang mengamalkan budaya ramah mesra dan terdapat pusat-pusat atau tempat-tempat pelancongan yang menarik hati seperti Taman Burung (*Bird Park*), Taman Rama-Rama (*Butterfly Farm*) dan sebagainya. Saya ingin mencadangkan agar diwujudkan satu lagi kawasan untuk menarik pelancong-pelancong sama ada

dalam atau luar negeri ke Negeri Pulau Pinang ini dan tempat yang saya maksudkan ialah iaitu menyediakan satu kawasan ataupun satu taman yang boleh kita namakan sebagai Taman Rakyat ataupun *People's Park* dan dalam taman ini boleh kita wujudkan satu rupa bentuk perkampungan atau tempat kediaman yang menjadi cerminan kepada tempat kediaman rakyat di Negeri Pulau Pinang ini iaitu kita boleh mengadakan rumah-rumah ala kampung ataupun rumah-rumah yang didiami oleh penduduk-penduduk kita yang tinggal di kebun-kebun. Di sekeliling itu, di sekitar kawasan itu kita tanamkan dengan berbagai jenis pokok buah-buahan yang terdapat di kampung-kampung seperti rambutan, durian, duku, langsung dan sebagainya kerana pada pemerhatian saya, pelancong-pelancong daripada luar negeri ini bila mereka datang ke Pulau Pinang mereka tidak tuju ke hotel-hotel besar melainkan mereka itu datang kerana tugas perniagaan. Kalau mereka datang nak rehat-rehat, mereka suka kawasan-kawasan yang menggambarkan tempat tinggal rakyat negeri ini. Jadi ini boleh diusahakan oleh Kerajaan sendiri ataupun boleh di swastakan dengan bantuan Kerajaan dan tempat yang sesuai biarlah tempat itu berhampiran dengan laut seperti di kawasan Telok Bahang, Batu Feringghi, ada tanah-tanah kosong di sana ataupun boleh juga dibawa ke Seberang Perai. Ini sebagai satu tempat tarikan pelancong dan siapa yang berminat, yang ada duit, duit banyak boleh melabur di sini.

Tidak ketinggalan juga Tuan Speaker, ini tentang program bimbingan pelajar yang juga nampaknya mula diberi perhatian serius oleh pihak Kerajaan Negeri dan sejumlah peruntukan telahpun disediakan dan program ini adalah bertujuan untuk mewujudkan kekuatan kerohanian dan perwatakan di kalangan belia-belia kita. Dan juga bertujuan untuk menanam nilai-nilai sosial yang baik untuk membolehkan

kan mereka menentang anasir-anasir sosial yang tidak sihat seperti penyalahgunaan dadah, budaya kuning dan sebagainya. Kita sangat-sangatlah berharap supaya program ini dapat disusun dengan kemas dan kita telah cuba dua, tiga tahun jalankan program ini. Pada tahun ini dapat kita jalankan dengan lebih baik dan kita berharap di masa-masa hadapan program ini dapatlah disusun dengan lebih kemas lagi, lebih *comprehensive* lagi daripada yang lepas-lepas supaya yang akan mendapat manfaat daripada program ini biarlah terdiri daripada belia-belia, pelajar-pelajar, dan daripada semua kaum.

Sehubungan dengan itu Tuan Speaker, masalah integrasi kaum juga adalah jadi satu masalah yang harus kita kaji semula, harus dititikberatkan. Kalau anak-anak kita, belia-belia kita buat salah, kita marah, kita maki-hamun, kita tegor mereka tetapi kalau orang dewasa buat salah, siapa hendak tegor? siapa yang nak marah kepada mereka ini.

Ahli Kawasan Ara Rendang (Tuan Haji Zakaria bin Bakar):

Kalau Ahli Dewan?

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Encik Yahaya bin Abdul Hamid):

Ahli Dewan buat salah, Speaker marah (ketawa).

Maka dengan itu orang dewasa juga perlu dididik, diajar, ditegor dan satu penekanan harus diberi dalam masalah integrasi kaum, mewujudkan perpaduan kaum. Kita haruslah dilatih, diajar untuk menghormati undang-undang dan normal hidup berbilang budaya ini. Misalnya, kalau sekiranya isu-isu yang kecil seperti kita hendak perbesarkan masalah tokong, masalah kuil, masalah surau, — kalau sengaja kita melambong-lambongkan isu ini,

kita main-mainkan ia, saya bimbang, saya takut berkemungkinan, isu-isu seperti ini akan dieksploitasikan sehingga ia menjadi satu isu perkauman. Kalau sudah jadi satu isu perkauman, maka ia ibarat sebagai api yang sudah besar, ia sudah semarak nanti susah nak di padamkan. Sebenarnya kita mempunyai banyak perkara-perkara lain yang lebih penting yang boleh kita renung dan bereskan bersama. Tidaklah kita nak beri penekanan yang lebih-lebih sangat pada hal-hal yang lebih kecil yang akhirnya boleh membakar diri kita sendiri. Jadi untuk ini pemikiran masyarakat harus disihatkan, dan saya rasa barangkali peruntukan sebanyak \$3.5 juta di bawah Maksud Pembangunan P.101 bolehlah kita gunakan bagi memanfaatkan ke arah ini.

Tidak ketinggalan juga Tuan Speaker, ia itu mengenai keselamatan dan keselesaan pekerja-pekerja kilang sepertimana yang telah disebutkan oleh rakan saya tadi Dr. Lim Boon Sho. Saya rasa Kerajaan Negeri harus awasi bukan setakat tahu saja tetapi sama-sama membantu mengawasi apa yang dikatakan sebagai Akta Kilang dan Jentera itu tadi. Jadi di bawah Akta ini masalah keselamatan, masalah kesihatan dan kebajikan pekerja dititikberatkan, tidak cukup kita hanya mempunyai Akta sekiranya Akta itu tidak kita laksanakan, kita awasi supaya ia dipatuhi dengan ketat. Daripada perangkaan yang kita terima kelmarin, setakat ini angka kecederaan yang menimpa pekerja-pekerja kilang dari semenjak 1985 sehingga 1989 adalah seramai 247 orang. Ini yang dilaporkan kepada kita, campor dengan yang tidak dilapor saya rasa angka ini akan menjadi lebih besar lagi. Demikian juga terdapat 9 kes kematian. Memanglah ini satu angka yang besar. Tidak ada siapa yang ingin kepada kecederaan dan kemalangan ini akan tetapi sebelum ia berlaku, kita kenalah kawal, kita

kenalalah cegah.

Di samping itu tuan-tuan punya kilang juga haruslah diingatkan atau dikenakan sesuatu syarat supaya memastikan bunyi bising di kilang-kilang disebabkan oleh jentera-jentera itu tidak terlalu tinggi. Sukatan bunyi yang dihadkan tidak melebihi 90 d.b.a. dan sekiranya sukatan itu melampaui batas ini akan menyebabkan pekerja-pekerja kilang akan mengalami kecederaan pendengaran. Jadi dengan itu, syarat-syarat ini hendaklah dipatuhi dan di kilang-kilang itu dipasang dengan alat-alat tertentu. Maklum sajalah pekerja-pekerja kilang ini akan bekerja di sesebuah kilang yang begitu lama dan mereka sendiri kadang-kadang agak leka, agak cuai untuk menjaga keselamatan mereka sendiri dan kita tak mahu pekerja-pekerja kita lama-lama jadi pekak.

Di samping itu segala perlakuan atau perilaku sumbang yang mungkin berlaku di kilang-kilang haruslah juga diberi perhatian dan diambil langkah-langkah untuk membenteraskannya. Kalau perkara-perkara yang macam ini sampai kepada pihak pengetahuan akhbar dan perkara itu akan di perbesar-besarkan, saya rasa ibu bapa akan merasa bimbang takut nak melepaskan anak-anak mereka untuk pergi ke kilang-kilang untuk bekerja kerana takut kalau-kalau sesuatu yang tidak baik akan berlaku kepada anak-anak mereka. Kebajikan pekerja-pekerja kilang ini haruslah dijaga dengan baik kerana mereka adalah merupakan sebagai nadi pembangunan sesebuah negeri dan mereka adalah merupakan orang yang di peringkat paling bawah dalam strata pembangunan dan juga merupakan sebagai nadi pembangunan justeru itu harus dijaga dengan baik dan juga kerana Pulau Pinang adalah merupakan negeri yang sedang membangun dan menuju ke era perindustrian.

Satu lagi perkara Tuan Speaker, ialah tentang menitikberatkan untuk memajukan kampung-kampung tradisi dan juga kampung-kampung baru. Kampung-kampung tradisi bertaburan dengan banyaknya di sebelah Seberang Perai dan juga ada lagi di Pulau Pinang dan kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, bekalan air, letrik haruslah dititikberatkan iaitu di kawasan-kawasan luarbanadar di mana terdapat kampung-kampung tradisi ini. Di samping itu juga kita jangan lupa kepada kampung-kampung baru. Di kawasan saya sendiri terdapat sebuah perkampungan baru iaitu Kampong Selamat dan Kampong Selamat ini diduduki oleh Orang-orang China dan juga Orang-orang Melayu dan kemudahan-kemudahan asas yang mencukupi haruslah dibekalkan kepada mereka dan juga program-program untuk menambah dan meninggikan pendapatan penduduk-penduduk di kampung-kampung baru hendaklah dititikberatkan.

Tuan Speaker, seperkara lagi ialah tentang projek-projek pembangunan yang harus diadakan dalam KADUN Pinang Tunggal ini sendiri. Yang pertama sekali ialah untuk mengadakan sebuah pasar awam. Keperluan kepada pasar awam di KADUN Pinang Tunggal adalah boleh dikatakan sangat mendesak. Saya beranggapan bahawa pasar awam ini akan menjadi satu pusat interaksi ekonomi di kalangan penduduk-penduduk. Kalau kita sering bercakap hendak meninggikan pendapatan penduduk-penduduk, pendapatan haruslah kita titikberatkan. Walaupun ada halangan-halangan seperti masalah penduduk tak mencapai had yang tertentu, maknanya bilangan yang tak cukup lagi, tapi ini bukanlah menjadi satu kriteria yang penting dalam kita hendak mewujudkan pasar awam ini. Jadi saya juga pernah membuat permintaan untuk diwujudkan sebuah pasar

yang berkesan di atas taraf kehidupan rakyat. Jikalau pembangunan yang kita sebut atau pembangunan yang kita akan melaksanakan, tidak berkesan atas taraf penduduk-penduduk, dan tidak meninggikan taraf mereka, kita tidak boleh katakan itu satu dasar yang baik dan akhirnya itu akan menjadikan dengan izin *lopsided development* di mana kita ada bangunan-bangunan yang cantik yang tinggi seperti KOMTAR tetapi terdapat majoriti penduduk yang tidak mendapat kemudahan-kemudahan itu. Saya ingin memastikan di sini dan juga Tuan Speaker, saya timbulkan perkara ini oleh kerana jikalau kita buat satu gambaran pembangunan mengenai orang-orang yang bertaraf rendah mesti kita kena ingat kebanyakan mereka tidak dapat lagi kemudahan-kemudahan asas mahupun di luarbandar dan dalam bandar juga. Ada banyak orang yang cuba mendapat kemudahan-kemudahan seperti bekalan air dan bekalan elektrik dan masih susah mendapat bekalan-bekalan itu dan juga tidak mendapat jalan-jalan raya yang cantik yang bersih dalam kampung-kampung. Di antara kampung-kampung yang saya katakan tadi masih terdapat penduduk-penduduk yang mengharapkan kemudahan-kemudahan asas seperti yang saya kata tadi, kemudahan elektrik, kemudahan api, jalan yang bersih, kawasan yang bersih dan pihak Majlis Perbandaran yang boleh membuat kerja dengan rajin. Itu yang dikehendaki oleh penduduk-penduduk yang majoriti dalam negeri kita. Oleh kerana itulah saya timbulkan, dan saya tanya sekali lagi adakah satu dasar yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan jikalau ada, saya ingin tahu apa alasan-alasan mengenai dasar itu.

Tuan Speaker, dalam projek-projek yang dilancarkan oleh Kerajaan terdapat banyak projek-projek yang kecil untuk kampung-kampung dan saya tahu ada projek-projek yang telahpun dilaksanakan. Tetapi masalah yang

saya ingin sebut di sini ialah adakah projek-projek di mana pihak Kerajaan memberi satu anggaran, ada di *implementkan* dengan betul, dengan kos yang betul. Ingin saya timbulkan di sini oleh kerana apabila kita melancarkan projek-projek itu, projek itu dilancarkan melalui badan-badan seperti Rukun Tetangga dan J.K.K.K. dan apabila projek-projek ini telahpun di *implementkan* baru kita mendapat maklumat iaitu anggaran projek itu ataupun perbelanjaan projek itu adalah \$3,000.00, \$4,000.00 ataupun \$10,000.00 tetapi apabila pergi tengok, itu kita nampak dan saya sendiri nampak projek itu bukan harga setinggi itu. Jikalau kita *implementkan* projek itu melalui Rukun Tetangga, melalui Pegawai Daerah dan lain-lain pihak dan akhirnya kita mendapat satu projek dan tidak menggambarkan satu harga yang patut dibelanjakan. Saya sakit hati di sini. Barangkali ada *hanky panky* dalam projek ini, bukan saja satu projek tetapi banyak dan saya boleh sebutkan contoh di sini. Di kawasan saya, di Prai, cuma satu projek saja di mana satu tapak Pasar Malam dibersihkan dengan sedikit tanah merah dan barangkali tanah merah yang digunakan boleh jadi 5 lori atau 6 lori saja dibuang dan ratakan. Projek ini dianggarkan \$3,000.00. Ini tidak menggambarkan belanjawan yang sebenarnya, oleh kerana itu saya ingin bertanya pihak Kerajaan apabila Y.A.B. Ketua Menteri ada sebut, pihak Kerajaan ada mengawal belanjawan dengan rapi. Apa sistem yang kita ada? Cara mana kita memastikan belanjawan ini dikawal dengan rapi, dan di *monitor* dengan rapi. Adakah satu sistem ataupun cuma kita bagi kepada satu pihak, kita bagi kepada Pegawai Daerah dan Pegawai Daerah bagi kepada Rukun Tetangga dan mereka buat apa yang mereka suka? Adakah begitu atau kita adakah satu sistem dan apakah sistem itu? Itu yang saya bangkitkan di sini dan saya ingin mendapatkan jawapan.

Satu contoh Tuan Speaker, saya ingin

menimbulkan di sini ialah macam saya kata dahulu saya sakit hati oleh kerana barangkali ada *hanky-panky*. Saya dapati satu surat daripada pihak Pegawai Kewangan. Terdapat satu projek yang dianggarkan \$2,500.00 saja di mana anggaran itu dibelanjakan untuk mendapat pasir ataupun *quarry-waste* untuk tiga atau empat tempat dan apabila saya pergi ke Pejabat Daerah dan minta pegawai-pegawai di situ dan bertanya mereka dan buat satu cadangan kepada mereka, saya sendiri dapati satu kontraktor yang saya percaya melalui kontraktor itu saya boleh mengimplementkan projek itu tetapi projek itu tidak dilaksanakan sampai masa sekarang. Oleh kerana apabila saya pergi ke Pejabat Daerah untuk jumpa Pegawai Daerah, Pegawai Daerah tidak ada di situ. Selalu saya terima satu *excuse*, – “D.O. tidak ada di situ, tidak boleh jumpa dengan dia, dia pergi mesyuarat” tetapi bila kita mahu *implement* projek ini saya pun tidak tahu. Apa sebab bila saya sendiri dapat peluang untuk *supervise* projek ini, saya tidak dapat satu peluang untuk jaga, dan *monitor* projek itu, saya tidak tahu. Oleh kerana itulah saya minta adakah satu sistem yang mana kita *monitor* dan kita tidak membazir wang.

Tuan Speaker, ada satu, dua perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari pihak sebelah sana iaitu saya ingin memberi satu *comment* di sini. Satu ialah intergrasi kaum yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kawasan Pinang Tunggal. Saya terima dasar ini tetapi apabila kita terima dasar intergrasi kaum, adakah kita dengan sesungguhnya ada mengimplementkan satu dasar intergrasi kaum? Dalam Pulau Pinang kita nampak ada rumah-rumah pangsa yang di bina untuk satu kaum dan juga *stall-stall*, gerai-gerai untuk makanan untuk satu kaum, kaum Melayu, Kaum Cina dan kita sendiri apabila kita melaksanakan projek semacam itu, kita yang memisahkan, kita yang

mengasingkan diantara satu kaum dengan satu kaum. Saya ingat pihak Kerajaan sendiri kena bertanggungjawab di mana pada masa akan datang apabila mereka membuat rancangan rumah pangsa, mesti diberi rumah-rumah pangsa itu kepada berbagai kaum di mana jiran kita boleh jadi daripada kaum yang lain. Jika kita ada satu keluarga daripada keturunan India, kita bagi jadi jiran dia daripada kaum Cina ataupun kaum Melayu, baru kita boleh ada satu integrasi kaum. Jikalau kita sendiri tidak bertanggungjawab dan kita tidak *implement*kan satu projek di mana kita boleh adakan satu intergrasi, mana boleh cakap intergrasi sahaja.

Tuan Speaker, lagi satu perkara, cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Pinang Tunggal ialah mengadakan satu *People's Park* dan saya pun menyokong cadangan itu dan kita mesti mengadakan satu *People's Park* tetapi apa yang kita kena ambil perhatian ialah dalam Pulau Pinang kita ada berbagai bangsa, berbagai agama dan kebudayaan dan jikalau kita ada satu *People's Park* di mana kita boleh menggambarkan kebudayaan-kebudayaan daripada berbagai kaum dan tradisi-tradisi daripada semua kaum dan kita boleh ada satu *People's Park* yang boleh jadi satu *tourist attraction* dan lebih baik jikalau *People's Park* itu boleh jadi satu tempat yang luas seperti *Tiananmen Square* di Peking adalah lebih baik juga kita boleh adakan lebih ramai orang yang boleh dikumpulkan di situ.

Dengan itu Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga esok jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.40 petang.